05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DAYA TAMPUNG DAN TAHAP KEPUASAN PENGGUNA TERHADAP KEMUDAHAN SOSIAL DI MUKIM SERENDAH

MOHD FAIZUL BIN MUHAMMAD

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (GEOGRAFI) (MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DAYA TAMPUNG DAN TAHAP KEPUASAN PENGGUNA TERHADAP KEMUDAHAN SOSIAL DI MUKIM SERENDAH

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji daya tampung dan tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan sosial yang sedia ada di Mukim Serendah. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan telah digunakan dalam kajian ini. Aspek daya tampung kemudahan sosial dianalisis berdasarkan Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD). Pensampelan rawak mudah berstrata digunakan untuk memilih seramai 400 orang responden di kawasan Mukim Serendah. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferens. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan daya tampung kemudahan sosial terpilih mengikut kawasan di Mukim Serendah. Kemudahan sosial yang paling banyak tidak memenuhi piawaian seperti digariskan oleh pihak JPBD adalah di Bukit Beruntung. Hampir kesemua kemudahan pendidikan tadika pula memenuhi piawaian seperti yang digariskan oleh pihak JPBD dan selari dengan pandangan pengguna terhadap daya tampung kemudahan tersebut. Tahap kepuasan pengguna pula menunjukkan kemudahan sosial di Mukim Serendah berada pada tahap sederhana sehingga tahap amat tidak memuaskan. Keputusan ujian khi kuasa dua menunjukkan wujud perbezaan bagi kemudahan pendidikan tadika iaitu (x^2=35.133, $p<0.05$) dan kemudahan kesihatan iaitu (x^2=8.905, $p<0.05$). Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan terdapat kemudahan sosial yang memenuhi piawaian seperti yang ditetapkan oleh pihak JPBD tetapi dari segi pandangan responden ia tidak mencukupi. Implikasi kajian memperlihatkan bahawa perancangan penyediaan kemudahan sosial perlu mematuhi garis panduan seperti yang telah digariskan oleh pihak JPBD di samping pandangan penduduk juga perlu diambil kira bagi memastikan kemudahan yang akan dilaksanakan dapat memenuhi keperluan penduduk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

CARRYING CAPACITY AND CONSUMER SATISFACTION ON THE SOCIAL FACILITIES IN SERENDAH DISTRICT

ABSTRACT

This study aimed to review the carrying capacity and consumer satisfaction of the selected social facilities existing in Serendah District. Survey-based quantitative evaluations were used in this study. The aspects of social facilities were analyzed based on the Community Facilities Planning Guidelines issued by the Town and Country Planning Department of Peninsular Malaysia (JPBD). Stratified simple random sampling was used to select a total of 400 respondents in Serendah District. The data were analyzed using descriptive analysis and inference. The findings show there are differences in the capacity of selected social facilities by the sub-district as low as possible. Bukit Beruntung area has the most social facilities that do not meet the standards of JPBD. Almost all kindergarten educational services did meet the standards set out by JPBD and it's inline with views of the users against the force patch facility. The level of consumer satisfaction shows the social facilities in the sub-district as low as moderate to the extent unsatisfactory. Chi-square test shows that there are differences for kindergarten education services (x^2=35.133, p<0.05) and health facilities (x^2=8.905, p<0.05). In conclusion, this study shows that although there are facilities that meet the standards outlined in terms of respondent views but it was not enough. The implication of the study shows that social facilities must comply with the guidelines of JPBD in addition to the views of the population should also be taken into account to ensure that the facilities will be implemented in the future to meet the needs of the population.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

Muka surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI FOTO	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar belakang kajian	3
1.3	Pernyataan masalah	6
1.4	Persoalan kajian	8
1.5	Matlamat dan objektif kajian	9
1.6	Skop dan batasan kajian	10
1.7	Kerangka konseptual	12
1.8	Kepentingan kajian	14

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Organisasi penulisan kajian 16

BAB 2 KONSEP DAYA TAMPUNG DALAM ASPEK KEMUDAHAN SOSIAL: SATU SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan 19

2.2 Definisi daya tampung 20

2.3 Tahap kepuasan pengguna 27

2.4 Kemudahan sosial 29

2.5 Jenis-jenis kemudahan sosial terpilih 33

2.5.1 Kemudahan pendidikan 34

2.5.2 Kemudahan kesihatan 38

2.5.3 Kemudahan keselamatan 41

2.5.4 Kemudahan pusat komuniti 42

2.6 Faktor-faktor yang mempengaruhi daya tampung dan tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan sosial 44

2.6.1 Bilangan penduduk 45

2.6.2 Keperluan masyarakat 45

2.6.3 Sosio-ekonomi penduduk 46

2.6.4 Aksesibiliti 47

2.6.5 Kawasan 50

2.7 Garis panduan perancangan kemudahan masyarakat 52

2.7.1 Keperluan garis panduan 52

2.7.2 Peruntukan perundangan dan dasar 54

2.7.3 Piawaian penyediaan kemudahan sosial 54

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8 Kesimpulan 58

BAB 3 KAEDAH DAN KAWASAN KAJIAN

3.1 Pendahuluan 59

3.2 Reka bentuk kajian 60

3.3 Keperluan data dan kaedah pengumpulan data 61

3.3.1 Keperluan data 61

3.3.2 Kaedah pengumpulan data 62

3.3.3 Soal selidik 63

3.3.4 Temu bual 64

3.3.5 Pemerhatian 68

3.3.6 Data sekunder 69

3.4 Sampel dan kaedah pensampelan 70

3.4.1 Sampel 70

3.4.2 Kaedah pensampelan 71

3.4.3 Kaedah pemilihan sampel 72

3.5 Pembentukan borang soal selidik 76

3.6 Kaedah analisis data 77

3.7 Lokasi kajian 81

3.8 Kesimpulan 86

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	88
4.2	Profil dan taraf sosioekonomi responden	89
4.3	Analisis kemudahan sosial terpilih yang sedia ada di mukim serendah	94
4.4	Analisis daya tampung kemudahan sosial mengikut piawaian	99
	4.4.1 Analisis daya tampung kemudahan pendidikan	99
	4.4.1.1 Analisis daya tampung kemudahan tadika	101
	4.4.1.2 Analisis daya tampung kemudahan sekolah rendah	104
	4.4.1.3 Analisis daya tampung kemudahan sekolah menengah	109
	4.4.2 Analisis daya tampung kemudahan kesihatan	113
	4.4.3 Analisis daya tampung kemudahan keselamatan	117
	4.4.4 Analisis daya tampung kemudahan pusat komuniti	120
4.5	Analisis keseluruhan daya tampung kemudahan sosial terpilih sedia ada di Mukim Serendah mengikut kawasan berdasarkan piawaian	123
4.6	Analisis jarak kemudahan sosial berdasarkan piawai	119
4.7	Daya tampung kemudahan sosial berdasarkan pandangan responden	128
	4.7.1 Pandangan responden terhadap daya tampung kemudahan pendidikan	128
	4.7.2 Pandangan responden terhadap daya tampung kemudahan kesihatan	131
	4.7.3 Pandangan responden terhadap daya tampung kemudahan keselamatan	135

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7.4	Pandangan responden terhadap daya tampung kemudahan pusat komuniti	138
4.7.6	Analisis keseluruhan daya tampung kemudahan sosial terpilih yang sedia ada mengikut kawasan berdasarkan pandangan responden	139
4.8	Tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan sosial terpilih yang sedia ada di Mukim Serendah	141
4.8.1	Tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan pendidikan	142
4.8.2	Tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan kesihatan	145
4.8.3	Tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan keselamatan	148
4.8.4	Tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan pusat komuniti	151
4.9	Analisis cadangan penambahbaikan kemudahan sosial terpilih	154
4.10	Kesimpulan	160

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	162
5.2	Perbincangan dan rumusan kajian	163
5.3	Sumbangan kajian	166
5.4	Cadangan penambahbaikan kemudahan sosial terpilih	168
5.5	Kesimpulan	169

RUJUKAN 171

LAMPIRAN 178

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka surat
2.1	Klasifikasi kemudahan awam	31
2.2	Peranan agensi dalam membangunkan kemudahan masyarakat	32
2.3	Agensi bertanggungjawab dalam pembangunan kemudahan masyarakat	33
2.4	Kategori dan kriteria kemudahan kesihatan	40
2.5	Kategori pusat komuniti	42
2.6	Piawaian penyediaan kemudahan sosial	55
3.1	Penentuan sampel menggunakan persampelan berstrata	74
3.2	Senarai subjek yang ditemu bual	76
3.3	Hubungan antara nilai min dengan nilai interpretasi untuk menguji tahap kepuasan responden	79
3.4	Kawasan perumahan di Mukim Serendah	84
4.1	Profil dan taraf sosioekonomi responden mengikut kawasan di Mukim Serendah	90
4.2	Bilangan kemudahan sosial sedia ada terpilih mengikut kawasan di Mukim Serendah	95
4.3	Piawaian semasa penyediaan kemudahan pendidikan	100
4.4	Analisis kemudahan tadika di Mukim Serendahn mengikut kawasan berdasarkan piawaian	103
4.5	Analisis kemudahan sekolah rendah (SR) di Mukim Serendah mengikut kawasan berdasarkan piawaian nisbah penduduk	106
4.6	Analisis kemudahan sekolah menengah di Mukim Serendah berdasarkan nisbah penduduk	109

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7	Analisis kemudahan sekolah menengah (SM) di Mukim Serendah mengikut kawasan berdasarkan piawaian sesi persekolahan dan nisbah sekolah menengah dengan bilangan murid	111
4.8	Analisis kemudahan tadika di mukim serendah mengikut kawasan berdasarkan piawaian nisbah penduduk	112
4.9	Bilangan kemudahan kesihatan mengikut kawasan di Mukim Serendah	115
4.10	Kemudahan keselamatan mengikut kawasan di Mukim Serendah	119
4.11	Analisis kemudahan pusat komuniti sedia ada mengikut piawaian di Mukim Serendah	122
4.12	Analisis keseluruhan daya tampung kemudahan sosial sedia ada terpilih di Mukim Serendah mengikut kawasan	123
4.13	Jarak kemudahan tadika terpilih dari tempat tinggal responden	125
4.14	Jarak kemudahan sosial terpilih dari tempat tinggal responden	126
4.15	Jarak kemudahan menengah terpilih dari tempat tinggal responden	127
4.16	Pandangan responden terhadap daya tampung kemudahan pendidikan sedia ada mengikut kawasan di Mukim Serendah	130
4.17	Pandangan responden terhadap daya tampung kemudahan kesihatan sedia ada mengikut kawasan di Mukim Serendah	133
4.18	Pandangan responden terhadap daya tampung kemudahan keselamatan sedia ada mengikut kawasan di Mukim Serendah	136
4.19	Pandangan responden terhadap daya tampung kemudahan pusat komunti sedia ada mengikut kawasan di Mukim Serendah	138
4.20	Analisis keseluruhan daya tampung kemudahan sosial terpilih yang sedia ada mengikut kawasan berdasarkan pandangan responden	140
4.21	Tahap kepuasan responden terhadap kemudahan pendidikan mengikut kawasan di Mukim Serendah	143

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.22	Tahap kepuasan responden terhadap kemudahan kesihatan mengikut kawasan di Mukim Serendah	146
4.23	Tahap kepuasan responden terhadap kemudahan keselamatan mengikut kawasan di Mukim Serendah	149
4.24	Tahap kepuasan responden terhadap kemudahan pusat komuniti mengikut kawasan di Mukim Serendah	153

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka surat
1.1	Kerangka konseptual	13
2.1	Jarak antara kemudahan pendidikan dengan kediaman	49
2.2	Konsep perancangan penyediaan kemudahan masyarakat bagi sebuah subbandar	51
3.1	Formula Slovin	71
3.2	Teknik analisis data kuantitatif dan kualitatif	80
3.3	Kawasan kajian di Mukim Serendah	83
4.1	Taburan kemudahan sosial terpilih berdasarkan peratus keseluruhan kemudahan	96
4.2	Analisis keseluruhan kemudahan sosial terpilih mengikut kawasan di Mukim Serendah	98
4.3	Jumlah kemudahan tadika mengikut kawasan	102
4.4	Jumlah kemudahan sekolah rendah mengikut kawasan	105
4.5	Jumlah kemudahan sekolah menengah mengikut kawasan	108
4.6	Jumlah kemudahan kesihatan mengikut kawasan	115
4.7	Jumlah kemudahan keselamatan polis mengikut kawasan	118
4.8	Perbandingan jumlah peratus antara jenis kemudahan sosial terpilih sedia ada yang memenuhi piawai dengan kemudahan tidak memenuhi piawai mengikut kawasan	124
4.9	Cadangan supaya kualiti kemudahan sosial perlu ditambahbaik	155
4.10	Cadangan supaya kemudahan sosial perlu disediakan berhampiran dengan tempat tinggal	156
4.11	Cadangan supaya lokasi kemudahan sosial perlu diletakkan	157

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

di kawasan yang mempunyai ketersampaian kemudahan pengangkutan awam

4.12 Cadangan supaya taburan kemudahan perlu diseimbangkan dengan jumlah penduduk 158

4.13 Cadangan supaya jumlah kemudahan sosial perlu ditambah mengikut jumlah penduduk 159

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI FOTO

No. Foto		Muka Surat
4.1	Kemudahan keselamatan di Bukit Sentosa	120
4.2	Kemudahan kesihatan di Bukit Sentosa	132
4.3	Kesesakan pengguna di pusat kemudahan kesihatan di Bukit Sentosa	134
4.4	Kemudahan balai polis di Bukit Beruntung	137
4.5	Kawalan keselamatan di kawasan perumahan di Bukit Sentosa	137

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

JPBD	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MDHS	Majlis Daerah Hulu Selangor
PPDHS	Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Selangor
RMK 10	Rancangan Malaysia Kesepuluh
SPSS	Statistic Package for Social Science
WTO	World Tourism Organization

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Kemudahan sosial merupakan salah satu elemen penting dalam proses perancangan dan pembangunan negara. Menurut Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD), penyediaan kemudahan yang mencukupi dari segi kuantiti dan kualiti adalah perlu kerana ianya bukan sahaja menggambarkan perubahan permintaan tetapi juga sebagai indikator pembangunan dan taraf hidup sesuatu masyarakat (Malaysia, 2013b). Isu kekurangan penyediaan kemudahan sosial telah menjadi perkara biasa bagi penduduk luar bandar. Malahan, masalah ini turut dialami oleh penduduk bandar kesan daripada proses pembandaran. Proses pembandaran yang pesat secara langsungnya membawa kepada peningkatan bilangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penduduk disebabkan penghijrahan dan pertumbuhan semula jadi terutama di bandar-bandar utama di Malaysia (Wan Rozali, 2007).

Impak peningkatan penduduk telah mempengaruhi permintaan terhadap keperluan kemudahan asas dan kemudahan sosial yang semakin meningkat terutama keperluan kediaman, bekalan air bersih, bekalan elektrik, sistem pembuangan najis, sampah sarap, perparitan, kemudahan kesihatan, ibadah, pendidikan dan rekreasi (Wan Rozali, 2007). Kemudahan sosial merangkumi beberapa sektor seperti kemudahan tanah lapang dan rekreasi, tempat ibadat, pendidikan, kesihatan, bomba, polis, perpustakaan awam, dewan orang ramai dan tanah perkuburan (Malaysia, 2013b). Penyediaan kemudahan dan perkhidmatan kepada masyarakat tidak harus dipandang mudah kerana penyediaan yang kurang memuaskan boleh memberi kesan negatif kepada masyarakat keseluruhannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyediaan dan penawaran yang memuaskan bukan sahaja dikira dari segi bilangannya berasaskan jumlah penduduk tetapi juga dari segi tapak, taburan yang seimbang dan kualiti perkhidmatan serta kesesuaiannya dengan masyarakat setempat (Malaysia, 2013b). Hal ini akan dapat memastikan setiap lapisan masyarakat boleh menikmati kemudahan yang disediakan. Kebiasaannya kemudahan masyarakat dilihat oleh pemaju sebagai gunatanah yang tidak menguntungkan. Walau bagaimanapun ianya dapat menaikkan nilai hartanah sesuatu kawasan kerana kemudahan ini memberi faedah kepada penduduk dalam kawasan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Latar Belakang Kajian

Penyediaan kemudahan kepada penduduk adalah menjadi tanggungjawab pihak kerajaan bagi memastikan kesejahteraan hidup (*well-being*) setiap rakyat dan tiada di antara mereka yang taraf hidupnya dhaif (Wan Abdul Aziz, 2004). Namun demikian, pihak swasta juga memainkan peranan penting dalam penyediaan kemudahan kepada penduduk. Sektor swasta digalakkan untuk terlibat dalam penyediaan kemudahan masyarakat berasaskan *Corporate Social Resposibility* (CSR), pihak pemaju bertanggungjawab untuk menyedia dan menyumbang tapak manakala pihak kerajaan bertanggungjawab membina dan menyelenggara bangunan kemudahan masyarakat (Malaysia, 2013b).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Antara kemudahan-kemudahan sosial yang sangat penting kepada masyarakat ialah kemudahan pendidikan. Penduduk menjadikan pembangunan pendidikan sebagai kayu ukur kepada peningkatan kualiti hidup mereka pada masa hadapan (Rosniza, 2011). Ini kerana apabila wujud keciciran dalam pembelajaran anak-anak akan dikhuatiri akan mengundang nasib yang sama dengan apa yang berlaku kepada mereka. Kemudahan pendidikan seperti tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah amat diperlukan oleh masyarakat. Masalah yang dihadapi berkaitan kemudahan pendidikan adalah berkaitan dengan penyediaan kemudahan yang terhad. Peningkatan jumlah pelajar akan menyebabkan sekolah terpaksa beroperasi dalam dua sesi iaitu sesi pagi dan sesi petang. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia mengenai dasar penyediaan kemudahan pendidikan adalah seperti menggalakkan pelajar-pelajar menghadiri sekolah yang terdekat dengan tempat tinggal, sekolah-sekolah menjalankan satu sesi persekolahan sahaja dan saiz kelas adalah untuk 35 pelajar dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

25 murid bagi Tadika (Mohd Faizul *et. al*, 2017). Dalam hal ini, didapati terdapat banyak sekolah yang tidak dapat memenuhi dasar yang ditetapkan Jabatan Pendidikan Negara.

Isu penyediaan kemudahan kesihatan juga merupakan masalah utama kepada masyarakat luar bandar. Menurut Menteri Kesihatan, Datuk Seri S. Subramaniam, beliau menyatakan bahawa wad-wad hospital kerajaan pada masa kini terutama di kawasan-kawasan di Selangor, Perak dan Pulau Pinang menghadapi masalah kesesakan ekoran pertambahan penduduk (Utusan Melayu, 2014). Bagi mengatasi masalah tersebut kerajaaan perlu menyediakan lebih banyak hospital di kawasan berkenaan. Kemudahan kesihatan kerajaan ini perlu disediakan mengikut keperluan penduduk. Di kawasan luar bandar penduduk mempunyai pelbagai latar belakang ekonomi. Bagi mereka yang berpendapatan sederhana, kemudahan kesihatan kerajaan amat penting kepada mereka kerana faktor kos yang lebih rendah. Di samping itu, perletakan kemudahan kesihatan juga perlu diambil kira dalam penyediaan kemudahan kesihatan kepada masyarakat. Lokasi hospital yang jauh dari tempat tinggal boleh mendatangkan masalah kepada penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan.

Masalah penyediaan kemudahan-kemudahan sosial yang mencukupi kepada masyarakat ini bertambah rumit disebabkan berlakunya pertambahan penduduk. Pertambahan penduduk yang pesat menyebabkan kemudahan-kemudahan yang sedia ada tidak dapat menampung keperluan penduduk terhadap kemudahan yang disediakan. Pertambahan penduduk yang begitu ramai sudah tentu memerlukan taraf kemudahan sosial yang tinggi. Fatimah & Noraziah (2004), menghuraikan, penunjuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesejahteraan isirumah dan keluarga ialah melalui penyediaan prasarana tertentu, yang mana mestilah mencukupi, mudah didapati dan sesuai. Hal ini bagi memastikan keluarga dapat hidup dalam keadaan yang sejahtera dan tidak meninggalkan kesan-kesan negatif terhadap komuniti setempat, masyarakat dan persekitaran.

Peningkatan jumlah penduduk ini didapati semakin berterusan disebabkan oleh beberapa faktor. Trend peningkatan penduduk ini disebabkan warga kota Bandaraya Kuala Lumpur yang memilih untuk membeli rumah di Mukim Serendah seperti di Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa disebabkan faktor harga yang jauh lebih rendah. Menurut Katiman *et. al* (2011), migrasi ke kawasan peri-metropolitan ini dipacu oleh beberapa faktor seperti keadaan yang terdapat di kawasan teras khususnya kepadatan penduduk yang tinggi, harga dan sewa rumah di kawasan teras yang mahal, dasar kerajaan yang berusaha menyahpusatkan pembangunan ke pinggir dengan menempatkan sebahagian fungsi bandar raya ke pinggir. Faktor lain ialah pembinaan lebuh raya pantas dan pengenalan perkhidmatan komuter juga pengangkutan keretapi aliran ringan yang menghubungkan bandar raya dengan kawasan pinggirannya dan penawaran peluang pekerjaan serta peluang memiliki hartanah di pinggiran metropolitan.

Faktor-faktor tersebut amat berperanan dalam mempengaruhi pertambahan penduduk di Mukim Serendah. Selain daripada harga rumah yang rendah, Mukim Serendah dihubungkan dengan Lebuh Raya Utara-Selatan (PLUS). Ketersampaian yang tinggi ini menyebabkan kawasan tersebut menjadi pilihan kepada mereka yang bekerja di kota metropolitan dan warga yang berhampiran dengannya untuk menetap di Mukim Serendah. Mukim Serendah juga merupakan kawasan perindustrian utama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

di Hulu Selangor terutama di Bukit Beruntung dan Sungai Choh. Kewujudan kilang-kilang telah menyediakan peluang pekerjaan kepada warga tempatan dan juga warga asing.

Menurut Yuhaniza (2006), penyediaan kemudahan-kemudahan sosial ini mengambil kira beberapa faktor seperti kualiti, taburan, kemudahsampaian, lokasi dan jumlah kemudahan sosial. Faktor-faktor tersebut perlu diambil kira oleh pihak yang berkenaan dalam merancang sesuatu projek yang akan dilaksanakan untuk memastikan kemudahan-kemudahan sosial tersebut dapat dimanfaatkan oleh penduduk dengan berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Pernyataan Masalah

Perubahan jumlah penduduk di Mukim Serendah dikenal pasti sebagai punca yang mempengaruhi daya tampung kemudahan sosial di kawasan berkenaan. Jumlah penduduk yang terlalu ramai menyebabkan kemudahan sosial tidak dapat disediakan dengan secukupnya dan sempurna kepada rakyat. Perubahan penduduk secara drastik ini telah berlaku di setiap penempatan utama yang terdapat di Mukim Serendah. Salah satu kawasan yang mengalami pertumbuhan penduduk yang pesat ialah Bukit Beruntung yang merupakan pusat petempatan yang mengalami pertambahan penduduk yang tertinggi di Negeri Selangor dalam masa 10 tahun iaitu dari tahun 2000 hingga 2010 iaitu peningkatan sebanyak 111.56 peratus (Malaysia, 2014). Kawasan ini berfungsi sebagai pusat petempatan yang semakin berkembang dengan lokasi yang berdekatan dengan lebuh raya, pembinaan kompleks perniagaan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peluang pekerjaan yang tinggi terutamanya di kawasan industri automatif di Serendah dan Sungai Choh (Malaysia, 2014).

Sebelum ini, kawasan-kawasan baharu yang terletak di Mukim Serendah seperti Bandar Baru Bukit Beruntung, Bandar Baru Bukit Sentosa dan Bandar Baru Sungai Buaya menjadi seolah-olah bandar mati kerana kawasannya kekurangan penghuni. Bukit Beruntung pada asalnya dibuka untuk menempatkan *Proton City* tetapi ia tidak berlaku atas sebab-sebab tertentu dan ia telah ditukar ke Tanjong Malim (Malaysia, 2011b). Ekoran daripada itu, kawasan tersebut telah dibangunkan dengan pembinaan perumahan-perumahan dan bangunan-bangunan rumah kedai. Memandangkan Bukit Beruntung adalah satu bandar baru dan asalnya lebih kepada bandar automatif, imej dan bandar yang dirancang tidak kelihatan, malah keadaan bangunan kediaman yang uzur akibat terbiar lebih mudah diingati sebagai imej yang agak negatif pada bandar ini (Malaysia, 2011b). Keadaan itu turut dialami oleh bandar-bandar baru yang berhampiran dengannya seperti Bandar Baru Bukit Sentosa dan Bandar Baru Sungai Buaya.

Kawasan-kawasan lain di Mukim Serendah juga berlaku perkembangan jumlah penduduk seperti kawasan Sungai Buaya. Pembinaan persimpangan bertingkat Sungai Buaya yang siap sepenuhnya pada awal tahun 2014 telah mengembalikan pembangunan di Sungai Buaya. Pada tahun 1994, lebih 8,000 orang membeli rumah di Bandar Sungai Buaya (Zulkiflee, 2010). Namun setelah kegagalan projek pembinaan persimpangan bertingkat yang menghubungkan Sungai Buaya dengan Lebuh Raya Utara-Selatan (PLUS) menyebabkan jumlah penduduk berkurangan daripada 8,000 kepada 5,000 orang. Persimpangan bertingkat tersebut telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memudahkan penduduk sekitar Sungai Buaya, Sungai Choh dan utara Rawang yang berjumlah lebih daripada 100,000 orang, terutamanya bagi yang berulang-alik ke ibu kota pada setiap hari.

Di sebalik pembangunan yang kian rancak berlaku di Mukim Serendah, wujud permasalahan terhadap penduduk iaitu isu penyediaan kemudahan-kemudahan sosial. Dalam hal ini, kemudahan-kemudahan sosial yang sedia ada masih lagi pada tahap yang lama dan perkara yang lebih berat lagi apabila kemudahan-kemudahan tersebut tidak diselenggara dengan baik. Oleh yang demikian, kajian yang dilakukan ini bertujuan mengkaji daya tampung kemudahan-kemudahan sosial yang sedia ada sama ada kemudahan tersebut dapat menampung keperluan penduduk yang semakin bertambah dengan pesat. Berdasarkan kepada pemerhatian awal didapati kemudahan-kemudahan sosial yang terdapat pada masa ini didapati tidak mampu untuk memenuhi keselesaan penduduk akibat daripada perkembangan migrasi penduduk ke kawasan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Persoalan Kajian

Kajian yang dijalankan ini akan menjawab tiga persoalan kajian seperti berikut:

1. Adakah kemudahan sosial yang sedia ada dapat menampung keperluan penduduk?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Adakah kemudahan sosial yang terdapat di Mukim Serendah dapat memenuhi kepuasan penduduk?

3. Apakah cadangan bagi penambahbaikan penyediaan kemudahan sosial terpilih di kawasan kajian.

1.5 Matlamat dan Objektif Kajian

Matlamat kajian ini dilakukan bertujuan menilai keupayaan daya tampung dan tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan sosial terpilih yang disediakan di kawasan kajian. Antara objektif kajian ini adalah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Mengkaji kemudahan sosial dan daya tampung kemudahan sosial terpilih yang ditawarkan di Mukim Serendah,

2. menganalisis tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan-kemudahan sosial terpilih yang ditawarkan di Mukim Serendah,

3. mengemukakan cadangan bagi menambahbaik perancangan penyediaan kemudahan-kemudahan sosial terpilih di kawasan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini dilakukan khusus untuk penduduk yang menetap di Mukim Serendah. Mukim Serendah dipilih sebagai lokasi kajian kerana Mukim Serendah merupakan mukim yang mempunyai bilangan penduduk yang paling tinggi di Daerah Hulu Selangor. Mukim Serendah pula terbahagi kepada lima kawasan utama iaitu Bukit Beruntung, Bukit Sentosa, Sungai Buaya, Sungai Choh dan Serendah. Lima kawasan ini menjadi fokus kepada kajian daya tampung kemudahan-kemudahan sosial yang sedia ada mengikut kawasan. Wujudnya ketidakseimbangan dari segi jumlah penduduk dengan kuantiti kemudahan-kemudahan sosial mengikut kawasan menjadi faktor Mukim Serendah dipilih sebagai lokasi kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini juga memfokuskan kepada kemudahan-kemudahan sosial terpilih seperti kemudahan pendidikan, kemudahan kesihatan, kemudahan keselamatan, dan kemudahan pusat komuniti. Empat kemudahan tersebut dipilih kerana kebanyakan kemudahan tersebut terdapat di lima kawasan utama di Mukim Serendah. Tujuan utama kemudahan-kemudahan tersebut dikaji kerana kemudahan ini didapati terdapat beberapa permasalahan yang penting berkaitan dengan aspek daya tampung. Aspek yang utama adalah berkaitan dengan kuantiti kemudahan sosial. Kebanyakan kemudahan sosial terpilih yang sedia ada di setiap kawasan di Mukim Serendah didapati tidak banyak berlaku perubahan walaupun berdasarkan statistik pertumbuhan penduduk di kawasan tersebut berlaku perubahan yang drastik. Faktor ini memainkan peranan yang penting dalam aspek kajian yang berkaitan dengan daya tampung.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis daya tampung kemudahan sosial terpilih dilakukan dengan berpandukan garis panduan penyediaan kemudahan masyarakat yang dikeluarkan oleh pihak JPBD pada tahun 2013. Aspek daya tampung yang dikaji adalah berdasarkan piawaian nisbah penduduk dengan bilangan kemudahan, nisbah bilangan kemudahan dengan murid dan jarak kemudahan dari tempat tinggal responden.

Kajian ini memfokuskan kepada orang awam yang menggunakan kemudahan-kemudahan sosial yang sedia ada di kawasan kajian. Kajian ini mengambil kira luahan penduduk terhadap tahap kepuasan mereka terhadap kemudahan-kemudahan sosial terpilih yang sedia ada. Masalah penyediaan kemudahan sosial seperti kemudahan pendidikan, kemudahan kesihatan, kemudahan keselamatan dan pusat komuniti akan diteliti kerana kemudahan tersebut sangat penting kepada semua lapisan masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, kajian ini juga meneliti semua permasalahan yang dialami oleh penduduk yang berkaitan dengan penawaran kemudahan-kemudahan sosial yang terdapat di kawasan mereka. Pandangan daripada penyelia dan juga pemerhatian juga akan diambil. Skop kajian ini terbatas kepada penduduk yang menetap di Mukim Serendah sahaja yang terlibat secara langsung dengan penggunaan kemudahan-kemudahan sosial yang terdapat di mukim tersebut. Selain itu, seramai 400 orang responden telah dikenal pasti untuk dijadikan responden dalam kajian ini. Pemilihan responden dan pensampelan ini dijalankan secara rawak melalui borang kaji selidik yang dibentuk untuk menjawab objektif kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


1.7 Kerangka Konseptual

Rajah 1.1 menerangkan bagaimana kajian ini dilakukan secara sistematik bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Peringkat permulaan iaitu tajuk kajian adalah berdasarkan permasalahan perancangan dan tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan-kemudahan sosial. Tajuk kajian inilah yang menjadi garis panduan untuk menyelesaikan kajian yang dijalankan.

Kajian ini bertujuan mengkaji aspek daya tampung kemudahan-kemudahan sosial yang terpilih di Mukim Serendah. Definisi berkaitan daya tampung telah dipetik daripada beberapa kajian yang pernah dijalankan oleh pengkaji tempatan atau luar negara untuk memberi pemahaman yang lebih jelas tentang aspek daya tampung kemudahan sosial. Seterusnya, kajian menjurus kepada mengkaji jenis-jenis kemudahan sosial yang sedia ada di Mukim Serendah. Aspek yang dilihat adalah berkaitan dengan kemudahan-kemudahan sosial yang terpilih seperti kemudahan pendidikan, kemudahan kesihatan, kemudahan keselamatan dan kemudahan pusat komuniti. Seterusnya, kemudahan-kemudahan sosial tersebut dikaji dari aspek daya tampung dan tahap kepuasan pengguna. Kajian ini mengenal pasti pemboleh ubah bebas iaitu faktor-faktor yang mempengaruhi daya tampung dan tahap kepuasan pengguna seperti bilangan penduduk, keperluan masyarakat, sosioekonomi, aksesibiliti dan kawasan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.1. Kerangka konseptual

Akhir sekali, cadangan dan penambahbaikan terhadap kemudahan sosial di Mukim Serendah diperolehi melalui soal selidik yang dijalankan. Pengumpulan data ditentukan melalui kaedah pemerhatian dan temu bual dan soal selidik yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dilaksanakan. Rentetan dari kajian ini, masalah yang dihadapi oleh penduduk dianalisis dengan menggunakan perisian yang tertentu untuk memastikan hasil dapatan kajian dapat ditentukan kesahihannya. Data yang diperoleh dari edaran soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 22.

1.8 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai beberapa kepentingan kepada penyelidik atau pihak-pihak yang terlibat. Kepentingan kajian merujuk kepada tujuan kajian itu dilakukan. Menurut Calmorin & Calmorin (2007), penyelidik perlu membuktikan bahawa kajian tersebut memberi sumbangan penting berhubung penyelesaian masalah dan keperluan, merapatkan jurang pengetahuan, memperbaiki keadaan sosial, dan sebagainya. Kepentingan kajian dalam kertas penyelidikan, tesis atau projek penyelidikan ia merupakan satu kemestian. Oleh yang demikian, kepentingan kajian yang berkaitan dengan daya tampung dan tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan-kemudahan sosial terbahagi kepada beberapa pihak.

Kepentingan kajian ini antaranya ialah kepada peningkatan ilmu. Kajian ini adalah untuk menganalisis kemudahan-kemudahan sosial yang sedia ada di Mukim Serendah dari daya tampung dan tahap kepuasan pengguna. Kajian ini dapat meningkatkan pengetahuan penyelidik berkaitan dengan ilmu yang berkaitan dengan aspek perancangan kemudahan sosial. Ilmu yang diperolehi melalui kajian ini sangat penting kepada penyelidik terhadap kajian-kajian yang akan dijalankan pada masa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hadapan berkaitan dengan daya tampung kemudahan-kemudahan sosial. Kajian dari aspek daya tampung yang berkaitan dengan aspek kemudahan sosial masih belum dilakukan oleh pengkaji tempatan daripada penelitian terhadap kajian lepas. Kajian berkaitan daya tampung yang dilakukan oleh pengkaji tempatan kebanyakannya berkaitan dengan aspek pelancongan dan sumber alam. Oleh yang demikian, hasil kajian ini amat penting dalam mengkaji daya tampung dari aspek kemudahan sosial dan seterusnya dapat memberi pengetahuan berguna kepada pengkaji berkaitan dengan konsep daya tampung kemudahan sosial.

Di samping itu, kajian ini juga penting kepada penduduk. Kajian ini dapat menjadi saluran kepada penduduk untuk mengemukakan tahap kepuasan mereka berkaitan dengan penyediaan kemudahan-kemudahan sosial yang terdapat di kawasan kajian. Luahan dan pandangan mereka berkaitan penyediaan kemudahan-kemudahan sosial yang terdapat di kawasan mereka amat berguna kepada pihak yang terlibat dalam perancangan kemudahan sosial.

Kajian ini juga penting kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti Majlis Daerah Hulu Selangor. Data-data yang diperolehi melalui kajian ini sangat berguna untuk menilai kemahuan masyarakat di Mukim Serendah. Data-data berkaitan dengan tahap kepuasan pengguna sangat penting kepada pihak Majlis Daerah Hulu Selangor dalam merancang kemudahan yang dapat memenuhi kehendak-kehendak masyarakat. Selain daripada Majlis Daerah Hulu Selangor, kajian ini juga penting kepada pihak kementerian seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, dan pihak pemaju dalam menyediakan kemudahan yang terbaik kepada penduduk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Organisasi Penulisan Kajian

Organisasi penulisan laporan dibuat bagi menunjukkan susunan penulisan laporan mengikut perjalanan aktiviti kajian yang bermula dari bab pertama (Pengenalan) sehingga bab terakhir iaitu bab kelima (Rumusan). Dalam bab pertama, pengkaji memulakan penulisan dengan bahagian pengenalan kajian atau latar belakang kajian. Seterusnya, pernyataan masalah diterangkan bagi menjelaskan permasalahan-permasalahan yang berlaku dan membolehkan kajian tersebut releven untuk dikaji. Sebelum kajian dilaksanakan, matlamat dan objektif kajian ditetapkan untuk mencapai tujuan kajian tersebut. Selain daripada itu, bab ini turut memperincikan beberapa aspek yang lain seperti kepentingan kajian, persoalan kajian, kerangka konseptual, skop dan batasan kajian serta organisasi penulisan laporan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam bab dua pula, ulasan berkaitan kajian literatur dihuraikan untuk menjelaskan maklumat-maklumat yang bersifat teorikal atau empirikal berkenaan dengan tajuk kajian yang diperolehi melalui bahan-bahan bacaan. Bahan-bahan bacaan yang menjadi rujukan utama adalah daripada buku-buku rujukan ilmiah, artikel, jurnal, keratan akhbar, risalah, laporan penyelidikan, laman web jabatan yang berkaitan dan lain-lain. Sumber-sumber kajian lepas yang mempunyai kaitan dengan kajian yang dibuat amat penting dalam menentukan aspek-aspek yang hendak dikenal pasti dalam kajian ini.

Antara elemen yang dikemukakan dalam bab dua ini adalah tentang definisi daya tampung, tahap kepuasan pengguna, kemudahan sosial. Seterusnya, penyelidikan lepas yang berkaitan dengan jenis-jenis kemudahan sosial terpilih, faktor-faktor yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempengaruhi daya tampung dan tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan sosial turut dibincangkan. Akhir sekali, dalam bab dua ini juga diperincikan tentang garis panduan perancangan kemudahan masyarakat. Ulasan literatur amat membantu pengkaji dalam mendapatkan gambaran awal berkaitan kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji lain dan dapat membantu pengkaji mengenal pasti aspek yang boleh ditambahbaik agar kajian yang dilakukan mempunyai keaslian dan kelebihan tersendiri. Hal ini demikian adalah supaya kajian yang dilakukan mempunyai kerelevanan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

Bab yang seterusnya iaitu bab tiga pula menerangkan aspek-aspek yang berkaitan dengan kaedah kajian atau metodologi kajian. Dalam bab ini terdapat beberapa elemen yang dimasukkan seperti reka bentuk kajian, lokasi kajian, keperluan data dan kaedah pengumpulan data, sampel dan kaedah persampelan, pembentukan borang soal selidik dan kaedah menganalisis data. Manakala bab yang keempat, hasil kajian dirumuskan melalui pendekatan-pendekatan yang dirangka seperti dalam bab tiga. Data kualitatif digunakan untuk mengetahui daya tampung kemudahan sosial yang terpilih di Mukim Serendah. Data kuantitatif yang diperolehi melalui pengedaran borang soal selidik dapat menentukan tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan sosial terpilih di Mukim Serendah. Data-data yang diperoleh ini akan diterjemahkan dalam bentuk grafik dan paparan-paparan lain dengan menggunakan perisian SPSS.

Bab kelima pula mengandungi ringkasan mengenai rumusan hasil kajian tentang daya tampung kemudahan sosial dan juga tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan sosial di Mukim Serendah. Seterusnya, pengkaji mencadangkan beberapa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cadangan penambahbaikan terhadap perkara-perkara atau masalah-masalah yang dikenal pasti melalui kajian yang dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

KONSEP DAYA TAMPUNG DALAM ASPEK KEMUDAHAN SOSIAL: SATU SOROTAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, beberapa aspek berkaitan dengan kajian lepas dibincangkan untuk memberikan gambaran awal tentang kajian yang dijalankan. Definisi daya tampung dibincangkan terlebih dahulu bagi memahami konsep yang berkaitan dengan aspek daya tampung kemudahan sosial. Konsep tahap kepuasan pengguna juga diterangkan kerana ia merupakan elemen kedua yang dikaji. Seterusnya, definisi kemudahan sosial turut dibincangkan kerana ia menjadi tunjang utama kepada kajian ini. Aspek-aspek lain yang turut dibincangkan dalam bab ini seperti jenis-jenis kemudahan sosial, faktor-faktor yang mempengaruhi daya tampung dan tahap kepuasan pengguna dan garis panduan perancangan kemudahan masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Definisi Daya Tampung

Bagi memahami maksud istilah daya tampung, terdapat beberapa konsep tentang daya tampung telah dikemukakan oleh pengkaji dalam pelbagai bidang. Antaranya definisi yang dikemukakan berkaitan daya tampung alam sekitar. Misalnya, Inskeep (1998) menyatakan daya tampung sebagai ukuran maksimum penggunaan bagi sesuatu lokasi atau sumberjaya tanpa menjejaskan imej dan kemampanannya. Matheison & Wall (1991) pula menyatakan daya tampung sebagai bilangan maksimum orang yang dapat menggunakan sesuatu tempat tanpa perubahan yang tidak dapat diterima oleh persekitaran fizikal dan tanpa kemerosotan mutu pengalaman yang diperoleh oleh pelawat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daya tampung atau *'carrying capacity'* merujuk kepada kecukupan sumber alam seperti tanah pertanian, bekalan tenaga, air dan udara untuk menampung kehidupan manusia di sesuatu kawasan. Dengan kata lain, daya tampung ialah bilangan penduduk dan aktiviti yang mampu ditampung oleh persekitaran tanpa mendatangkan kesan negatif. Ini bermakna saiz penduduk merupakan faktor utama penentu daya tampung (Malaysia, 2012).

Definisi daya tampung dalam pelancongan pula ialah tahap kegunaan pelancong yang boleh ditampung oleh sesuatu kawasan sambil mengekalkan kepuasan pelancong dan mengurang atau menyingkirkan kesan buruk (WTO/UNEP, 1992). Konsep ini membayangkan keterbatasan kegunaan pelancong.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

George & Kini (2015) dalam kajiannya menggunakan konsep daya tampung optimum untuk merangka garis panduan reka bentuk bandar di Kerala, India. Corak pembangunan di Kerala yang mengalami peralihan pesat penduduk dari kawasan pedalaman ke kawasan bandar menjadi kriteria kepada kajian tersebut. Kadar urbanisasi yang pesat dan pembangunan membawa kepada kesan yang negatif seperti pencemaran, kekurangan sumber, pembangunan bandar yang padat, dan kekurangan ruang terbuka. Beberapa kriteria dalam garis panduan reka bentuk bandar seperti ketumpatan penduduk, konsentrasi bangunan bertingkat dan lokasi telah dikaji.

Sayan & Atik (2011) menjalankan kajian yang bertajuk *Recreation Carrying Capacity Estimates for Protected Areas: A Study of Termessos National Park* memberi tumpuan kepada anggaran daya tampung pengunjung di Taman Negara Termessos di selatan Turki dengan pertimbangan terhadap sumber semula jadi dan budaya tertentu. Ciri-ciri lawatan, geografi, bio-fizikal, dan pengurusan tahunan taman negara dianalisis. Aspek daya tampung kemudahan rekreasi adalah satu konsep penting di taman negara dan pengurusan kawasan perlindungan untuk menganggarkan penggunaan rekreasi secara optimum. Keputusan kajian menunjukkan bahawa purata lawatan sebenar di taman negara adalah lebih rendah daripada daya tampung kemudahan rekreasi. Walau bagaimanapun, masih terdapat risiko ketepuan atau beban daya tampung terutamanya pada waktu puncak.

Kumar (2017) telah mengkaji daya tampung pengangkutan bandar menggunakan kaedah *Sustainable Accommodation through Feedback Evaluation (SAFE)*. Kajian ini bertujuan untuk menganggarkan tekanan demografi di Patna City menggunakan model *SAFE*. Model ini memberi tumpuan kepada kawasan yang boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dibangunkan dan kawasan yang tidak boleh dibangunkan. Hasil kajian menunjukkan bahawa Bandar Patna mengalami banyak tekanan demografi daripada daya tampung pengangkutan bandar. Oleh itu, kaedah *SAFE* ini boleh digunakan sebagai alat untuk mengira populasi yang sewajarnya agar penyediaan pengangkutan dapat dirancang dengan cara yang lebih baik.

Miharja & Sjafruddin (2017) pula menjalankan kajian berkaitan daya tampung kemudahan pengangkutan. Masalah pengangkutan yang parah di kawasan bandar di Indonesia dirangsang oleh faktor utama iaitu kurangnya kesedaran tentang kemampuan pengangkutan di daerah-daerah yang membangun. Pembangunan penggunaan tanah bandar ke arah liputan fizikal biasanya tidak berkaitan dengan keupayaan sistem pengangkutan untuk menampung jumlah perjalanan tambahan. Kurangnya hubungan antara permit pembangunan dengan implikasinya ke arah pengangkutan telah membawa kepada fenomena yang melebihi permintaan pengangkutan berbanding keupayaan bekalan. Hasil kajian dari segi penawaran, menunjukkan kapasiti sistem pengangkutan mengambil masa yang sama dan kapasiti rangkaian jalan berpotensi dapat dibangunkan. Dari segi permintaan, hasil analisis yang dilakukan melalui kawalan luas lantai maksimum dan penyediaan pengangkutan awam menunjukkan kawasan lantai maksimum dibenarkan untuk pembangunan dan berada pada tahap menjana trafik pada jumlah yang munasabah. Kepentingan kajian yang dijalankan adalah dapat memperkenalkan model untuk mengimbangi daya tampung pengangkutan dengan pembangunan tanah di Indonesia.

Miharja & Arsallia (2016) pula dalam kajiannya membincangkan kaedah menganalisis keupayaan daya tampung zon pantai sebagai input penting bagi pelan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembangunan kawasan. Zon pesisir adalah kawasan penting dari segi pembangunan perancangan kerana ia memberi nilai ekonomi yang tinggi dan juga memberi kesan kepada alam sekitar ekoran peningkatan jumlah penduduk yang tinggal di kawasan tersebut. Oleh itu, pembangunan zon pesisiran pantai perlu merujuk kepada daya tampung yang dibenarkan untuk mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar. Daya tampung yang dimaksudkan ialah had keupayaan zon pesisir tertentu untuk menyokong semua aktiviti yang diwujudkan manusia, di mana semua fungsi ekologi dikekalkan pada tahap yang mampan. Kegagalan untuk mewujudkan kaedah dan peraturan yang kukuh dan jelas tentang analisis daya tampung membawa kepada pembangunan zon pesisir yang sangat berisiko dan yang seterusnya akan mengancam kelestarian di kawasan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sati (2018) pula mengkaji daya tampung dalam pembangunan destinasi pelancongan di Gangotri, India. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif di mana data tentang aliran pelancong, penginapan, pengangkutan, dan kemudahan infrastruktur diambil. Data utama dikumpulkan melalui temu bual 160 orang dari lapan pusat pelancongan yang terlibat dalam aktiviti pelancongan. Data sekunder dikumpulkan dari Lembaga Pembangunan Pelancongan Uttarakhand, Dehradun. Kaedah korelasi dan *ranking* untuk menganalisis kemudahan infrastruktur, analisis daya tampung, model pembangunan destinasi yang dicadangkan, dan pemerhatian kepada pembangunan pelancongan yang mampan. Kajian ini mendapati bahawa keseluruhan litar tidak mempunyai kemudahan utama untuk pembangunan pelancongan. Sistem pengangkutan, kemudahan penginapan, sanitasi, pusat maklumat pelancong, publisiti tempat pelancongan, pemandu pelancong, stesen petrol, balai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

polis dan balai bomba tidak disediakan dengan baik boleh mendatangkan masalah dan keselamatan pelancong tidak terjamin.

Buregyeya *et al.* (2017) dalam kajiannya membandingkan daya tampung untuk menguruskan penyakit *febrile* akut terhadap kanak-kanak di bawah umur lima tahun di kemudahan kesihatan swasta dengan kemudahan kesihatan awam dalam merancang penambahbaikan untuk meningkatkan kualiti penjagaan. Kajian yang dijalankan terdiri daripada penilaian kemudahan dan kesihatan. Data dikumpulkan ke atas stokubatan, ketersediaan garis panduan rawatan, peralatan diagnostik, dan pengetahuan dalam pengurusan malaria, radang paru-paru dan cirit-birit serta menggunakan soal selidik berstruktur. Sebanyak 53 kemudahan kesihatan awam dan 241 telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan tahap kemudahan kesihatan swasta lebih baik daripada kemudahan kesihatan awam dari segi stok ubatan anti Malarial. Dari segi latihan malaria dan radang paru-paru dilaporkan sektor kesihatan awam lebih baik dari sektor swasta. Seterusnya, hanya 55% kemudahan awam mempunyai mikroskop. Garis panduan rawatan malaria sangat kurang dalam sektor swasta, $p = 0.01$ manakala pengetahuan tentang pengurusan malaria, radang paru-paru dan cirit-birit yang jauh lebih baik di kemudahan kesihatan awam berbanding dengan swasta. Kesimpulan, kekurangan peralatan, bekalan dan latihan masih terdapat di kemudahan kesihatan awam. Bagi meningkatkan keupayaan untuk mengendalikan penyakit *febrile* akut dalam kalangan kanak-kanak di bawah lima tahun, latihan dalam pengurusan kes yang betul, ketersediaan bekalan dan diagnostik perlu ditangani dalam kedua-dua sektor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala Jiang *et. al* (2017) pula menjalankan kajian penilaian daya tampung di taman perindustrian laut. Daya tampung marin adalah berkaitan dengan alam sekitar yang diukur berdasarkan kuantiti tertentu yang mana sistem indeks ukurannya boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu pertama ialah sokongan sumber alam, termasuk sumber yang tidak dapat diperbaharui seperti bahan bakar fosil, sumber mineral, dan sumber tanah. Kedua, sokongan pengeluaran alam sekitar termasuk sumber yang boleh diperbaharui seperti sumber biologi, air, udara, dan lain-lain, serta penghijrahan dan keupayaan bahan pencemar. Ketiga, tahap sokongan teknikal sosial dan ekonomi termasuk asas material sosial, struktur perindustrian, tahap integrasi ekonomi, dan sistem sokongan teknikal. Pada asalnya, daya tampung marin berasal dari konsep ekologi dan digunakan untuk mengukur bilangan spesies individu maksimum dalam keadaan persekitaran tertentu. Dengan perkembangan pesat ekonomi marin China, masalah alam sekitar yang teruk mula berlaku dan keadaan ini memerlukan lebih banyak perhatian kepada perlindungan persekitaran ekologi laut dalam proses pembangunan ekonomi marin, daya tampung persekitaran laut, dan menggalakkan perkembangan ekonomi laut yang harmoni. Sebagai asas untuk menilai sama ada aktiviti ekonomi masyarakat manusia diselaraskan dengan persekitaran marin, ciri-ciri utama dan indeks penilaian telah dikaji secara meluas. Model konseptual yang sesuai dan model perhitungan kapasiti ekologi marin juga dicadangkan untuk menganalisis kesan pembinaan ekologi marin yang telah menyediakan asas untuk meneliti daya tampung ke atas ekologi alam sekitar secara kuantitatif dan asas saintifik bagi penggunaan lestari dan pengurusan sumber laut.

Manakala konsep daya tampung berkaitan kemudahan sosial telah dikemukakan oleh pengkaji luar. Samsuari (2009) menyatakan bahawa daya tampung

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemudahan sekolah bermaksud besarnya jumlah murid yang dapat ditampung oleh sekolah tersebut. Menurut beliau, kapasiti daya tampung sesebuah sekolah bergantung kepada jumlah murid berdasarkan kemudahan pendidikan yang sedia ada. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi daya tampung kemudahan pendidikan iaitu aksesibiliti, jumlah penduduk, jarak kemudahan, jumlah kemudahan, jumlah kelas, jangkauan layanan, dan kualiti kemudahan.

Berdasarkan kepada definisi-definisi yang telah dikemukakan oleh para pengkaji dalam pelbagai bidang, daya tampung kemudahan sosial boleh diertikan sebagai kemampuan dari segi kuantiti penyediaannya dalam memenuhi tuntutan pengguna bagi memenuhi tingkat kepuasan pengguna. Penyediaan kemudahan yang mencukupi dari segi kuantiti dan kualiti adalah perlu kerana ianya bukan sahaja menggambarkan perubahan permintaan tetapi juga sebagai indikator pembangunan dan taraf hidup sesuatu masyarakat (Malaysia, 2013b). Oleh itu penyediaan kemudahan dan perkhidmatan masyarakat tidak harus dianggap ringan kerana penyediaan yang kurang memuaskan boleh memberi kesan negatif kepada masyarakat keseluruhannya. Di samping itu, penyediaan dan penawaran yang memuaskan bukan sahaja dikira dari segi bilangannya berasaskan jumlah penduduk tetapi juga dari segi tapak, taburan yang seimbang dan kualiti perkhidmatan serta kesesuaiannya dengan masyarakat setempat. Ini akan dapat memastikan setiap lapisan masyarakat boleh menikmati kemudahan yang disediakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Tahap Kepuasan Pengguna

Dalam menjelaskan definisi tahap kepuasan pengguna pula didapati terdapat beberapa definisi yang dikemukakan oleh para pengkaji. Lam & Zhang (1999) menyatakan kepuasan pengguna akan tercapai apabila keperluan dan kemahuan mereka dipenuhi. Tahap kepuasan atau ketidakpuasan seseorang pengguna mempunyai kaitan dengan penilaiannya tentang kualiti sesuatu perkhidmatan (Parasuranam *et al*, 1988). Menurut Mohd Fadil (2006), kepuasan pengguna memainkan peranan yang besar dalam perkembangan sesuatu produk atau servis pada masa kini.

Menurut Anderson *et. al* (1994), terdapat dua kategori kepuasan pengguna iaitu kepuasan pengguna dalaman dan kepuasan pengguna luaran. Kepuasan pengguna dalaman merangkumi golongan yang bekerja dalam sesebuah organisasi yang menghasilkan sesuatu produk atau menyediakan sesuatu servis. Kepuasan golongan ini perlu diambil kira dalam memastikan keberkesanan dalam menghasilkan sesuatu produk atau servis. Pandangan daripada golongan ini sangat penting bagi mendapatkan kaedah atau cara yang sesuai untuk menghasilkan sesuatu produk atau servis yang bermutu tinggi. Kepuasan pengguna luaran pula merupakan kepuasan pengguna yang menggunakan sesuatu produk atau servis. Menurut Hishamuddin *et. al* (2005), kepuasan pengguna merupakan salah satu matlamat yang ingin dicapai dalam pengurusan fasiliti berkualiti. Kualiti fasiliti merujuk kepada sejauh mana sesuatu jenis fasiliti yang tersedia itu dapat memenuhi keperluan dan memberi kepuasan kepada pengguna. Menurutnya lagi, jika kualiti dari segi perkhidmatan fasiliti tidak memuaskan, maka kepuasan pengunjung tidak akan tercapai dan ini secara tidak langsung akan memberi kesan negatif kepada kualiti kehidupan mereka dan juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

produktiviti. Berdasarkan kepada definisi yang diberikan dapat dirumuskan bahawa tahap kepuasan pengguna merujuk kepada pendapat yang diberikan oleh pengguna berkaitan dengan kualiti yang diterima daripada penggunaan kemudahan-kemudahan sosial yang disediakan.

Kajian yang berkaitan dengan kemudahan-kemudahan sosial di Malaysia telah dilakukan oleh para pengkaji. Kebanyakan kajian yang telah dilakukan untuk mengkaji tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan sosial. Yuhaniza (2006) telah mengkaji tentang penyediaan kemudahan-kemudahan sosial seperti dewan komuniti, balai raya, pasar awam, pusat penjaja, pondok menunggu bas dan terminal bas. Tahap kepuasan pengguna ini mengambil kira faktor seperti kualiti, taburan, kemudahsampaian, lokasi dan jumlah kemudahan sosial. Selain daripada itu, faktor yang menghalang pengguna dari menggunakan kemudahan sosial yang disediakan juga dikaji terutama dari segi aksessibiliti, kualiti dan kesesuaian lokasi. Loh (2009) pula mengkaji tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan sosial seperti kemudahan agama dan penyayang. Kajiannya bertujuan untuk mengenalpasti faktor yang menghalang pengguna menggunakan kemudahan sosial. Hasil kajian tersebut menunjukkan faktor utama yang menghalang pengguna daripada menggunakan kemudahan sosial disebabkan faktor pengangkutan yang sukar untuk pergi menggunakan kemudahan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Kemudahan Sosial

Menurut Saleha (1999) kemudahan awam atau sosial ini adalah sebuah bangunan yang mempunyai *sense of identity* dan sebagai pusat untuk mengatasi masalah-masalah komuniti. Gabungannya dengan program serta aktiviti-aktiviti pembelajaran, kebudayaan serta aktiviti tahunan menjadikannya sebuah tempat yang amat diperlukan oleh sesebuah komuniti. Sulong (1983) pula menjelaskan bahawa konsep dan definisi kemudahan awam dan infrastruktur sosial adalah sangat umum. Sesungguhnya adalah sukar untuk memberi satu definisi yang tepat tentang kedua-dua konsep ini kerana kemudahan awam adalah juga infrastruktur sosial. Walaupun begitu, pentakrifan mengenai kedua-dua konsep itu diberikan. Kemudahan-kemudahan awam adalah struktur-struktur, bangunan-bangunan, perkhidmatan-perkhidmatan dan penyediaan-penyediaan yang disediakan untuk memberi kesenangan kepada orang ramai, seperti perhentian bas, balai raya, pejabat pos, klinik atau pusat kesihatan, balai polis, telefon awam, jalan raya, bekalan air, bekalan elektrik, tandas awam, pasar, kedai dan lain-lain lagi. Manakala infrastruktur-infrastruktur sosial pula ialah struktur-struktur, bangunan-bangunan, perkhidmatan-perkhidmatan dan penyediaan-penyediaan yang disediakan untuk memenuhi tuntutan-tuntutan sosial (masyarakat) seperti sekolah, tempat ibadat (masjid), padang permainan kanak-kanak, kawasan rekreasi, ruang terbuka, pusat hiburan, taman, sistem longkang dan lain-lain lagi. Kesemua ini boleh dipanggil kemudahan komuniti.

Rosniza *et. al* (2011) pula menyatakan kemudahan sosial ialah komponen yang mencakupi kemudahan pendidikan, kesihatan, keselamatan dan kemudahan rekreasi. CSIR (2012) telah menerbitkan garis panduan bagi penyediaan kemudahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sosial di kawasan penempatan di Afrika Selatan. Garis panduan tersebut digunakan dalam perancangan dan pembangunan kemudahan sosial tempatan bagi pelbagai kemudahan dalam pelbagai sektor, termasuk kesihatan, pendidikan, sukan, rekreasi dan perkhidmatan awam. Garis panduan ini boleh digunakan untuk lebih tertumpu dan berasaskan keperluan perbelanjaan infrastruktur perbandaran dan pembangunan bandar-bandar dan pinggir bandar diperuntukkan secukupnya.

Contoh-contoh kemudahan sosial yang dikemukakan oleh pengkaji lain adalah seperti hospital, sekolah, taman, balai polis dan bomba (Daniels & Warnes, 1983). Penyediaan kemudahan sosial di sesuatu kawasan menjadi tanggungjawab sepenuhnya pihak kerajaan bersama dengan dengan pihak swasta. Katiman *et. al* (2011) telah menjalankan kajian mengenai ketersampaian kepada kemudahan sosial. Dalam kajian tersebut, beliau telah mengkaji tentang ketersampaian kepada beberapa kemudahan sosial yang terpilih seperti kemudahan sekolah rendah, sekolah menengah, klinik awam, hospital awam, kedai runcit dan masjid. Kajian tersebut dibuat menggunakan analisis kunjungan ketua atau isi rumah lain ke pusat perkhidmatan yang menyediakan kemudahan sosial. Kunjungan diukur berdasarkan penggunaan sebenar isi rumah dan jarak perjalanan yang ditempuh bagi tujuan menggunakan kemudahan perkhidmatan terpilih. Hasil kajian menunjukkan majoriti isi rumah mengunjungi kemudahan pada jarak kurang daripada lima kilometer.

Menurut Emanuel (1973) pula menyatakan kemudahan awam sebagai ‘alat penyambung’ (*complementary equipment*) yang menjadi keperluan kepada masyarakat untuk bergerak dan menjalankan apa-apa kegiatan. Kemudahan awam adalah dikategorikan seperti berikut:-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.1

Klasifikasi kemudahan awam

Jenis	Ciri- ciri	Contoh-contoh
Infrastruktur & kemudahan asas	Kemudahan asas untuk pembangunan ekonomi.	Jalan raya, perparitan, elektrik dan bekalan air
Sosial dan masyarakat	Kemudahan asas untuk meninggikan taraf sosial ekonomi penduduk dan interaksi sosial.	Sekolah, klinik, surau, rekreasi dan lain-lain.
Pentadbiran	Pertubuhan-pertubuhan yang diadakan untuk memimpin masyarakat.	Persatuan peladang, kebajikan masyarakat, persatuan belia dan lain-lain pertubuhan.

Sumber: Emanuel (1973)

Inskeep (1991), menyenaraikan jenis-jenis perancangan yang biasa dijalankan pada masa kini antaranya adalah perancangan kemudahan sosial. Penyediaan kemudahan sosial meliputi dewan, balai raya, balai bomba, kegunaan keagamaan, taman rekreasi dan sebagainya yang mencukupi kepada penduduk. Penyediaannya berdasarkan jumlah penduduk yang tinggal di sesuatu kawasan. Tujuannya adalah memberikan keselesaan dan keselamatan kepada penduduk untuk menjalankan aktitiviti seharian dan kemasyarakatan.

Berdasarkan definisi yang dinyatakan, kemudahan-kemudahan masyarakat dan sosial adalah mempunyai maksud yang sama dan merupakan sebahagian daripada kemudahan awam. Menurut Malaysia (2013b), kemudahan sosial merangkumi beberapa sektor seperti kemudahan tanah lapang dan rekreasi, tempat ibadat, pendidikan, kesihatan, bomba, polis, perpustakaan awam, dewan orang ramai dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tanah perkuburan. Di Malaysia, pelaksanaan kemudahan masyarakat melibatkan agensi di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan (Jadual 2.2).

Jadual 2.2

Peranan Agensi Dalam Membangunkan Kemudahan Masyarakat

Agensi	Peranan
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan/ JPBD Semenanjung Malaysia	Agensi peneraju dalam merancang keperluan kemudahan masyarakat di peringkat nasional, negeri dan tempatan.
Pihak Berkuasa Negeri	Agensi peneraju untuk meluluskan tapak kemudahan masyarakat.
Pegawai Pembangunan Negeri Pengarah JPBD Negeri	Penyelaras program di peringkat negeri. Menyediakan inventori maklumat asas kemudahan masyarakat.
Pihak Berkuasa Tempatan	Agensi peneraju untuk menyedia, memaju dan menyelenggara kemudahan masyarakat di dalam kawasannya selaras dengan peranan yang diperuntukkan oleh perundangan.

Sumber: Malaysia (2013b)

Dalam pembangunan kemudahan masyarakat pula, agensi-agensi tertentu diberi peranan dalam aspek perancangan tapak, menyedia dan menyumbang tapak, pembinaan bangunan, dan penyelenggaraan (Jadual 2.3). Dalam perancangan tapak, pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) akan bersama-sama dengan pihak kementerian yang bertanggungjawab dalam menentukan perancangan tapak. Manakala dalam penyediaan dan penyumbang tapak adalah di bawah tanggungjawab pemaju sepenuhnya. Seterusnya, dari aspek penyelenggaraan pula diberikan kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

agensi-agensi berkaitan untuk memastikan kemudahan yang disediakan dalam keadaan baik dan terpelihara.

Jadual 2.3

Agensi bertanggungjawab dalam pembangunan kemudahan masyarakat

Komponen Kemudahan	Perancangan Tapak	Menyedia dan Menyumbang Tapak*	Pembinaan Bangunan	Penyelenggaraan
Kesihatan	JPBD/ Kementerian Kesihatan	Pemaju	Kementerian Kesihatan	Kementerian Kesihatan
Pendidikan	JPBD/ Kementerian Pendidikan Malaysia	Pemaju	Kementerian Pendidikan Malaysia	Kementerian Pendidikan Malaysia
Keselamatan -Polis	JPBD/ Kementerian Dalam Negeri/PDRM	Pemaju	Kementerian Dalam Negeri/PDRM	PDRM
Pusat Komuniti	JPBD/PBT	Pemaju	Pihak Berkuasa Tempatan	Pihak Berkuasa Tempatan

Sumber: Malaysia (2013b)

2.5 Jenis-Jenis Kemudahan Sosial Terpilih

Terdapat empat jenis kemudahan sosial terpilih yang menjadi fokus dalam kajian ini. Antara kemudahan tersebut adalah seperti kemudahan pendidikan, kemudahan kesihatan, kemudahan keselamatan, dan kemudahan pusat komuniti. Faktor pemilihan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemudahan tersebut adalah kerana kemudahan tersebut didapati terdapat di semua lima kawasan di Mukim Serendah.

2.5.1 Kemudahan Pendidikan

Pendidikan berkualiti sangat efektif bagi menentang kemiskinan, membina demokrasi, dan membentuk masyarakat yang sejahtera (Preston & Elo, 1996). Pendidikan yang berkualiti juga memberi kuasa kepada individu, memberi mereka suara, mendedahkan potensi mereka, menunjukkan jalan ke arah penyempurnaan diri, serta meluaskan pandangan dan pemikiran individu kepada dunia tanpa sempadan (Tribus, 1992). Menurut Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia, kemudahan pendidikan merangkumi taman didikan kanak-kanak (Tadika), sekolah rendah, sekolah menengah dan institut pengajian tinggi (IPT).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (Malaysia, 2017), Sistem Pendidikan Kebangsaan di peringkat sekolah di bawah Kategori Institusi Pendidikan Kerajaan terdiri daripada:-

a. Pendidikan Prasekolah

   Program pendidikan bagi murid yang berumur dari empat hingga enam tahun.

b. Pendidikan Rendah

   Kursus pengajian pada peringkat rendah yang direncanakan bagi tempoh enam tahun tetapi yang boleh tamat diikuti dalam tempoh antara lima hingga tujuh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tahun. Ia juga terdiri daripada sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan.

c. Pendidikan Menengah

Pendidikan yang terdiri daripada pendidikan menengah rendah dan menengah atas. Pendidikan menengah yang diadakan terdiri daripada :-

1. Sekolah akademik
2. Sekolah teknik dan vokasional
3. Sekolah kebangsaan agama

Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan bahawa Sistem Pendidikan Kebangsaan merangkumi pendidikan prasekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah, pendidikan lepas menengah dan pendidikan tinggi. Menjadi tanggungjawab KPM untuk memberi perhatian yang serius kepada pembangunan pendidikan prasekolah di negara ini. Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan aspek-aspek penting mengenai prasekolah, iaitu penubuhan tadika, kuasa menteri menubuh dan menyelenggara tadika, kurikulum prasekolah, bahasa pengantar, pengajaran Agama Islam dan sebagainya. Dari segi pendemokrasian pendidikan, dasar yang khusus membolehkan kanak-kanak menikmati peluang pendidikan prasekolah tanpa mengira pendapatan keluarga, kawasan tempat tinggal dan kumpulan etnik termasuk kanak-kanak dengan keperluan pendidikan khas (*Children With Special Education Needs*).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di antara prinsip-prinsip asas dasar ialah menyediakan kemudahan pendidikan prasekolah kepada kanak-kanak yang berumur antara 4 dan 6 tahun. Memastikan penggunaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Guru-guru prasekolah hendaklah mempunyai latihan dalam bidang pendidikan prasekolah. Memastikan kemudahan fizikal dan peralatan bersesuaian dan berkualiti dibekalkan. Satu mekanisma naziran dan penyeliaan dijalankan. Kerajaan juga memastikan semua institusi pendidikan prasekolah mematuhi Peraturan-Peraturan Pendidikan Prasekolah 1996 seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 24, Akta Pendidikan 1996.

Pendidikan sekolah rendah mengambil masa enam tahun. Kanak-kanak selalunya memulakan pendidikan sekolah rendah ketika berumur tujuh tahun. Pendidikan sekolah rendah merupakan kesinambungan kepada pendidikan prasekolah. Selepas UPSR, murid-murid berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sekolah menengah. Pendidikan menengah terbahagi kepada dua peringkat:

1. Pendidikan Menengah Rendah (Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3)
2. Pendidikan Menengah Atas (Tingkatan 4 hingga Tingkatan 5)

Di antara kemudahan ini, tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah perlu disediakan di peringkat tempatan. Jabatan dan Institusi yang bertanggungjawab di dalam penyediaan kemudahan pendidikan ialah Jabatan Pendidikan, Jabatan Kemajuan Masyarakat dan Pihak Swasta. Dasar Jabatan Pendidikan tentang penyediaan kemudahan pendidikan adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Menggalakkan pelajar-pelajar menghadiri sekolah yang terdekat dengan tempat tinggal;
2. Sekolah-sekolah menjalankan satu sesi persekolahan sahaja; dan
3. Saiz kelas adalah untuk 35 pelajar dan 25 murid bagi Tadika.

Pertambahan penduduk turut menyebabkan berlakunya peningkatan jumlah murid di sesuatu kawasan. Peningkatan jumlah murid ini seterusnya menyebabkan berlakunya pertambahan kelas dan juga bilangan murid dalam setiap kelas semakin bertambah. Hal ini menyebabkan sesi persekolahan terpaksa dijalankan secara dua sesi iaitu sesi pagi dan petang. Keadaan ini memerlukan penambahan sekolah baharu bagi menampung jumlah pelajar yang semakin ramai. Kegagalan pihak bertanggungjawab dalam merancang kemudahan pendidikan kepada penduduk menyebabkan pelbagai masalah yang akan dihadapi oleh murid. Setiausaha Agung Kesatuan Guru Sarawak, Thomas Huo Kok Sen menyatakan kes ponteng sekolah berpunca daripada sistem persekolahan dua sesi. Sistem dua sesi persekolahan turut menjadi punca gejala ponteng, khususnya dalam kalangan pelajar yang bersekolah sesi petang. Menurutnya, pelajar-pelajar tingkatan satu dan dua biasanya bersekolah pada waktu petang ketika ibu bapa berada di tempat kerja (Rohani, 2001).

Menurut mantan Timbalan Menteri Pelajaran Dr Mohd Puad Zarkashi, kajian dan pemantauan Kementerian Pelajaran selama ini mendapati bahawa sekolah dua sesi banyak kesan yang kurang memuaskan, baik kepada pelajar mahupun warga pendidik. Antara kesan yang dikenali pasti seperti mendatangkan bebanan kepada guru dan menyebabkan guru kurang fokus dengan tugas mereka, pelajar yang belajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pada sesi petang juga kurang tumpuan kerana suasana pembelajaran yang tidak selesa dan banyak lagi kesan lain (Kepu, 2013).

Selain itu, bilangan murid yang terlalu ramai juga merupakan faktor yang mendorong kepada masalah disiplin ini. Guru tidak akan dapat mengawal kelasnya dengan baik apabila bilangan murid terlalu ramai lebih-lebih lagi terdapat berbagai-bagai tahap kebolehan pelajar. Ada pelajar yang lemah, sederhana dan tinggi tahap kebolehan menerima apa yang diajar oleh guru. Guru tidak mampu melayan semua karenah pelajar di dalam kelas tersebut. Jadi,pelajar yang tertinggal atau tidak berminat mengikuti pengajaran guru akan melakukan aktiviti-aktiviti yang mengganggu pengajaran dan pembelajaran. Contohnya membuat bising, mengganggu rakan dan bergerak ke sana sini (Shahabudin *et. al*, 2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.2 Kemudahan Kesihatan

Menurut Malaysia (2013a), kemudahan kesihatan adalah merangkumi hospital, klinik kesihatan dan klinik desa. Kemudahan ini disediakan mengikut hierarki di peringkat negeri, daerah dan tempatan (Jadual 2.4). Dasar pelaksanaan kesihatan adalah untuk menggalakkan dan menjamin masyarakat sihat dari segi fizikal dan mental. Hishamuddin *et. al* (2005) menyatakan bahawa perkhidmatan perubatan merupakan suatu aspek yang penting dalam kehidupan masyarakat. Maka, hospital diwujudkan bagi memenuhi keperluan masyarakat dan penting dalam membantu menyelesaikan pelbagai masalah yang berkaitan dengan kesihatan. Kemudahan kesihatan disediakan bertujuan untuk menyalurkan perkhidmatan pencegahan, rawatan dan pemulihan. Satu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada penanda aras atau indikator negara maju ialah penjagaan dan perkhidmatan kesihatan yang lengkap di samping rakyatnya sihat dan cerdas.

Kemudahan kesihatan terbahagi kepada kemudahan bagi perkhidmatan kesihatan primer, sekunder dan tertier (Malaysia, 2013b). Perkhidmatan kesihatan primer merupakan kontak pertama pesakit dengan perkhidmatan kesihatan bagi kes-kes selain kecemasan. Ia disediakan di Klinik Kesihatan, Klinik Desa, Klinik Ibu dan Anak, Klinik Bergerak, Klinik 1Malaysia dan Klinik Bergerak 1Malaysia. Sekiranya pesakit memerlukan rawatan sekunder, pesakit akan dirujuk kepada hospital yang berdekatan. Lokasi kemudahan kesihatan perlu bersesuaian dan mudah diakses oleh masyarakat setempat. Oleh itu, adalah lebih sesuai jika kemudahan kesihatan dibina berdekatan kawasan yang mempunyai kepadatan tinggi penduduk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyediaan kemudahan kesihatan yang menyeluruh serta bertaraf dunia telah lama dilaksanakan oleh kerajaan (Malaysia, 2010b). Kerajaan sentiasa memastikan tidak ada kawasan atau rakyat yang tidak mendapat perkhidmatan kesihatan di negara ini. Sejak RMK pertama hingga RMK10 perkhidmatan kesihatan sentiasa diberi perhatian yang serius oleh kerajaan. Banyak hospital, pusat kesihatan, klinik, klinik bergerak tidak ketinggalan juga hospital pakar telah banyak didirikan di setiap negeri dalam negara ini. Peruntukan yang berbilion ringgit setiap tahun telah diberi kepada sektor kesihatan bagi menjamin kualiti kesihatan kepada rakyat. RMK10 telah menyediakan peruntukan sebanyak RM637 juta untuk membina 156 buah klinik di kawasan luar bandar, 41 klinik kesihatan komuniti dan 50 klinik 1Malaysia (Malaysia, 2010b).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun kerajaan berusaha untuk menyediakan kemudahan kesihatan kepada rakyat tanpa mengira lokasi, namun masih terdapat isu kekurangan kemudahan ini. Ketiadaan hospital awam di sesebuah kawasan mendatangkan masalah kepada golongan berpendapatan rendah yang kurang mampu untuk mendapat rawatan di klinik swasta. Penduduk terpaksa mencari alternatif lain untuk mendapatkan kemudahan kesihatan yang lebih murah iaitu dengan mendapatkan rawatan di bandar yang terletak jauh daripada tempat tinggal mereka. Keadaan ini telah menyusahkan kepada mereka yang berpendapatan rendah dan kurang berkemampuan.

Jadual 2.4

Kategori dan kriteria kemudahan kesihatan.

Kategori	Kriteria
Hospital	Secara dasar, hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dikategorikan kepada hospital negeri termasuk Hospital Kuala Lumpur, hospital pakar, hospital tanpa pakar dan institusi perubatan/hospital khas.
Klinik kesihatan	Klinik kesihatan dirancang berdasarkan kepada anggaran kedatangan pesakit dalam sehari: KK Jenis I : Kedatangan 800 – 1000 pesakit/hari KK Jenis II : Kedatangan 500 – 800 pesakit/hari KK Jenis III : Kedatangan 300 – 500 pesakit/hari KK Jenis IV : Kedatangan 150 – 300 pesakit/hari KK Jenis V : Kedatangan 50 – 150 pesakit/hari KK Jenis VI : Kedatangan < 50 pesakit/hari Perkhidmatan asas yang disalurkan di semua jenis klinik kesihatan termasuk promosi kesihatan, rawatan kuratif, pencegahan dan pemulihan. Perkhidmatan pergigian disediakan di KK Jenis I hingga KK Jenis V.

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Klinik Desa	Klinik Desa disediakan di kawasan luar bandar yang menyediakan perkhidmatan kesihatan ibu dan anak serta rawatan ringan kepada pesakit luar, perkhidmatan saringan dan program komuniti.
Klinik Ibu dan Anak	Menyediakan perkhidmatan ibu dan anak seperti penjagaan antenatal, post-natal dan perkhidmatan perancang keluarga. Perkhidmatan saringan kanser dalam kalangan wanita seperti pemeriksaan *pap-smear* (saringan kanser pangkal rahim) dan pemeriksaan payudara (saringan kanser payudara).
Klinik 1Malaysia	Memberi penjagaan kesihatan asas kepada penduduk luar bandar yang sukar mendapatkan perkhidmatan kesihatan di klinik kesihatan statik sedia ada.
Klinik Bergerak 1Malaysia	Memberi perkhidmatan kesihatan kepada penduduk bandar yang berpendapatan rendah. Menyediakan perkhidmatan rawatan ringan, rujukan kes ke hospital/klinik kesihatan bagi kes yang memerlukan rawatan lanjut serta khidmat/promosi kesihatan kepada pesakit.

Sumber: Malaysia (2013b).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.3 Kemudahan Keselamatan

Keselamatan adalah aset utama bagi menentukan kestabilan dan kemakmuran sesebuah negara (Malaysia, 2010b). Keadaan yang aman di mana rakyat dan pelabur bebas bergerak tanpa sebarang perasaan curiga akan menjamin kemakmuran ekonomi negara. Kerajaan telah mengambil langkah awal mengurangkan kadar jenayah negara dengan memperkenalkan salah satu NKRA iaitu mengurangkan kadar jenayah negara. Rakyat memerlukan keadaan yang selamat dan bebas untuk menikmati kehidupan di samping meneruskan aktiviti ekonomi. Bidang Keberhasilan Negara berkaitan dengan jenayah yang menjadi keutamaan kerajaan ialah mengurangkan sehingga ke paras sifar menjelang 2015 (Malaysia, 2010b). Polis diberi tanggungjawab yang besar untuk menangani masalah jenayah bagi memberi keyakinan kepada rakyat tentang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keselamatan negara dan mereka adalah terjamin. Penubuhan kemudahan polis adalah berdasarkan kepada fungsi dan hierarki dengan mengutamakan kepentingan faktor keselamatan masyarakat setempat. Perancangan kemudahan ini juga mengambil kira faktor kadar dan tren jenayah bagi sesuatu kawasan (Malaysia, 2013b).

2.5.4 Kemudahan Pusat Komuniti

Pusat Komuniti merupakan keperluan penting bagi masyarakat sebagai tempat perjumpaan umum untuk tujuan sosial, politik, pembelajaran dan rekreasi (Malaysia, 2013b). Kemudahan ini berperanan untuk memupuk semangat perpaduan dan kejiranan di samping berfungsi sebagai pusat untuk melaksanakan perkhidmatan Kerajaan seperti kempen kesihatan, aktiviti penerangan dan sebagainya. Oleh itu, perancangan pembangunan untuk kemudahan ini perlulah berdasarkan kepada fungsi, kepadatan penduduk dan jarak lingkungan kemudahan, seperti jadual 2.5.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.5

Kategori pusat komuniti

Kategori	Kriteria
i. Dewan Serba Guna	Sebuah dewan serbaguna untuk penduduk antara 10,000-15,000 orang. Perletakan di pinggir kawasan kediaman. Jarak maksimum berjalan kaki : 1km/1 batu/30 minit. Saiznya lebih besar daripada Dewan Orang Ramai. Komponen kemudahan: pejabat, gelanggang badminton/sepak takraw, pentas, stor, bilik solat, tandas lelaki dan perempuan, bilik persalinan dan ruang landskap.

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Dewan Orang Ramai	Sebuah dewan orang ramai untuk penduduk antara 1,000 - 10,000 orang. Perletakan di kawasan kediaman namun di bandar, kemudahan ini ditempatkan di dalam skim perumahan atau blok rumah pangsa. Jarak maksimum berjalan kaki : 800m/1/2 batu/15 minit. Saiznya lebih kecil daripada Dewan Serba Guna. Komponen kemudahan: gelanggang badminton/sepak takraw, pentas, stor, bilik solat, tandas lelaki dan perempuan.
iii. Balai Raya	Sebuah balai raya untuk penduduk antara 200 - 5,000 orang. Perletakan di kawasan kampung dan kawasan bandar untuk memenuhi kehendak masyarakat. Jarak maksimum berjalan kaki: 400 meter/1/4 batu/10 minit. Berfungsi sebagai tempat berkumpul untuk masyarakat setempat. Kawasan perkhidmatan di luar bandar meliputi 2 hingga 3 buah kampung manakala di kawasan bandar terletak di kawasan perumahan kos rendah. Komponen kemudahan: stor, bilik solat dan tandas lelaki dan perempuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sumber: Malaysia (2013b)

Nor Eeda (2006) menyatakan pusat komuniti dilihat mempunyai peranan kepada komuniti iaitu untuk mewujudkan interaksi antara ahli-ahli komuniti dan menerapkan rasa tanggungjawab kepada ahli-ahli lain. Ia juga berfungsi untuk membentuk ahli-ahli komuniti supaya aktif tanpa mengira bangsa dan agama. Sebuah pusat komuniti yang mempunyai kemudahan yang pelbagai dan dapat digunakan secara meluas oleh komuniti setempat. Antaranya melalui penyediaan 35 ruang rekreasi awam seperti ‘courtyard’, surau, dewan serbaguna dan sebagainya. Ruang-ruang ini dapat mewujudkan semangat berkomuniti, perpaduan dan kejiranan dalam kawasan perumahan bagi menentang kegiatan jenayah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rogers (1981) pula mentafsirkan sebuah pusat komuniti adalah pusat yang menyediakan perkhidmatan untuk kawasan kejiranan tersebut seperti dewan serbaguna, gelanggang permainan, bilik-bilik untuk mesyuarat dan aktiviti dalam bangunan dan mini perpustakaan. Ianya juga boleh terdapat kedai-kedai yang menawarkan perkhidmatan tertentu seperti dobi dan pusat video. Menurut Chiara (1984), pusat komuniti adalah sebuah bangunan yang menyediakan ruang aktiviti bagi semua golongan sama ada kanak-kanak, muda dan tua. Ia merupakan sebuah tempat yang membolehkan ahli komuniti mengadakan mesyuarat, beriadah dan sebagainya. Beliau juga menyatakan bahawa sebuah kawasan layak mempunyai satu pusat komuniti dengan keluasan di antara 75,000 hingga 10,000 kaki persegi bagi setiap 25,000 orang penduduk. Pusat komuniti mempunyai tampungan kawasan seluas ½ hingga ¾ batu radius. Lokasinya pula terletak di dalam kawasan taman dan berdekatan dengan perhentian bas dan keretapi untuk memudahkan aksessibiliti bagi memudahkan komuniti berjalan kaki maksima ½ batu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Daya Tampung dan Tahap Kepuasan Pengguna Terhadap Kemudahan Sosial

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi daya tampung dan tahap kepuasan pengguna terhadap penyediaan kemudahan sosial. Faktor-faktor tersebut adalah seperti bilangan penduduk, keperluan masyarakat, sosioekonomi penduduk, aksesibiliti dan kawasan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.1 Bilangan Penduduk

Pertambahan penduduk amat berperanan dalam mempengaruhi daya tampung dan tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan sosial. Jumlah penduduk yang terlalu ramai menyebabkan kemudahan sosial tidak dapat disediakan dengan secukupnya dan sempurna kepada rakyat. Dalam aspek penyediaan kemudahan sosial kepada penduduk pula perkara yang perlu dititikberatkan adalah berkaitan dengan bilangan penduduk di sesuatu kawasan. Sulong (1983) menyatakan bahawa analisa keperluan juga sangat penting dalam menentukan kemudahan yang perlu disediakan. Analisa keperluan melibatkan dua proses iaitu proses yang pertama ialah menentukan keperluan kasar dan keperluan bersih. Keperluan kasar ditentukan dengan mendarab jumlah penduduk dengan ukuran per kapita. Bagi menentukan bilangan dan saiz kemudahan pula adalah menggunakan kaedah yang sama dengan mengira keperluan kasar. Menurut Daniels & Warnes (1983), keperluan kemudahan sosial bergantung kepada banyak faktor iaitu ukuran daerah perancangan, jumlah populasi penduduk, kepadatan dan tahap pertumbuhannya, pendapatan setempat, kapasiti kemudahan yang sedia ada.

2.6.2 Keperluan Masyarakat

Dalam merancang kemudahan-kemudahan sosial kepada penduduk seseorang jururancang akan berhadapan dengan tiga persoalan yang penting iaitu jenis kemudahan yang hendak disediakan, jumlah dan saiz kemudahan yang perlu disediakan dan lokasi perletakan kemudahan (Sulong, 1983). Ketiga-tiga persoalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tersebut memberi panduan yang baik tentang asas-asas dan pertimbangan-pertimbangan yang mesti diberikan dalam merancang penyediaan kemudahan-kemudahan kepada penduduk. Dalam menentukan kemudahan yang perlu disediakan, pertimbangan berkaitan dengan aspek kemahuan masyarakat adalah sangat penting kerana perancangan adalah untuk masyarakat. Tujuan sesuatu perancangan adalah untuk memenuhi kehendak-kehendak, cita-cita atau aspirasi-aspirasi masyarakat. Sekiranya sesuatu perancangan tidak dapat memenuhi kehendak-kehendak masyarakat adalah menjadi satu usaha yang sia-sia.

Sujarto (1977), faktor-faktor yang perlu diperhatikan dalam menentukan perletakan kemudahan sosial iaitu faktor manusia yang akan menggunakan pusat-pusat kemudahan dan faktor persekitaran manusia yang melaksanakan kegiatan kehidupannya. Faktor manusia terutamanya yang berkaitan dengan pertimbangan-pertimbangan tentang jumlah penduduk yang akan menggunakan perkhidmatan tersebut, kepadatan penduduk, perkembangan penduduk, status sosial ekonomi masyarakat, nilai-nilai, potensi masyarakat, pola kebudayaan dan antropologi. Faktor persekitaran berkait dengan pertimbangan tentang skala lingkungan atau fungsi dan peranan sosial ekonominya, jaringan pergerakan, kedudukan geografi persekitaran dan sifat kepusatan persekitaran.

2.6.3 Sosioekonomi Penduduk

Menurut Daniels & Warnes (1983), keperluan kemudahan sosial bergantung kepada banyak faktor iaitu ukuran daerah perancangan, jumlah populasi penduduk,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepadatan dan tahap pertumbuhannya, pendapatan setempat, kapasiti kemudahan yang sedia ada. Faktor pendapatan penduduk merujuk kepada taraf pendapatan penduduk. Fauziah (2014) menyatakan bahawa kebanyakan masyarakat yang mendapatkan rawatan pesakit luar di hospital atau klinik kesihatan kerajaan ialah golongan berpendapatan rendah. Menurutnya lagi, bagi kebanyakan mereka yang bekerja dan syarikat menyediakan kemudahan rawatan dan kesihatan berbayar amat bertuah kerana tidak perlu bergantung kepada perkhidmatan kesihatan kerajaan.

Hishamuddin *et.al* (2005), hospital kerajaan diwujudkan untuk membantu dan membolehkan rakyat yang tidak berkemampuan agar dapat menerima perkhidmatan perubatan yang sewajarnya. Hospital kerajaan mengenakan caj yang lebih rendah berbanding dengan institusi kesihatan yang lain. Dalam hal ini, faktor pendapatan memainkan peranan penting dalam menentukan jenis perkhidmatan kesihatan yang dipilih oleh masyarakat. Bagi golongan berpendapatan rendah mereka terpaksa mendapatkan kemudahan kesihatan kerajaan kerana kosnya yang jauh lebih murah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.4 Aksesibiliti

Menurut Mazdi *et. al* (2014), aksesibiliti merujuk kepada darjah ketersampaian, iaitu kebolehan seseorang untuk pergi ke sesuatu destinasi sama ada bagi tujuan pekerjaan, pendidikan, perniagaan atau mendapatkan perkhidmatan lain. Dalam menentukan perletakan kemudahan, pertimbangan yang paling penting sekali ialah ketersampaian. Sesuatu kemudahan yang dirancang itu mestilah ditempatkan di perletakan yang mudah dikunjungi oleh masyarakat sasaran, iaitu kumpulan di mana kemudahan itu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

disediakan khusus bagi mereka (Sulong 1983). Menurut Rushton (1979), bagi mencapai penggunaan ruang secara optimum maka perletakan sesuatu kemudahan sosial (termasuk kemudahan kesihatan, pendidikan dan perdagangan) harus memperhatikan lokasi yang paling aksesibiliti. Maksud paling aksesibliti yang dimaksudkan ialah melalui dua pendekatan, iaitu :-

1. *Aggregate distance minimization/ aggregate distance criterion,* iaitu apabila jarak keseluruhan rata-rata penduduk akan menerima perkhidmatan dari kemudahan terdekat adalah minimum.

2. *Equal assignment criterion,* iaitu apabila jumlah penduduk yang akan dilayani di sekitar kemudahan terdekat adalah lebih kurang sama.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Malaysia (2013b), perancangan dan perletakan kemudahan masyarakat perlu berlandaskan konsep kejiranan yang mana menitikberatkan kemudahsampaian kepada pengguna dalam jarak berjalan kaki yang praktikal kepada semua golongan dengan penyediaan kemudahan seperti laluan pejalan kaki, kemudahan pengangkutan awam, lintasan pejalan kaki dan lain-lain lagi. Perancangan dan perletakan kemudahan masyarakat juga perlu mengambil kira aspek keselamatan yang mana jalan masuk (akses) ke premis tidak dibenarkan dihubung dari jalan utama (jalan persekutuan JKR) sebaliknya hendaklah dihubung dari jalan tempatan. Ini adalah kerana jalan utama JKR mempunyai aliran trafik berkelajuan tinggi, sedangkan aliran kenderan yang memasuki premis ini adalah berkelajuan rendah. Sekiranya premis diakses terus dari jalan utama akan berlakunya percampuran had kelajuan trafik yang akan membawa implikasi berlakunya kemalangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari segi jarak, pihak JBBD telah menggariskan jarak kemudahan yang dicapai oleh pengguna dari tempat kediaman berdasarkan jenis-jenis kemudahan (Rajah 2.1). Jarak yang disyorkan perlu dipatuhi oleh pihak yang terlibat dalam perancangan penyediaan kemudahan sosial di sesuatu kawasan. Jarak yang digariskan oleh pihak JPBD bagi kemudahan sekolah rendah, klinik desa, dewan orang ramai mestilah kurang daripada 0.8 kilometer manakala bagi kemudahan sekolah menengah dan klinik kesihatan pula mestilah kurang daripada 1.6 kilometer dari tempat tinggal penduduk.



Rajah 2.1. Jarak antara kemudahan pendidikan dengan kediaman. Diperoleh daripada Malaysia (2013b)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.5 Kawasan


Perancangan kemudahan masyarakat perlu berdasarkan kepada prinsip pengagihan kemudahan yang seimbang (Malaysia, 2013b). Pengagihan kemudahan masyarakat bermaksud kemudahan yang disediakan mencukupi dan seimbang mengikut hierarki, lokasi yang bersesuaian dan mengikut keperluan penduduk. Susun atur dan reka bentuk kemudahan masyarakat perlu mengambil kira aspek keselesaan dan keselamatan orang ramai yang mana ia tidak dibina di kawasan yang berisiko bencana, bercerun dan berdekatan laluan talian rentis elektrik. Tempat letak kereta dan ruang menunggu perlulah disediakan dengan mencukupi mengikut keperluan yang ditetapkan agar menyenangkan dan memberi keselesaan kepada orang ramai yang berkunjung ke premis kemudahan awam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Christaller (1966), salah satu teori lokasi yang menentukan perletakan lokasi kemudahan adalah teori kedudukan pusat (*central place theory*). Teori ini menyatakan bahawa setiap kegiatan yang akan menghasilkan barang dan perkhidmatan mempunyai pertimbangan had ambang penduduk dan jangkauan pasar. Teori lokasi mempertimbangkan had ambang penduduk (*threshold population*) iaitu jumlah penduduk minimum yang diperlukan untuk kelancaran dan kesinambungan penawaran barangan. Sedangkan jangkauan pasar (*range*) adalah jarak yang perlu ditempuh oleh seseorang untuk mendapatkan sesuatu perkhidmatan. Perletakan kemudahan juga berkait dengan faktor-faktor yang mempengaruhi kepuasan penduduk yang menggunakannya. Menurut Chiara & Koppelmen (1975), kepuasan yang dapat diberikan oleh sesuatu pusat kemudahan bergantung pada jarak-waktu (*time-distance*) dan jarak-kos (*costdistance*).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.2. Konsep perancangan penyediaan kemudahan masyarakat bagi sebuah subbandar. Diperoleh daripada Malaysia (2013)

Menurut Malaysia (2013b), sesebuah subbandar atau bandar kecil perlu mempunyai kemudahan minimum seperti sekolah rendah, sekolah menengah, balai raya, balai polis komuniti dan perpustakaan desa bagi satu unit kejiranan manakala balai polis kategori C, klinik kesihatan dan kemudahan kebajikan berada pada jarak 10 minit berjalan kaki (Rajah 2.2).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7 Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat

Di Malaysia, Garis Panduan disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia bertujuan membantu Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, agensi pelaksana dan pemaju menyediakan kemudahan masyarakat yang secukupnya dalam membangunkan sesuatu kawasan ke arah mewujudkan komuniti sejahtera. Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat JPBD 19/97 yang telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah digantikan dengan Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat yang diterbitkan pada tahun 2013. Antara kandungan Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat pada tahun 2013 adalah seperti berikut:-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7.1 Keperluan Garis Panduan

Kemudahan masyarakat merupakan satu komponen penting dalam proses perancangan dan pembangunan negara. Penyediaan kemudahan yang mencukupi dari segi kuantiti dan kualiti adalah perlu kerana ia bukan sahaja menggambarkan perubahan permintaan tetapi juga sebagai indikator tahap pembangunan mampan negara ke arah pembentukan komuniti sejahtera. Penekanan terhadap kepentingan penyediaan kemudahan masyarakat adalah selaras dengan saranan Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat 1Malaysia serta ke arah mencapai inisiatif Kerajaan melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Aktiviti Ekonomi Utama Nasional (NKEA).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembangunan kemudahan masyarakat memberi fokus terhadap kemahuan dan keperluan rakyat iaitu ‘Rakyat Didahulukan’ di samping agihan penyediaan kemudahan masyarakat yang sama rata dan adil. Penyediaan kemudahan masyarakat adalah selaras dengan Dasar Sosial Negara yang menekankan kepada kepuasan dan kecemerlangan hidup bermasyarakat melalui penyampaian perkhidmatan sosial yang merangkumi aspek:-

1. kebajikan masyarakat;
2. kesihatan;
3. pendidikan;
4. pekerjaan;
5. perumahan;
6. penghayatan nilai dan budaya;
7. keselamatan; dan
8. persekitaran yang sihat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada realitinya, dengan adanya penyediaan kemudahan masyarakat, nilai hartanah di sesuatu kawasan akan meningkat kerana kemudahan ini memberi faedah kepada penduduk setempat. Garis Panduan disediakan untuk menangani isu semasa mengenai perancangan kemudahan masyarakat di dalam merancang sesuatu kawasan. Ini dapat direalisasikan dengan pelaksanaan garis panduan yang lebih rasional supaya penyediaan kemudahan masyarakat mampu memberi manfaat serta memenuhi kehendak masyarakat setempat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7.2 Peruntukan Perundangan dan Dasar

Peruntukan perundangan dan dasar yang dirujuk dalam perancangan dan pembangunan kemudahan masyarakat adalah:

i. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172];

ii. Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171];

iii. Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 50/1965](Seksyen 124A dan 204D);

iv. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984;

v. Akta Pendidikan 1996 [Akta 550];

vi. Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506];

vii. Akta Perkhidmatan Bomba 1998 [Akta 341)];

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

viii. Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685];

ix. Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586];

x. Dasar Sosial Negara, 2003;

xi. Dasar Perbandaran Negara, 2006;

xii. *Convention on the Rights of Persons with Disabilities*, 2006; dan

xiii. Perundangan dan dasar lain berkaitan.

2.7.3 Piawaian Penyediaan Kemudahan Sosial

Piawaian penyediaan kemudahan sosial di Malaysia adalah berpandukan Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malaysia di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menetapkan agar aspek-aspek yang dicadangkan di dalam Garis Panduan ini dapat dipatuhi dan memandu Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan pemaju di dalam merancang, mengawal dan memantau penyediaan pembangunan kemudahan masyarakat secara lebih berkesan. Jadual 2.6 menunjukkan piawaian penyediaan kemudahan sosial yang perlu dipatuhi oleh pihak perancangan kemudahan sosial.

Jadual 2.6

Piawaian penyediaan kemudahan sosial

Jenis Kemudahan	Hierarki Kemudahan	Keperluan Penyediaan
Pendidikan	Sekolah Rendah	Tadahan penduduk 3,000-7,500 orang penduduk. Jarak sekolah rendah dengan kawasan penempatan hendaklah dalam jarak berjalan kaki 0.4 km hingga 0.8 km atau 10 minit berjalan kaki. Saiz kelas 35 pelajar/kelas. Satu sesi persekolahan. Nisbah sekolah 1/800 orang murid
	Sekolah Menengah	Tadahan penduduk 15,000 penduduk Dalam jarak berjalan kaki 0.4 km hingga 0.8 km atau lima hingga 10 minit berjalan kaki. Saiz kelas 35 pelajar/kelas

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

		Nisbah sokolah 1/1260 orang murid
		Satu sesi persekolahan.
	Tadika	Tadahan penduduk 2,500 penduduk. Jarak dengan kawasan penempatan hendaklah dalam jarak berjalan kaki 0.2 km hingga 0.4 km atau lima minit berjalan kaki.
Kesihatan	Hospital Besar	Disediakan di setiap negeri.
	Hospital Daerah	Disediakan di setiap daerah dengan penduduk minimum 38,000 hingga 375,000 penduduk.
	Klinik Kesihatan	Tadahan penduduk untuk klinik kesihatan ialah di antara 15,000 hingga 20,000 penduduk.
	Klinik Desa	Penduduk tadahan untuk klinik desa di antara 1,000 hingga 4,000 penduduk.
		Klinik desa disediakan di kawasan luar bandar.
	Klinik 1Malaysia	Disediakan di kawasan tumpuan ramai.
		Kawasan golongan berpendapatan rendah.
		Klinik pesakit luar bagi kes-kes ringan sahaja.
	Klinik Swasta	Disediakan bergantung kepada pihak swasta.
Keselamatan	Ibu Pejabat Polis Kontijen	Diperlukan bagi setiap ibu negeri
	Ibu Pejabat Polis Daerah	Diperlukan bagi setiap daerah
	Balai Polis Kategori D dan E	Diperlukan di kawasan luar bandar bagi setiap petempatan, bandar kecil dengan melebihi 15,000 orang.
	Balai Polis Komuniti/Pondok polis	5,000 hingga 10,000 penduduk

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pusat Komuniti	Dewan Serbaguna	Sebuah dewan serbaguna untuk 10,000- 15,000 orang. Perletakan di pinggir kawasan kediaman. Jarak maksimum berjalan kaki satu km/satu batu/30 minit.
	Dewan Orang Ramai	Sebuah dewan orang ramai untuk 1,000 - 10,000 orang. Perletakan di kawasan kediaman namun di bandar, kemudahan ini ditempatkan di dalam skim perumahan atau blok rumah pangsa. Jarak maksimum berjalan kaki 800m/1/2 batu/15 minit. Saiznya lebih kecil daripada dewan serba guna.
	Balai Raya	Sebuah balai raya untuk penduduk antara 200 - 5,000 orang. Perletakan di kawasan kampung dan kawasan bandar untuk memenuhi kehendak masyarakat. Jarak maksimum berjalan kaki: 400 meter/1/4 batu/10 minit. Berfungsi sebagai tempat berkumpul untuk masyarakat setempat. Kawasan perkhidmatan di luar bandar meliputi dua hingga tiga buah kampung manakala di kawasan bandar terletak di kawasan perumahan kos rendah.

Sumber: Malaysia (2013b)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, penyediaan kemudahan sosial merupakan keperluan kepada masyarakat setempat. Penyediaannya yang mencukupi dari segi bilangan berdasarkan jumlah penduduk dapat memberi kepuasan kepada pengguna. Penyediaan kemudahan sosial mengikut garis panduan seperti yang digariskan oleh pihak JPBD adalah perlu dipatuhi oleh pihak yang terlibat dalam penyediaan kemudahan sosial. Peruntukan perundangan dan dasar dalam perancangan dan pembangunan kemudahan masyarakat perlu menjadi rujukan bagi memastikan kemudahan yang disediakan berada pada tahap terbaik dan memenuhi piawaian garis panduan.

Secara keseluruhannya, bab ini menggambarkan bahawa dari segi perundangan dan garis panduan penyediaan kemudahan sosial di Malaysia adalah lengkap dan terperinci. Namun demikian, dari segi perlaksanaan kemudahan sosial di sesuatu kawasan bergantung kepada pihak pemaju atau mereka yang terlibat dalam perancangan kemudahan sosial. Penyediaan kemudahan sosial yang mengambil kira keperluan penduduk dan memenuhi piawai seperti yang digariskan oleh pihak JPBD sudah tentu akan memastikan penyediaan kemudahan sosial di sesuatu kawasan benar-benar memberi manfaat dan juga keselesaan kepada pengguna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

KAEDAH DAN KAWASAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pendahuluan

Bab ini menjelaskan kaedah yang dijalankan dalam pelaksanakan kajian. Dalam sesebuah kajian, kaedah kajian amat penting dalam menentukan keberhasilan sesebuah kajian bagi mencapai objektif yang ingin dicapai. Aspek-aspek yang diberi penekanan dan dibincangkan dalam kaedah kajian adalah seperti reka bentuk kajian, lokasi kajian, keperluan data dan kaedah pengumpulan data, sampel dan kaedah persampelan dan pembentukan, pembentukan borang soal selidik dan kaedah analisis data. Aspek-aspek yang dibincangkan dalam bab ini dapat memberi penjelasan tentang bagaimana kaedah-kaedah atau pendekatan yang diambil bagi memastikan kajian ini mencapai objektif yang telah ditetapkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dilakukan ini merupakan sebuah kajian yang bersifat deskriprif dan bertujuan untuk mengkaji daya tampung dan tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan sosial di Mukim Serendah. Menurut Mohamad Najib (1999), kajian deskriptif bertujuan untuk menerangkan keadaan sebenar yang berlaku dalam kumpulan yang dikaji, menerangkan hubungkait antara faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran dan memberi kesimpulan yang lebih tepat mengenai permasalahan dalam kumpulan yang dikaji. Kajian deskriptif juga boleh menjelaskan dan menghuraikan sesuatu perkara atau keadaan pada sesuatu masa dan membantu menyelesaikan sesuatu masalah melalui pendekatan "sebab dan akibat" (Taylor, 2000).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini dilaksanakan secara kuantitatif dan kualitatif atau lebih dikenali sebagai *mixed-method* (Creswell & Clark, 2007). Kaedah pengumpulan data dibuat melalui soal selidik, temu bual, pemerhatian dan semakan dokumen. Menurut Creswell & Clark (2007) kaedah pengumpulan data melalui kaedah *mixed method* ini telah lama digunakan, namun menggabungkannya dalam satu reka bentuk kajian adalah satu pendekatan yang baharu. Metodologi kajian *mixed method* ini dapat terangkan oleh Creswell & Clark (2007) sebagai kajian yang melibatkan pengutipan dan menganalisis data melalui kombinasi di antara pendekatan melalui kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif dalam satu kajian. Penggunaan kaedah ini adalah bertujuan mendapatkan maklumat yang jelas, tepat dan memahami pernyataan masalah dengan lebih baik berbanding dengan hanya menjalankan satu kaedah sahaja (Creswell & Clark, 2007). Selain itu, kaedah ini juga dapat mengimbangkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelemahan dari kaedah lain. Contohnya, dapatan kaedah kualitatif digeneralisasikan secara terhad sebaliknya kaedah kuantitatif boleh digeneralisasikan untuk tujuan kajian-kajian lain. Dapatan kajian menggunakan kaedah *mixed method* ini lebih menyeluruh, memandangkan terdapat soalan-soalan kajian yang sukar dijawab sekiranya hanya menjalankan satu kaedah sahaja digunakan.

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan kerja peninjauan kuantitatif dan penafsiran kualitatif. Kaedah tinjauan yang digunakan adalah melalui temu bual dan soal selidik. Borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan daripada responden untuk mengetahui tahap kepuasan mereka terhadap kemudahan sosial yang sedia ada di kawasan mereka. Di samping itu, temu bual secara bersemuka juga digunakan untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat daripada responden yang dipilih. Kaedah ini dapat memastikan data yang diambil betul-betul menepati mewakili keseluruhan populasi bagi menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Seterusnya, data yang diperoleh akan dianalisis dengan menggunakan beberapa kaedah analisis data yang bersesuaian.

3.3 Keperluan Data dan Kaedah Pengumpulan Data

3.3.1 Keperluan Data

Data merupakan salah satu keperluan yang penting bagi memenuhi kehendak kajian. Bagi melengkapkan kajian, data-data tertentu diperlukan bagi mencapai objektif penyelidikan. Data kuantitatif melalui kajian soal selidik dikumpul dan dianalisis bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapatkan bukti yang kukuh untuk menghuraikan objektif kajian. Manakala data kualitatif melalui pemerhatian dan temubual dapat menjawab objektif kajian yang tidak dapat dirungkaikan dengan menggunakan data kuantitatif. Ia meliputi data tingkah laku responden yang melibatkan maklumat peribadi responden dan faktor-faktor yang dirasakan mungkin mempunyai kaitan tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan-kemudahan sosial.

Menurut Gerson (2010), data seperti soal selidik, dan kaedah pemerhatian amat diperlukan kerana ia membantu untuk memastikan profil orang menjawab soalan-soalan dengan lebih tepat. Ini menunjukkan data primer amat diperlukan dalam kajian ini. Penyelidikan ini adalah berfokus kepada soal selidik yang merangkumi maklumat peribadi responden dan faktor-faktor yang dirasakan mungkin mempunyai kaitan dengan tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan-kemudahan sosial. Data tersebut dianalisis dengan menggunakan SPSS untuk melihat kebolehpercayaan instrumen kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.2 Kaedah Pengumpulan Data

Menurut Bhasah (2007), data boleh dikategorikan kepada data primer dan data sekunder. Data primer diperoleh dengan kaedah pemerhatian, temu bual dan soal selidik yang diedarkan kepada responden. Data sekunder pula diperoleh dari kaedah buku rujukan, jurnal, dan kertas kerja. Kaedah ini amat penting bagi memastikan data yang terkumpul adalah betul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.3 Soal Selidik

Soal selidik merupakan salah satu sumber utama data primer. Menurut Brace (2004), kepada penyelidik yang menjalankan pengumpulan data melalui soal selidik, ia merupakan satu elemen penting dalam kejayaannya. Jika soal selidik mempunyai kesalahan maka jawapan yang diperoleh juga mungkin lebih teruk dan mengelirukan. Data primer digunakan dalam kajian dan diperoleh dengan kaedah soal selidik, pemerhatian, temu bual dan pensampelan yang dilakukan. Set soal selidik dirangka bagi kumpulan sasar iaitu penduduk-penduduk di Bukit Beruntung. Perancangan awal dilaksanakan sebelum membina soal selidik. Set soal selidik ini dibina dengan memasukkan komponen-komponen yang berkaitan dengan tajuk kajian untuk mencapai objektif kajian. Tujuan utama soal selidik diadakan adalah untuk mengetahui tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan-kemudahan sosial di Mukim Serendah.

Soal selidik diedarkan kepada responden iaitu penduduk-penduduk di Mukim Serendah dan memfokuskan kepada lima kawasan utama yang terdapat di dalam Mukim Serendah iaitu Bukit Beruntung, Bukit Sentosa, Sungai Buaya, Sungai Choh dan Serendah. Jumlah responden haruslah ditentukan setelah kajian lapangan dilakukan. Data yang diperoleh daripada soal selidik akan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 22.0. Fokus utama borang soal selidik ini adalah untuk mengkaji daya tampung dan tahap kepuasan pengguna kemudahan-kemudahan sosial di Mukim Serendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.4 Temu Bual

Kaedah temu bual adalah salah satu kaedah yang berkesan untuk mengetahui secara lebih lanjut tentang sesuatu perkara. Ahrens (2004) menyatakan kaedah temu bual merupakan satu cara pengumpulan data yang amat efisien yang melibatkan interaksi sosial untuk mendapatkan data yang mencukupi daripada subjek. Perkara ini penting kerana salah satu daripada tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji kemudahahan sosial yang sedia ada dari aspek daya tampung dan tahap kepuasan pengguna. Oleh yang demikian, temu bual subjek kajian yang berkaitan dalam perancangan kemudahan sosial dan wakil-wakil penduduk dapat mengukuhkan lagi data yang diperoleh melalui kaedah soal selidik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, subjek yang ditemu bual telah mendapat kebenaran daripada subjek terlebih dahulu untuk ditemu bual. Temu bual dilakukan kepada enam orang subjek yang terdiri dari seorang pegawai di Jabatan Perancangan Pembangunan Majlis Daerah Hulu Selangor, seorang pegawai di Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Selangor, seorang Presiden Persatuan Penduduk Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung (BSBR), dan tiga orang lagi terdiri daripada pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang mewakili penduduk di kawasan Serendah, Sungai Choh dan Sungai Buaya. Kaedah ini amat sesuai digunakan untuk mendapatkan maklumat tambahan yang dikehendaki dalam kajian ini. Temu bual dijalankan ke atas enam orang subjek bagi memastikan situasi sebenar adalah sama dengan kenyataan yang diutarakan oleh penduduk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teknik temu bual yang digunakan dalam kajian ini berbentuk berstruktur dan tidak berstruktur. Soalan berstruktur memerlukan responden menjawab soalan berdasarkan skop yang diperlukan manakala soalan yang tidak berstruktur memberi kebebasan dan kelonggaran kepada responden untuk menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh pengkaji. pembahagian soalan temu bual dalam kajian ini dibahagikan kepada tiga jenis soalan yang berlainan kepada responden mengikut bidang tugas dan keperluan kajian. Soalan temu bual bagi setiap wakil penduduk di lima kawasan diajukan soalan yang sama seperti berikut:

1. Sebagai wakil penduduk, apakah aduan berkaitan dengan kelemahan kemudahan sosial (kemudahan yang dikaji) di kawasan anda?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Apakah pandangan anda tentang aspek kemudahan sosial yang sedia ada di kawasan-kawasan di kawasan Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung seperti di bawah?

   a) Kualiti kemudahan

   b) Perletakan lokasi kemudahan (ketersampaian)

   c) Kuantiti kemudahan mengikut jumlah penduduk

   d) Keperluan masyarakat

3. Pada pandangan anda, adakah taraf sosioekonomi penduduk di kawasan anda mempengaruhi kebergantungan mereka terhadap kemudahan perkhidmatan kerajaan hospital awam dan sekolah kerajaan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4. Pada pandangan anda, adakah kemudahan keselamatan yang terdapat di kawasan anda dapat memastikan tahap keselamatan dan ketenteraman penduduk terjamin?

5. Nyatakan tahap kepuasan anda secara keseluruhan tentang kemudahan sosial sedia ada di kawasan anda.

6. Apakah cadangan anda berkaitan penambahbaikan kemudahan sosial yang sedia ada di kawasan anda?

Bagi wakil daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa Majlis Daerah Hulu Selangor pula bentuk soalan yang diajukan adalah berkaitan dengan bidang tugas dan peranan yang dimainkan oleh pihak tersebut. Bentuk soalan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

1. Apakah peranan pihak tuan dalam perancangan kemudahan sosial di kawasan kajian?

2. Pandangan anda terhadap kemudahan sosial sedia ada berdasarkan aspek berikut:
   a) Kualiti kemudahan
   b) Perletakan lokasi kemudahan (ketersampaian)
   c) Kuantiti kemudahan mengikut jumlah penduduk
   d) Keperluan masyarakat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Apakah aspek yang diambil kira dalam penyediaan kemudahan sosial di sesuatu kawasan?

4. Adakah pihak tuan menerima aduan daripada masyarakat berkaitan permasalahan kemudahan sosial di kawasan kajian? Sekiranya ada, apakah masalah yang dikemukakan oleh pengadu?

5. Apakah masalah atau kekangan pihak tuan dalam perancangan kemudahan sosial di kawasan kajian?

6. Nyatakan bilangan kemudahan sosial yang sedang dirancang oleh pihak tuan di kawasan kajian?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, bagi wakil daripada Jabatan Pendidikan Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Selangor pula bentuk soalan yang diajukan adalah tentang isu dan permasalahan pendidikan di kawasan Serendah. Antara soalan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

1. Adakah kemudahan pendidikan di Mukim Serendah memenuhi Dasar Pendidikan Negara?

2. Pandangan anda terhadap kemudahan pendidikan sedia ada di lima kawasan di Mukim Serendah berdasarkan aspek berikut:

   a) Kualiti kemudahan

   b) Perletakan lokasi kemudahan (ketersampaian)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c) Kuantiti kemudahan mengikut jumlah penduduk

d) Keperluan masyarakat

3. Apakah kesan pembelajaran dua sesi terhadap murid?

4. Adakah bilangan sekolah yang terhad menyebabkan ibu bapa tidak dapat menghantar anak mereka ke sekolah yang sedia ada di Mukim Serendah?

5. Adakah ibu bapa di kawasan kajian bergantung sepenuhnya kepada pendidikan awam?

6. Pada pandangan pihak tuan, adakah kelemahan dalam perancangan kemudahan pendidikan memberi kesan kepada mutu pendidikan negara?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.5 Pemerhatian

Menurut Patton (1990), teknik pemerhatian adalah penting kerana pengkaji dapat menyiasat di peringkat proses perlaksanaan dengan lebih mendalam dan memberi lebih maklumat yang realistik. Pendapat ini disokong oleh Bogdan & Biklen (1998) yang menyatakan bahawa pengkaji boleh menentukan proses secara terus melalui pemerhatiannya.

Denzin & Lincoln (2003) menyatakan pemerhatian merupakan ‘perlakuan merekod fenomena yang biasanya menggunakan instrumen, dan merakamnya untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tujuan saintifik dan lain-lain. Dalam kajian ini, kaedah pemerhatian dilakukan di setiap kawasan untuk mengukur aspek kualiti kemudahan, kuantiti kemudahan dan elemen-elemen berkaitan dengan penyediaan kemudahan sosial. Kaedah pemerhatian yang dilakukan adalah berstruktur iaitu setiap pernyataan perlakuan atau situasi direkodkan secara terperinci berpandukan senarai semak.

Setiap elemen yang dikaji direkodkan dengan menggunakan gambar foto bagi menunjukkan gambaran sebenar tentang fenomena atau permasalahan yang berlaku di kawasan kajian. Gambar foto tersebut dapat memperkukuhkan lagi penemuan yang diperoleh melalui kaedah soal selidik atau melalui kajian kuantitatif. Selain itu juga, gambar foto merupakan antara alat utama untuk merekodkan maklumat selain daripada pernyataan-pernyataan bertulis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.6 Data Sekunder

Data sekunder amat diperlukan untuk mengetahui jumlah peningkatan penduduk di Mukim Serendah. Jumlah penduduk memainkan peranan penting untuk mengetahui daya tampung kemudahan-kemudahan sosial yang sedia ada kepada penduduk-penduduk yang semakin bertambah. Berdasarkan data tersebut, ia dapat menentukan sama ada jumlah penduduk mempengaruhi tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan-kemudahan sosial yang sedia ada. Data bilangan penduduk akan digunakan dan dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 22.0.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah pengumpulan bahan sekunder juga dilakukan untuk memastikan maklumat dan data yang diperoleh adalah berbentuk formal dan boleh dipercayai. Bahan-bahan sekunder ini merangkumi dokumen-dokumen atau bahan-bahan penerbitan. Dokumen dan bahan-bahan penerbitan ini pula, melibatkan pembacaan buku, jurnal, artikel, keratan akhbar, latihan ilmiah, kertas seminar dan bahan-bahan bacaan dari internet. Bagi melengkapkan lagi proses pengumpulan data, pengkaji juga turut mengumpul maklumat-maklumat yang diperoleh dari Perpustakaan Tuanku Bainun UPSI dan Perpustakaan Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), data Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia dan Majlis Daerah Hulu Selangor. Bahan sekunder inilah digunakan untuk mengukuhkan lagi hujah yang dinyatakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Sampel dan Kaedah Pensampelan

3.4.1 Sampel

Pensampelan merupakan proses sebahagian kecil daripada keseluruhan populasi dipilih dan dikaji bagi membolehkan satu generalisasi dibuat atau disimpulkan berkaitan populasi tersebut. Kaedah pensampelan hanya dilakukan dari jumlah keseluruhan penduduk. Kaedah ini juga menjimatkan masa, tenaga dan pembiayaan penyelidikan. Prinsip utama sampel ialah boleh mewakili keseluruhan populasi walaupun sampel hanyalah sebahagian daripada populasi berkenaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.2 Kaedah Pensampelan

Dalam kajian ini, kaedah sampel kajian dalam penyelidikan ini telah menggunakan kaedah pensampelan kebarangkalian dan jenis pensampelan rawak mudah berstrata. Pensampelan jenis ini dipilih kerana bersesuaian dengan populasi kajian yang seragam. Kajian ini dijalankan dengan memilih penduduk di Mukim Serendah yang terlibat secara langsung menggunakan kemudahan-kemudahan sosial di kawasan berkenaan. Jumlah sampel untuk kajian ini ialah seramai 400 orang responden iaitu penduduk-penduduk yang menetap di Mukim Serendah. Jumlah sampel diperolehi dengan menggunakan Formula Slovin seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.1.

$$n = \frac{N}{Nd^2 + 1}$$

Di mana, n : jumlah sampel
N : jumlah populasi
d : aras keyakinan

Rajah 3.1. Formula Slovin. Diperoleh daripada Sevilla et al (1997)

Dengan menggunakan analisis berdasarkan Formula Slovin, jumlah sampel di Mukim Serendah ditentukan seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

$$n = \frac{83{,}099}{83{,}099 \times 0.05^2 + 1}$$

$$= \frac{83{,}099}{207.7475 + 1}$$

$$= \frac{83{,}099}{208.7475}$$

$$= 398.084 \cong 400$$

3.4.3 Kaedah Pemilihan Sampel

Pemilihan sampel adalah penting bagi memastikan borang soal selidik dapat dijawab dengan baik tanpa terdapat kemusykilan dalam data yang diperoleh daripada responden. Tujuan utama pemilihan sampel kajian ialah untuk memastikan data yang diperoleh adalah tepat dan betul. Menurut Fraenkel & Wallen (1993), keseluruhan populasi ini adalah merupakan *target population* di mana populasi tersebut mempunyai ciri-ciri responden yang diinginkan dalam kajian. Menurut mereka lagi, sesuatu pemilihan keseluruhan kepada subjek ini bilangannya seharusnya boleh diuruskan, boleh diperoleh atau *accessible population* dan boleh digeneralisasikan serta tidak terbatas kepada sampel dan terjamin. Seramai 400 orang dijadikan sampel bagi kajian ini. Jumlah sampel diperoleh menggunakan Formula Slovin. Sebanyak 400 naskhah borang soal selidik akan diedarkan kepada penduduk di Mukim Serendah mengikut kawasan-kawasan yang terdapat dalam Mukim Serendah. Kawasan tersebut adalah Bandar Sungai Buaya, Bukit Beruntung, Bukit Sentosa, Sungai Choh dan Serendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Creswell (2005), teknik yang paling sesuai adalah mengikut teknik pensampelan rawak berstrata berkadar *proportional stratification sampling approach*. Mohd Majid (1998) menyatakannya sebagai pensampelan rawak berlapis yang sesuai digunakan bagi populasi yang tidak seragam. Manakala, Fraenkel & Wallen (2007) mengkategorikannya sebagai persampelan rawak berstrata kumpulan. Oleh yang demikian, teknik pensampelan rawak berstrata berkadar ini adalah sesuai digunakan kerana terdapat perbezaan jumlah populasi disetiap kawasan di Mukim Serendah (Jadual 3.2). Proporsi merupakan pembahagian sub-unit dalam satu unit tertentu dan digunakan untuk menyata dan membandingkan kategori-kategori dalam variabel tunggal (Chua, 2006).

Kajian ini terbahagi kepada 5 sub-populasi dalam populasi Mukim Serendah iaitu Sungai Buaya, Bukit Beruntung, Bukit Sentosa, Sungai Choh dan Serendah. Pemilihan responden adalah seratus peratus yang tinggal di Mukim Serendah. Bagi mencapai tujuan kajian ini, pengkaji telah mendapatkan peratus populasi bagi setiap kumpulan strata. Bagi setiap kumpulan strata peratusan bagi kawasan Sungai Buaya ialah 15 peratus, Bukit Beruntung 52 peratus, Bukit Sentosa 7 peratus, Sungai Choh 13 peratus dan Serendah ialah 13 peratus (Jadual 3.1). Hasilnya, bilangan sampel yang dipilih adalah 400 secara rawak iaitu 60 daripada Sungai Buaya, 208 daripada Bukit Beruntung, 28 daripada Bukit Sentosa dan masing-masing 52 daripada Sungai Choh dan Serendah (Jadual 3.1).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1

Penentuan sampel menggunakan persampelan berstrata

Kawasan	Kerangka persampelan		Persampelan berstrata	
	Bil. Populasi (orang)	Peratus (%)	Bil. Sampel (orang)	Peratus (%)
Bandar Sungai Buaya	11,652	15	60	15
Bukit Beruntung	42,700	52	208	52
Bukit Sentosa	8,013	7	28	7
Sungai Choh	10,202	13	52	13
Serendah	10,532	13	52	13
Jumlah	83,099	100	400	100

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kepada maklumat yang diperoleh daripada Malaysia (2010a), jumlah keseluruhan penduduk di Mukim Serendah ialah seramai 83,099 orang. Bagi menentukan jumlah sampel bagi mewakili populasi kajian, Formula Slovin digunakan dalam kajian ini berdasarkan aras kepercayaan 95%. Manakala, bagi kajian kualitatif pula, bilangan sampel yang dipilih adalah enam orang sebagai subjek kajian iaitu terdiri daripada seorang wakil daripada Jabatan Perancangan Pembangunan Majlis Dearah Hulu Selangor, seorang wakil daripada Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Hulu Selangor, seorang Presiden Persatuan Penduduk Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung (BSBR), dan tiga orang lagi terdiri daripada pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang mewakili penduduk di kawasan Serendah, Sungai Choh dan Sungai Buaya yang ditemu bual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemilihan sampel ini dapat menjawab persoalan-persoalan yang tidak dapat diperoleh melalui kaedah soal selidik. Sampel yang dipilih ini terdiri daripada individu yang mempunyai peranan dan tanggungjawab yang berkaitan dengan penyediaan kemudahan sosial dan memenuhi ciri-ciri subjek kajian yang dikehendaki. Jadual 3.2 di bawah memaparkan latar belakang mengenai subjek-subjek dalam temu bual. Menurut Fraenkel Wallen (2007), pemilihan sampel secara "*purposive sampling"* atau pensampelan bertujuan adalah sesuai dengan kajian kualitatif. Manakala, menurut Creswell (2005), pemilihan pensampelan bertujuan dari pelbagai latar belakang juga dikenali sebagai *"maximal variation sampling"* adalah bagi membolehkan pengkaji mendapat data yang lebih banyak dan bermakna.

Selain itu, kriteria lain pemilihan sampel ini ialah dapat meminimumkan kos, meningkatkan kebolehpercayaan dapatan serta mencakupi elemen-elemen dalam populasi yang diwakili oleh sampel (Mohd. Nasaruddin, 2006). Bilangan subjek yang ditemu bual adalah mencukupi berdasarkan kepada pendapat Creswell (2005) yang menyatakan bilangan antara empat hingga sepuluh subjek adalah bersesuaian dijadikan sampel untuk kajian kualitatif. Oleh yang demikian, pemilihan enam subjek daripada pelbagai latar belakang untuk ditemu bual oleh pengkaji adalah bertepatan setelah mengambil kira pandangan Creswell (2005) dan Mohd. Nasaruddin (2006).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3

Senarai subjek yang ditemu bual

Subjek	Jawatan
1	Jabatan Perancangan Pembangunan Majlis Daerah Hulu Selangor
2	Pegawai Pelajaran Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Selangor
3	Pengerusi Persatuan Penduduk Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung
4	Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Sungai Buaya
5	Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Sungai Choh
6	Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Serendah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Pembentukan Borang Soal Selidik

Kewujudan dan pengaturan daripada borang soal selidik adalah cara yang berkesan dan berjaya (Azizi *et. al*, 2006). Soal selidik yang dilakukan dengan betul dan berhati-hati meningkatkan maklum balas, memudahkan kesimpulan dan analisis data terkumpul. Borang soal selidik dalam kajian ini dibentuk dengan membahagikan soalan kepada empat bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D. Soalan-soalan yang dikemukakan terbahagi kepada dua bentuk iaitu soalan tertutup (cadangan responden) dan soalan berbentuk Skala Likert 5 mata (1= Sangat tidak memuaskan, 2= Kurang memuaskan, 3= Sederhana, 4= Memuaskan, 5= Sangat memuaskan). Bahagian A merangkumi maklumat peribadi responden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian B adalah berkaitan tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan-kemudahan sosial terpilih di Mukim Serendah seperti kemudahan pendidikan, kemudahan kesihatan, kemudahan keagamaan, kemudahan keselamatan dan kemudahan pusat komuniti. Bahagian C adalah berkaitan faktor-faktor yang dirasakan mungkin mempunyai hubungan faktor-faktor pemilihan lokasi kajian sebagai tempat tinggal responden dan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan-kemudahan sosial. Bahagian D merangkumi cadangan meningkatkan atau menambahbaik kemudahan-kemudahan sosial di kawasan kajian.

3.6 Kaedah Analisis Data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini dilaksanakan secara kuantitatif dan kualitatif atau lebih dikenali sebagai *mixed-method* (Creswell & Clark, 2007). Kaedah pengumpulan data dibuat melalui soal selidik, temu bual, pemerhatian dan semakan dokumen. Menurut Creswell & Clark (2007) kaedah pengumpulan data melalui kaedah *mixed method* ini telah lama digunakan, namun menggabungkannya dalam satu reka bentuk kajian adalah satu pendekatan yang baharu. Metodologi kajian *mixed method* ini dapat terangkan oleh Creswell & Clark (2007) sebagai kajian yang melibatkan pengutipan dan menganalisis data melalui kombinasi di antara pendekatan melalui kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif dalam satu kajian. Penggunaan kaedah ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang jelas, tepat dan memahami pernyataan masalah dengan lebih baik berbanding dengan hanya menjalankan satu kaedah sahaja (Creswell & Clark, 2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, kaedah ini juga dapat mengimbangkan kelemahan dari kaedah lain. Contohnya, dapatan kaedah kualitatif digeneralisasikan secara terhad sebaliknya kaedah kuantitatif boleh digeneralisasikan untuk tujuan kajian-kajian lain. Dapatan kajian menggunakan kaedah *mixed method* ini lebih menyeluruh, memandangkan terdapat soalan-soalan kajian yang sukar dijawab sekiranya hanya menjalankan satu kaedah sahaja digunakan. Selain itu, pengkaji juga dapat melihat dapatan kajian dari pelbagai perspektif meskipun kajian yang menggunakan kaedah ini mengambil masa yang lebih lama berbanding dengan menggunakan satu kaedah sahaja kerana kaedah pengumpulan datanya berbeza (Recker, 2007).

Dalam kajian ini, analisis kuantitatif melibatkan data yang diperoleh melalui soal selidik yang dijalankan. Data yang peroleh melalui soal selidik dianalisis menggunakan ujian *'Statistical Packages for Social Sciences' (SPSS) for Windows Version 22.0*. Kaedah analisis data yang digunakan ialah ujian bukan parametrik bagi data berskala nominal dan ordinal. Statistik deskriptif digunakan untuk menghuraikan ciri-ciri pemboleh ubah. Statistik ini akan menggunakan petunjuk-petunjuk seperti kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai, median dan mod bagi menyatakan ciri-ciri sesuatu pembolehubah (Chua, 2012).

Pemerihalan melalui analisis deskriptif adalah terhad pada sampel sahaja dan tidak digunakan untuk membuat kesimpulan atau generalisasi secara menyeluruh kepada populasi yang dikaji. Analisis deskriptif ini dilakukan ke atas soalan berskala normal dan ordinal. Data berskala ordinal dianalisis dengan menggunakan jadual interpretasi untuk mendapatkan keputusan setiap nilai min yang diperoleh dan nilai sisihan piawai turut digunakan untuk menyokong nilai min. Jadual 3.3 menunjukkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hubungan antara nilai min dengan nilai interpretasi untuk menguji tahap kepuasan responden. Setiap keputusan dipaparkan dalam bentuk jadual bagi memudahkan kefahaman dan meringkaskan hasil data yang diperoleh.

Jadual 3.3

Hubungan antara nilai min dengan nilai interpretasi untuk menguji tahap kepuasan responden


Nilai Min	Interpretasi
0- 1.99	Amat tidak memuaskan
2.0- 2.99	Tidak memuaskan
3.0- 3.99	Sederhana
4.0- 4.99	Memuaskan
5.0	Amat memuaskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain daripada analisis deskriptif, analisis inferensi juga turut digunakan untuk menghuraikan hubungan antara suatu pembolehubah dengan pembolehubah yang lain. Ujian Khi Kuasa Dua Kebebasan dan Kebagusan digunakan untuk mengukur perbezaan bagi pembolehubah berskala nominal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.2. Teknik analisis data kuantitatif dan kualitatif

Bagi analisis kualitatif pula, data yang diperoleh melalui kaedah temu bual dan pemerhatian memerlukan kaedah analisis yang sistematik bagi mendapatkan hasil yang jelas. Data melalui pemerhatian dicatatkan dalam borang pemerhatian untuk memudahkan proses analisis data. Manakala data yang diperoleh daripada temu bual yang dijalankan akan diterjemahkan dalam bentuk transkrip sebelum dianalisis. Data yang diperoleh akan dipecahkan mengikut tema-tema tertentu bagi meneliti aspek-aspek yang diperlukan dalam menjawab objektif kajian. Hasil yang diperoleh melalui

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kaedah pemerhatian dipersembahkan dalam bentuk rajah. Selain itu, gambar foto juga digunakan untuk menyokong sesuatu keterangan bertulis mengenai sesuatu keadaan dan suasana di kawasan kajian.

Bagi menentukan daya tampung kemudahan sosial terhadap pengguna, kaedah analisis menggunakan Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat yang disediakan oleh Jabatan Perancancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia pada tahun 2013. Garis panduan tersebut dapat menganalisis daya tampung kemudahan sosial kepada pengguna berdasarkan aspek-aspek seperti tadahan penduduk, jarak dan kuantiti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Lokasi Kajian

Kajian ini telah dijalankan di Mukim Serendah yang terletak dalam Daerah Hulu Selangor. Daerah Hulu Selangor mengandungi 13 mukim yang terdiri daripada Mukim Hulu Bernam, Kuala Kalumpang, Kalumpang, Sungai Gumut, Kerling, Ampang Pechah, Peretak, Buloh Telor, Sungai Tinggi, Rasa, Batang Kali, Hulu Yam dan Serendah (Malaysia, 2006). Mukim Serendah terbahagi kepada beberapa kawasan utama seperti Bukit Beruntung, Bukit Sentosa, Sungai Buaya, Sungai Choh dan Serendah. Pemilihan Mukim Serendah sebagai lokasi kajian adalah disebabkan Mukim Serendah menjadi kawasan tumpuan utama penduduk di Daerah Hulu Selangor. Hal ini dapat dibuktikan melalui data jumlah penduduk di Daerah Hulu Selangor pada tahun 2010 iaitu seramai 194,387 orang dan daripada jumlah itu adalah seramai 83,099 orang merupakan penduduk di Mukim Serendah (Malaysia, 2010a).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian mengenai daya tampung dan tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan-kemudahan sosial di Mukim Serendah sangat bertepatan kerana terdapat ketidakseimbangan penyediaan kemudahan-kemudahan sosial antara kawasan-kawasan yang terletak di dalam Mukim Serendah. Merujuk kepada taburan kawasan penempatan di Mukim Serendah, terdapat kawasan-kawasan yang mempunyai penduduk yang agak ramai kerana kawasan tersebut mempunyai banyak kawasan perumahan yang dibina. Justeru, kawasan yang mempunyai penduduk yang ramai ini memerlukan kemudahan-kemudahan sosial yang seimbang dengan kapasiti penduduk.

Selain itu, Mukim Serendah jarak lokasinya kira-kira 50 kilometer dari Bandararaya Kuala Lumpur. Oleh kerana lokasinya yang tidak jauh daripada Bandaraya Kuala Lumpur menyebabkan kawasan ini sangat menarik untuk dikaji. Walaupun kedudukannya boleh dikatakan sangat hampir dengan Bandaraya Kuala Lumpur didapati kemudahan-kemudahan sosial di kawasan tersebut masih ketinggalan berbanding dengan bandar-bandar utama di Negeri Selangor yang lain seperti Bandar Baru Kajang, Bandar Sepang, Bandar Rawang dan lain-lain lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.3: Kawasan kajian di Mukim Serendah

Pertambahan penduduk yang semakin pesat di Mukim Serendah menyebabkan daya tampung kemudahan-kemudahan sosial semakin tepu dan boleh menyebabkan keselesaan penduduk terjejas. Konsep kajian ini hanya tertumpu kepada penduduk yang menetap di kawasan kajian sahaja. Rajah 3.1 menunjukkan lokasi kajian iaitu Mukim Serendah. Pemilihan Mukim Serendah adalah untuk mengkaji tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan-kemudahan sosial yang sedia dan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan-kemudahan sosial di kawasan tersebut. Analisis dapat dilakukan berdasarkan data yang diperoleh daripada soal selidik yang diedarkan kepada penduduk di Mukim Serendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.4

Kawasan perumahan bagi Mukim Serendah

Nama Kawasan	Nama Kawasan Perumahan
Kawasan Serendah	Tmn. Idaman Tmn. Bukit Cahaya (Tmn. Cempaka) Tmn. Serendah Indah Tmn. Desa Anggerik Tmn. Desa Melor Tmn. Desa Kiambang Tmn. Tasik Teratai Pinggiran Tasik Kiambang Serendah Golf Resort Kg. Seri Serendah Kg. Datuk Harun Kg. Baru Serendah Kg. Damai Kg. Tok Pinang Rumah Kilat (50 Unit, Rumah Murah Peringkat 1) Rumah Murah Peringkat 2 (48 Unit)
Kawasan Bukit Beruntung	1. Bukit Beruntung 1 : 1.1. Seksyen BB1 Jalan Orkid Jalan Ros 1.2. Seksyen BB2 Jalan Kekwa Apartment Kekwa Jalan Mawar 1.3. Seksyen BB3 Jalan Melor Apartment Melor Jalan Inai 1.4. Seksyen BB4 Jalan Kemboja Jalan Anggerik 1.5. Seksyen BB7 Jalan Semarak Apartment Seri Semarak Jalan Seroja Apartment Seri Seroja Jalan Tanjung Apartment Seri Tanjung Apartment Seri Trompet 1.6. Seksyen BB8

(sambungan)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah Pust osi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	Jalan Kasturi 1.7. Seksyen BB11 Jalan Dahlia Jalan Teratai 2. Bukit Beruntung 3 : 2.1. Seksyen BB18 Jalan Widuri Apartment Widuri Taman Kesumba 3. Kawasan Taman Bunga Raya : Apartment Kenanga Apartment Cempaka Apartment Anggerik Apartment Buginvilla Apartment Teratai Apartment Mawar Apartment Dahlia 4. Kawasan Prima Beruntung : Jalan Anggerik Apartment Anggerik Apartment Mawar
Sungai Choh	Tmn. Daya Pertama Tmn. Bukit Teratai Tmn. Ehsan Ibu Tmn. Kosaso Rumah Murah (49 Unit, Hadapan Sek. Men. Sg. Choh & Tmn. Daya Pertama) Kg. Tradisi Sg. Choh (Kg. Tradisi Tambahan) Kg. Koskan
Kawasan Bukit Sentosa	1. Bukit Sentosa 1 : 1.1. Seksyen BS1 Apartment Kedai Pejabat Jalan Orkid 1.2. Seksyen BS2 Jalan Cempaka Jalan Jejarum Jalan Teluki Apartment Teluki Jalan Tanjung Jalan Tulip Jalan Daisi 1.3. Seksyen BS5 Jalan Ros 2. Bukit Sentosa 2 :

(sambungan)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	2.1. Seksyen BS6 Jalan Seroja 2.2. Seksyen BS7 Jalan Anggerik Apartment Jalan Anggerik 3. Bukit Sentosa 3 : 3.1. Seksyen BS8 Jalan Kemboja Apartment Seri Kemboja 3.2. Seksyen BS9 Jalan Telipot Apartment Seri Telipot 3.3. Seksyen BS10 Jalan Bakawali Apartment Seri Bakawali
Kawasan Sungai Buaya	Jalan Cempakasari Apartment Anggerik

Sumber : Malaysia (2006)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 Kesimpulan

Bab ini menghuraikan kaedah kajian yang digunakan bagi memastikan objektif kajian tercapai dan seterusnya menghasilkan dapatan kajian yang berkesan dan menyeluruh. Persoalan-persoalan kajian juga dapat dijawab dengan menggunakan analisis deskriptif melalui soal selidik yang diedarkan kepada responden. Selain itu, kaedah kualitatif seperti kaedah temu bual dan gambar foto dapat mengukuhkan lagi dapatan kajian. Data sekunder amat diperlukan dalam kajian ini untuk mengetahui taburan penduduk mengikut kawasan di Mukim Serendah. Jumlah penduduk memainkan peranan penting untuk mengetahui daya tampung kemudahan-kemudahan sosial yang sedia ada mengikut kawasan di Mukim Serendah. Data jumlah penduduk dan data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bilangan kemudahan sosial terpilih di kawasan kajian diperoleh dianalisis menggunakan analisis daya tampung berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak JPBD. Aspek tahap kepuasan penduduk pula dianalisis menggunakan kaedah kuantitatif melalui soal selidik yang dijalankan. Analisis deskriptif dapat dilakukan ke atas soalan berskala normal dan ordinal. Melalui teknik analisis data yang dikemukakan dapat memastikan hasil kajian yang diperoleh dalam bab empat benar-benar dapat mencapai objektif dan matlamat kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Pendahuluan

Bab ini memperincikan hasil kajian bagi menjawab semua persoalan kajian yang dikaji melalui data yang diperolehi melalui kaedah kuantitatif dan kualitatif. Analisis kemudahan dan daya tampung kemudahan sosial yang terdapat di Mukim Serendah dianalisis menggunakan piawaian semasa yang dikeluarkan oleh JPBD Semenanjung Malaysia (2013) dan JPBD Negeri Selangor (2010). Di samping itu, persoalan kedua iaitu mengkaji tahap kepuasan pengguna pula dapat dijawab dengan menggunakan kaedah soal selidik yang diedarkan kepada penduduk di Mukim Serendah. Hasil kajian yang diperoleh disokong dengan maklumat tambahan melalui kaedah temu bual dan kaedah pemerhatian. Dalam bab ini, semua dapatan kajian dijelaskan secara terperinci dengan mencapai semua matlamat dan objektif kajian yang dikaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Profil dan Taraf Sosioekonomi Responden

Sebanyak 400 naskah borang soal selidik diedarkan kepada penduduk mengikut kawasan di Mukim Serendah. Bilangan sampel yang dipilih adalah 400 secara rawak mudah iaitu 60 daripada Sungai Buaya, 208 daripada Bukit Beruntung, 28 daripada Bukit Sentosa dan masing-masing 52 daripada Sungai Choh dan Serendah. Hasil kajian terhadap profil dan taraf sosioekonomi responden terbahagi kepada beberapa item seperti umur, status perkahwinan, bangsa, agama, jenis pekerjaan, pendapatan keluarga, bilangan anak yang belajar di tadika, sekolah rendah, sekolah menengah dan IPTA atau IPTS.

Hasil kajian terhadap responden bagi kategori umur mengikut kawasan di Mukim Serendah didapati kumpulan umur 41 hingga 50 tahun adalah paling ramai iaitu kawasan Bukit Beruntung seramai 124 orang (31 peratus), Sungai Buaya seramai 33 orang (8.3 peratus), Sungai Choh seramai 31 orang (7.8 peratus), Serendah seramai 32 orang (8.0 peratus) manakala bilangan responden paling ramai di Bukit Sentosa ialah kategori umur 15 hingga 20 tahun iaitu seramai 12 orang atau 3 peratus. Bagi kumpulan umur 61 tahun ke atas pula didapati golongan yang paling sedikit menggunakan kemudahan sosial iaitu mengikut kawasan iaitu kawasan Bukit Beruntung dan Serendah masing-masing terdapat seorang responden atau 0.3 peratus manakala kawasan-kawasan lain di Mukim Serendah tidak terdapat responden yang terlibat dalam penggunaan kemudahan sosial yang dikaji (Jadual 4.1).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1

Profil dan taraf sosioekonomi responden mengikut kawasan di Mukim Serendah

Kategori	Item	Kawasan									
		Bkt. Beruntung		Bkt. Sentosa		Sg. Buaya		Sg. Choh		Serendah	
		K (orang)	P (%)	K (orang)	P (%)	K (orang)	P (%)	K (orang)	P (%)	K (orang)	P (%)
Umur	15-20 Tahun	7	1.8	12	3.0	1	0.3	0	0.0	1	0.3
	21-30 Tahun	4	1.0	2	0.5	2	0.5	0	0.0	2	0.5
	31-40 Tahun	48	12.0	4	1.0	17	4.3	17	4.3	7	1.8
	41-50 Tahun	124	31.0	7	1.8	33	8.3	31	7.8	32	8.0
	51-60 Tahun	24	6.0	3	0.8	7	1.8	4	1.0	9	2.3
	61 tahun ke atas	1	0.3	0	0.0	0	0.0	0	0.0	1	0.3
Status Perkahwinan	Berkahwin	203	52.8	16	4.0	58	14.5	52	13.0	50	12.5
	Belum berkahwin	5	1.3	12	3.0	2	0.5	0	0.0	2	0.5
Bangsa	Melayu	202	50.5	28	7.0	57	14.3	44	11.0	52	13.0
	Cina	0	0.0	0	0.0	1	0.3	1	0.3	0	0.0
	India	6	1.5	0	0.0	2	0.5	7	1.8	0	0.0

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Agama	Islam	202	50.5	28	7.0	57	14.3	44	11.0	52	13.0
	Hindu	6	1.5	0	0.0	2	0.5	7	1.8	0	0.0
	Buddha	0	0.0	0	0.0	1	0.3	1	0.3	0	0.0
Jenis Pekerjaan	Kerajaan	47	11.8	8	2.0	13	3.3	11	2.8	12	3.0
	Swasta	105	26.3	6	1.5	34	8.5	25	6.3	24	6.0
	Bekerja sendiri	43	10.8	1	0.3	9	2.3	14	3.5	7	1.8
	Pelajar	6	1.5	13	3.3	2	0.5	0	0.0	2	0.5
	Tidak bekerja	7	1.8	0	0.0	2	0.5	2	0.5	7	1.8
Pendapatan Keluarga	RM2000 ke bawah	101	25.4	4	1.0	18	4.5	34	8.6	10	2.5
	RM2001-RM4000	75	18.9	13	3.3	28	7.1	15	3.8	21	5.3
	RM4001-RM6000	20	5.0	6	1.5	11	2.8	2	0.5	10	2.5
	RM6001-RM8000	6	1.5	2	0.5	1	0.3	1	0.3	2	0.5
	RM8001 ke atas	6	1.5	2	0.5	2	0.5	0	0.0	7	1.8
Bilangan Anak Belajar di Tadika	1 orang	48	46.2	8	7.7	15	14.4	14	13.5	9	8.7
	2 orang	4	3.8	2	1.9	1	1.0	1	1.0	0	0.0
	3 orang	1	1.0	0	0.0	0	0.0	1	1.0	0	0.0
Bilangan Anak Belajar di Sekolah Rendah	1 orang	84	31.3	13	4.9	20	7.5	22	8.2	21	7.8
	2 orang	54	20.1	6	2.2	14	5.2	13	4.9	10	3.7
	3 orang	5	1.9	1	0.4	2	0.7	0	0.0	1	0.4
	4 orang	1	0.4	0	0.0	0	0.0	1	0.4	0	0.0

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bilangan Anak Belajar di Sekolah Menengah	1 orang	100	26.8	11	2.9	26	7.0	33	8.8	20	5.4
	2 orang	74	19.8	9	2.4	24	6.4	16	4.3	29	7.8
	3 orang	18	4.8	3	0.8	6	1.6	1	0.3	1	0.3
	4 orang	1	0.3	1	0.3	0	0.0	0	0.0	0	0.0
Bilangan Anak Belajar di IPTA/IPTS	1 orang	40	36.0	9	8.1	9	8.1	5	4.5	10	9.0
	2 orang	10	9.0	1	0.9	4	3.6	4	3.6	11	9.9
	3 orang	3	2.7	0	0.0	2	1.8	0	0.0	2	1.8
	4 orang	1	0.9	0	0.0	0	0.0	0	0.0	0	0.0

Nota. Profil dan taraf sosioekonomi responden berdasarkan umur, status perkahwinan, bangsa, agama, jenis pekerjaan, pendapatan keluarga, bilangan anak yang belajar di tadika, sekolah rendah, sekolah menengah dan IPTA atau IPTS.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi aspek status perkahwinan pula, kebanyakan responden yang terlibat dengan penggunaan kemudahan sosial di Mukim Serendah adalah golongan yang telah berkahwin iaitu kawasan Bukit Beruntung seramai 203 orang (52.8 peratus), Bukit Sentosa seramai 16 orang (4.0 peratus), Sungai Buaya seramai 58 orang (14.5 peratus), Sungai Choh seramai 52 orang (13 peratus) dan Serendah seramai 50 (12.5 peratus). Daripada aspek bangsa dan agama, hasil kajian mendapati majoriti responden adalah terdiri daripada bangsa Melayu dan beragama Islam iaitu kawasan Bukit Beruntung seramai 202 orang (50.5 peratus), Bukit Sentosa seramai 28 orang (7 peratus), Sungai Buaya seramai 57 orang (14.3 peratus), Sungai Choh seramai 44 orang (11 peratus) dan Serendah seramai 52 (13 peratus). Responden daripada kalangan Bangsa Cina pula adalah paling sedikit mengikut kawasan di Mukim Serendah iaitu Sungai Buaya dan Sungai Choh masing-masing terdapat seramai satu orang (0.3 peratus) manakala kawasan-kawasan lain tidak terdapat responden yang berbangsa Cina.

Hasil kajian terhadap jenis pekerjaan responden pula mendapati kebanyakan penduduk di setiap kawasan di Mukim Serendah bekerja di sektor swasta iaitu kawasan Bukit Beruntung seramai 105 orang (26.3 peratus), Sungai Buaya seramai 34 orang (8.5 peratus), Sungai Choh seramai 25 orang (6.3 peratus), Serendah seramai 24 (6 peratus) manakala responden di kawasan Sungai Choh adalah paling tinggi golongan pelajar iaitu 13 orang atau 3.3 peratus daripada sektor pekerjaan yang dikenalpasti.

Dari segi pendapatan keluarga pula, hasil kajian mendapati kebanyakan responden berpendapatan RM2000 ke bawah bagi kawasan Bukit Beruntung seramai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iaitu 101 orang (25.4 peratus) dan Sungai Choh seramai 34 orang (8.6 peratus). Bagi kawasan-kawasan lain di Mukim Serendah didapati golongan berpendapatan antara RM2001 hingga RM4000 adalah paling tinggi iaitu Bukit Sentosa seramai 13 orang (3.3 peratus), Sungai Buaya seramai 28 orang (7.1 peratus) dan Serendah seramai 21 orang (5.3 peratus). Hasil kajian juga mendapati golongan berpendapatan melebihi RM8001 ke atas adalah golongan yang paling sedikit di semua kawasan di Mukim Serendah. Menurut Laporan Sistem Pembayaran dan Kestabilan Kewangan Bank Negara Malaysia (2013), laporan tersebut mengklasifikasikan pendapatan isi rumah kepada tiga kategori iaitu golongan berpendapatan rendah (RM3,000 ke bawah), golongan berpendapatan sederhana (RM3,000 hingga RM5,000) dan golongan berpendapatan tinggi (RM5,000 ke atas). Berdasarkan laporan tersebut menunjukkan bahawa majoriti penduduk di Mukim Serendah terdiri daripada golongan berpendapatan rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Analisis Kemudahan Sosial Terpilh yang Sedia Ada di Mukim Serendah

Mukim Serendah terbahagi kepada kepada lima kawasan utama iaitu Bukit Beruntung, Bukit Sentosa, Sungai Buaya, Sungai Choh dan Serendah (rujuk rajah 3.1). Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis kemudahan sosial terpilih yang sedia ada mengikut kawasan di Mukim Serendah. Analisis kemudahan mengikut kawasan ini sangat penting untuk mengkaji aspek taburan penyediaan kemudahan sosial mengikut kawasan-kawasan utama yang terdapat di Mukim Serendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2

Bilangan kemudahan sosial sedia ada terpilih mengikut kawasan di Mukim Serendah

Kemudahan	Bilangan Kemudahan Mengikut Kawasan					Jumlah Besar
	Bukit Beruntung	Bukit Sentosa	Sungai Buaya	Sungai Choh	Serendah	
Pendidikan						
Sekolah Menengah	1	2	1	1	1	6
Sekolah Rendah	5	1	2	2	2	13
Tadika	31	28	10	4	10	83
Jumlah	37	31	13	7	13	101
Kesihatan						
Klinik Komuniti	0	0	0	0	1	1
Klinik Ibu dan Anak	0	1	0	0	0	1
Klinik 1 Malaysia	1	1	1	0	0	3
Klinik Swasta	3	9	1	0	3	16
Jumlah	4	11	2	0	4	21
Keselamatan						
Balai Polis Komuniti	1	1	0	0	1	3
Pondok Polis	0	1	1	0	0	2
Jumlah	1	2	1	0	1	5
Pusat Komuniti						
Dewan Komuniti	0	1	1	1	2	5
Jumlah	0	1	1	1	2	5

Sumber: Malaysia (2011b).
Kajian Lapangan (2015).

Hasil kajian yang diperoleh daripada pemerhatian dan perolehan data daripada agensi yang berkaitan dengan penyediaan kemudahan sosial dapat menilai tahap penyediaan kemudahan-kemudahan sosial terpilih di Mukim Serendah. Kemudahan sosial terpilih yang sedia ada di Mukim Serendah terbahagi kepada lima kemudahan


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iaitu kemudahan pendidikan, kesihatan, keselamatan dan pusat komuniti. Jadual 4.2 menunjukkan perincian jumlah keseluruhan kemudahan sosial terpilih mengikut kawasan di Mukim Serendah.

Berdasarkan jadual tersebut, jumlah keseluruhan kemudahan sosial terpilih di Mukim Serendah yang merangkumi kemudahan pendidikan, kesihatan, keselamatan, keagamaan dan pusat komuniti adalah berjumlah 132 buah. Daripada jumlah tersebut didapati kemudahan pendidikan paling banyak dibina di Mukim Serendah iaitu 101 buah diikuti dengan kemudahan kesihatan sebanyak 21 buah. Kemudahan keselamatan dan pusat komuniti pula paling sedikit terdapat di Mukim Serendah iaitu sebanyak lima buah sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.1. Taburan kemudahan sosial terpilih berdasarkan peratus keseluruhan kemudahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.1 menunjukkan kemudahan sosial terpilih berdasarkan peratus keseluruhan kemudahan sosial terpilih mengikut kawasan di Mukim Serendah. Kemudahan pendidikan merupakan kemudahan yang paling banyak terdapat di Mukim Serendah iaitu sebanyak 70 peratus manakala kemudahan keselamatan dan pusat komuniti pula merupakan kemudahan yang paling sedikit iaitu masing-masing sebanyak 4 peratus. Hasil analisis terhadap pecahan bilangan kemudahan sosial di Mukim Serendah menggambarkan bahawa kemudahan pendidikan merupakan kemudahan yang paling diberi keutamaan oleh pihak kerajaan dan swasta bagi memenuhi keperluan penduduk mendapatkan pendidikan yang sempurna.

Rajah 4.2 pula menunjukkan perbandingan peratus kemudahan sosial terpilih mengikut kawasan di Mukim Serendah. Berdasarkan maklumat tersebut, peratus tertinggi bagi kemudahan kesihatan adalah di kawasan Bukit Sentosa iaitu sebanyak 52 peratus manakala di Sungai Choh tidak terdapat langsung kemudahan tersebut. Bagi kemudahan pendidikan pula, kawasan yang mencatatkan peratus paling tinggi adalah di Bukit Beruntung iaitu sebanyak 36 peratus manakala peratus paling rendah dicatatkan di Sungai Choh iaitu sebanyak 7 peratus. Analisis jumlah keseluruhan kemudahan keselamatan menunjukkan kawasan Bukit Sentosa mempunyai peratus tertinggi iaitu sebanyak 40 peratus manakala kawasan Sungai Choh pula tidak memiliki sebarang kemudahan keselamatan di kawasan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.2. Analisis keseluruhan kemudahan sosial terpilih mengikut kawasan di Mukim Serendah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi kemudahan pusat komuniti pula, hasil analisis mendapati kemudahan ini paling banyak terdapat di kawasan Serendah iaitu sebanyak 40 peratus manakala kawasan Bukit Beruntung pula tidak terdapat langsung kemudahan pusat komuniti di kawasan tersebut. Hasil daripada analisis keseluruhan kemudahan-kemudahan terpilih mengikut kawasan ini mendapati bahawa terdapat perbezaan dari segi taburan kemudahan mengikut kawasan yang terdapat dalam mukim Serendah.

4.4 Analisis Daya Tampung Kemudahan Sosial Mengikut Piawaian

Analisis daya tampung kemudahan sosial di Mukim Serendah ditentukan dengan menggunakan garis panduan penyediaan kemudahan sosial yang dikeluarkan oleh JPBD pada tahun 2013. Aspek yang diambil kira berdasarkan garis panduan adalah seperti nisbah kemudahan dengan jumlah penduduk di sesuatu kawasan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.1 Analisis Daya Tampung Kemudahan Pendidikan

Menurut Malaysia (2013b), kemudahan pendidikan merangkumi taman didikan kanak-kanak (Tadika), sekolah rendah, sekolah menengah dan institut pengajian tinggi (IPT). Pendidikan berkualiti sangat efektif bagi menentang kemiskinan, membina demokrasi, dan membentuk masyarakat yang sejahtera (Preston & Elo, 1996). Pendidikan yang berkualiti juga memberi kuasa kepada individu, memberi mereka suara, mendedahkan potensi mereka, menunjukkan jalan ke arah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyempurnaan diri, serta meluaskan pandangan dan pemikiran individu kepada dunia tanpa sempadan (Tribus, 1992).

Jadual 4.3

Piawaian semasa penyediaan kemudahan pendidikan

Jenis Kemudahan	Piawaian
Tadika	Tadahan penduduk 2,500 penduduk Jarak dengan kawasan penempatan hendaklah dalam jarak berjalan kaki 0.2 km hingga 0.4 km atau 5 minit berjalan kaki
Sekolah Rendah	Tadahan penduduk 3,000-7,500 orang penduduk Jarak sekolah rendah dengan kawasan penempatan hendaklah dalam jarak berjalan kaki 0.4 km hingga 0.8 km atau 10 minit berjalan kaki Saiz kelas 35 pelajar/kelas Satu sesi persekolahan Nisbah sekolah 1/800 orang murid Jarak dengan kawasan penempatan hendaklah dalam jarak berjalan kaki 0.4 km hingga 0.8 km
Sekolah Menengah	Tadahan penduduk 15,000 penduduk Dalam jarak berjalan kaki 0.4 km hingga 0.8 km atau 5 hingga 10 minit berjalan kaki Saiz Kelas 35 pelajar/kelas. Nisbah sekolah 1/1260 orang murid Satu sesi persekolahan Jarak dengan kawasan penempatan hendaklah dalam jarak berjalan kaki 0.8 km hingga 1.6 km

Sumber: Malaysia (2013b)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini memilih kemudahan sekolah rendah, sekolah menengah dan tadika sebagai kemudahan pendidikan terpilih yang dikaji di kawasan kajian. Daya tampung kemudahan pendidikan dianalisis menggunakan Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat yang dikeluarkan oleh JPBD Semenanjung Malaysia tahun 2013.

Jadual 4.3 menunjukkan piawaian semasa penyediaan kemudahan pendidikan yang dijadikan panduan kepada pihak yang bertanggungjawab dalam perancangan kemudahan pendidikan. Pihak yang terlibat dengan perancangan kemudahan pendidikan perlu mematuhi beberapa piawaian yang digariskan oleh JPBD seperti nisbah kemudahan dengan jumlah penduduk, nisbah kemudahan dengan jumlah pelajar dan bilangan sesi pembelajaran. Piawaian tersebut perlu diambil kira dalam menyediakan kemudahan pendidikan terutama sekolah rendah dan sekolah menengah di sesuatu kawasan (Jadual 4.3).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.1.1 Analisis Daya Tampung Kemudahan Tadika

Tadika ialah kemudahan di peringkat pertama di dalam sistem pendidikan negara (Malaysia, 2017). Menjadi tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memberi perhatian yang serius kepada pembangunan pendidikan prasekolah di negara ini. Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan aspek-aspek penting tentang prasekolah, iaitu penubuhan tadika, kuasa menteri menubuh dan menyelenggara tadika, kurikulum prasekolah, bahasa pengantar, pengajaran Agama Islam dan sebagainya. Dari segi pendemokrasian pendidikan, dasar yang khusus membolehkan kanak-kanak


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menikmati peluang pendidikan prasekolah tanpa mengira pendapatan keluarga, kawasan tempat tinggal dan kumpulan etnik termasuk kanak-kanak dengan keperluan pendidikan khas (*Children With Special Education Needs*).

Secara keseluruhannya, bilangan kemudahan tadika yang terdapat di Mukim Serendah berjumlah 83 buah (Rajah 4.3). Kawasan Bukit Beruntung mempunyai paling banyak kemudahan tadika iaitu sebanyak 31 buah (37 peratus) manakala kawasan Bukit Sentosa adalah kedua terbanyak iaitu sebanyak 28 buah (34 peratus). Kawasan yang mempunyai jumlah kemudahan tadika yang paling sedikit pula ialah kawasan Sungai Choh iaitu sebanyak empat buah (lima peratus).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.3. Jumlah kemudahan tadika mengikut kawasan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari aspek piawaian berdasarkan nisbah bilangan tadika dengan penduduk yang digariskan oleh pihak JPBD ialah 1: 2,500. Berdasarkan piawaian tersebut didapati empat kawasan di Mukim Serendah iaitu Buki Beruntung, Bukit Sentosa, Sungai Buaya dan Serendah memenuhi nisbah yang digariskan. Hasil analisis mendapati hanya kawasan Sungai Choh sahaja yang tidak memenuhi piawai yang ditetapkan iaitu nisbah sebuah tadika dengan jumlah penduduk ialah 1: 2,551 (Jadual 4.4).

Jadual 4.4

Analisis kemudahan tadika di Mukim Serendah mengikut kawasan berdasarkan piawaian nisbah penduduk

Kawasan	Bil. Penduduk (orang)	Bil. Sekolah Tadika	Piawaian Tadika: Penduduk 1: 2,500	Tahap Piawaian
Bukit Beruntung	42,700	31	1: 1,377	√
Bukit Sentosa	8,013	28	1: 286	√
Sungai Buaya	11,652	10	1: 1,165	√
Sungai Choh	10,202	4	1: 2,551	X
Serendah	10,532	10	1: 1,053	√

x^2 =35.133, df=4, p<0.05

* √: Memenuhi piawai X: Tidak memenuhi piawai

Berdasarkan ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan, keputusan ujian ialah (x^2 =35.133, df=4, p<0.05) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan bilangan kemudahan sekolah tadika bagi kelima-lima kawasan yang terdapat di Mukim

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Serendah. Perbezaan yang ketara dari segi bilangan kemudahan yang terdapat di setiap kawasan di Mukim Serendah mempengaruhi keputusan ujian tersebut.

4.4.1.2 Analisis Daya Tampung Kemudahan Sekolah Rendah


Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (Malaysia, 2017), sekolah rendah merupakan peringkat kedua berdasarkan hierarki Sistem Pendidikan Kebangsaan di peringkat sekolah di bawah Kategori Institusi Pendidikan Kerajaan. Pendidikan sekolah rendah mengambil masa enam tahun. Kanak-kanak selalunya memulakan pendidikan sekolah rendah ketika berumur tujuh tahun. Pendidikan sekolah rendah merupakan kesinambungan kepada pendidikan prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, terdapat 13 buah sekolah rendah yang sedia ada di Mukim Serendah. Sebanyak lima buah (38 peratus) sekolah rendah terdapat di Bukit Beruntung dan kawasan lain iaitu Sungai Buaya, Sungai Choh dan Serendah masing-masing mempunyai dua buah sekolah manakala kawasan yang mempunyai kemudahan sekolah rendah paling sedikit ialah kawasan Bukit Sentosa iaitu sebuah sahaja (Rajah 4.4). Dari segi taburan jumlah sekolah mengikut kawasan memperlihatkan bahawa terdapat ketidakseimbangan penyediaannya mengikut kawasan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.4. Jumlah kemudahan sekolah rendah mengikut kawasan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun terdapat perbezaan dari segi taburan penyediaan kemudahan sekolah rendah mengikut kawasan, hasil analisis kemudahan sekolah rendah mengikut piawaian semasa yang digariskan oleh JPBD berdasarkan nisbah bilangan kemudahan dengan jumlah penduduk (1: 7,500) menunjukkan kawasan Bukit Beruntung tidak memenuhi piawai seperti digariskan oleh JBPD. Hasil analisis bagi kemudahan pendidikan sekolah rendah menunjukkan kawasan Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa merupakan kawasan yang mempunyai kemudahan sekolah rendah yang tidak memenuhi piawaian semasa (Jadual 4.5). Walaupun kawasan Bukit Beruntung merupakan kawasan yang mempunyai kemudahan yang paling banyak berbanding kawasan lain iaitu sebanyak lima buah namun jumlah penduduk yang ramai di kawasan tersebut tidak dapat ditampung oleh kemudahan sekolah rendah yang sedia ada di kawasan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5

Analisis kemudahan sekolah rendah di Mukim Serendah mengikut kawasan berdasarkan piawaian

Kawasan	Bil. Penduduk (orang)	Bil. Sekolah Rendah	Piawaian Nisbah Sekolah Rendah: Penduduk 1: 7,500	Tahap Piawaian
Bukit Beruntung	42,700	5	1: 8,540	X
Bukit Sentosa	8,013	1	1: 8,013	X
Sungai Buaya	11,652	2	1: 5,826	√
Sungai Choh	10,202	2	1: 5,101	√
Serendah	10,532	2	1: 5,266	√

x^2 =2.767, df=4, p>0.05

* √: Memenuhi piawai X: Tidak memenuhi piawai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari aspek bilangan sesi persekolahan pula, piawaian menggariskan perjalanan sesi persekolahan perlu dijalankan satu sesi persekolahan sahaja. Hasil kajian terhadap bilangan sesi persekolahan bagi sekolah rendah mengikut kawasan di Mukim Serendah dijalankan dalam dua sesi iaitu sesi pagi dan petang. Daripada lima buah sekolah rendah yang terdapat di kawasan Bukit Beruntung hanya sebuah sekolah yang menjalankan satu sesi persekolahan iaitu Sekolah Kebangsaan Bukit Beruntung. Kawasan Bukit Sentosa juga didapati tidak memenuhi piawaian atau bilangan sesi persekolahan dijalankan dalam dua sesi iaitu Sekolah Kebangsaan Bukit Sentosa. Bagi kawasan iaitu Sungai Buaya dan Serendah masing-masing mempunyai sebuah sekolah rendah yang menjalankan satu sesi dan sebuah lagi dalam dua sesi manakala kawasan Sungai Choh satu-satunya kawasan yang mempunyai sekolah rendah yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjalankan satu sesi persekolahan atau memenuhi piawaian yang ditetapkan (Jadual 4.6).

Berdasarkan ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan, keputusan ujian ialah (x^2 =2.767, df=4, p>0.05) menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan bilangan kemudahan sekolah rendah bagi kelima-lima kawasan yang terdapat di Mukim Serendah. Perbezaan yang kecil dari segi bilangan kemudahan sekolah rendah yang terdapat di setiap kawasan di Mukim Serendah mempengaruhi keputusan ujian tersebut.

Berdasarkan piawaian semasa nisbah sekolah rendah dengan jumlah murid ialah 1: 800 menunjukkan banyak sekolah rendah yang terdapat di Mukim Serendah tidak memenuhi piawaian yang ditetapkan. Hasil analisis, Sekolah Rendah Kebangsaan Bukit Sentosa yang terdapat di kawasan Bukit Sentosa mencatatkan nisbah paling tinggi iaitu 1: 2,207. Hasil temu bual bersama wakil penduduk di Bukit Sentosa menyatakan jumlah murid yang ramai mendaftar di sekolah rendah di kawasan berkenaan disebabkan pertambahan murid dari kawasan berhampiran iaitu terutama dari Bukit Beruntung. Bagi kawasan Bukit Beruntung pula, kebanyakan sekolah rendah yang terdapat di kawasan Bukit Beruntung tidak memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh JPBD kecuali sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Bukit Tangga.

Walaupun kawasan Bukit Beruntung mempunyai lebih banyak kemudahan sekolah rendah berbanding kawasan lain di Mukim Serendah iaitu sebanyak lima buah sekolah namun hanya sebuah sekolah sahaja yang memenuhi piawaian yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

digariskan iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Bukit Tangga (1: 428). Hasil kajian juga menunjukkan hanya sekolah rendah di kawasan Sungai Choh yang memenuhi piawaian berdasarkan nisbah sekolah rendah dengan jumlah murid iaitu Sekolah Kebangsaan Sungai Choh (1: 430) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Sungai Choh (1: 442). Secara keseluruhannya, hasil analisis menunjukkan kesemua sekolah jenis kebangsaan yang terdapat di Mukim Serendah memenuhi piawaian semasa yang digariskan oleh JBPD (Jadual 4.6). Hal ini adalah disebabkan kaum China dan India merupakan kaum minoriti di Mukim Serendah.

Berdasarkan temu bual yang dijalankan bersama Jasni (2015), beliau menyatakan bahawa persekolahan dua sesi terpaksa dijalankan kerana bilangan kelas tidak mencukupi atau tidak dapat menampung jumlah yang semakin bertambah setiap tahun. Menurutnya lagi, kawasan-kawasan yang paling kritikal kekurangan penyediaan kemudahan sekolah adalah di kawasan Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa kerana berlakunya peningkatan jumlah murid setiap tahun. Bagi menyelesaikan masalah tersebut nisbah kelas dengan murid terpaksa ditambah kepada sebuah kelas untuk 35 hingga 40 orang murid berbanding piawaian semasa yang digariskan iaitu 1: 35 orang murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6

Analisis kemudahan sekolah rendah (SR) di Mukim Serendah mengikut kawasan berdasarkan piawaian nisbah penduduk

Kawasan	Nama Sekolah	Bilangan Sesi	Piawaian Nisbah SR : Murid 1: 800	Tahap Piawaian
Bukit Beruntung	SK Taman Bunga Raya (1)	2	1: 1,631	X
	SK Taman Bunga Raya 2	2	1: 1,232	X
	SK Bukit Beruntung	2	1: 1,270	X
	SK Bukit Beruntung 2	2	1: 1,284	X
	SJK (C) Bukit Tangga	1	1: 428	√
Bukit Sentosa	SK Bukit Sentosa	2	1: 2,207	X
Sungai Buaya	SK Bandar Sungai Buaya	2	1: 1,009	X
	SK Sungai Buaya	1	1: 392	√
Sungai Choh	SK Sungai Choh	1	1: 430	√
	SJK (T) Ldg. Sg. Choh	1	1: 442	√
Serendah	SK Serendah	2	1: 1,319	X
	SJK (C) Serendah	1	1: 366	√

* √: Memenuhi piawai X: Tidak memenuhi piawai
* 1: Sesi pagi 2: Sesi pagi dan petang

4.4.1.3 Analisis Daya Tampung Kemudahan Sekolah Menengah

Pendidikan sekolah menengah pula merupakan peringkat ketiga di dalam Sistem Pendidikan Negara Malaysia selepas kemudahan pendidikan rendah (KPM, 2017). Pendidikan menengah terdiri daripada pendidikan menengah rendah dan menengah atas. Pendidikan menengah juga terdiri daripada, sekolah akademik,


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekolah teknik dan vokasional serta sekolah kebangsaan agama. Selepas Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), murid-murid berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sekolah menengah.

Hasil daripada pemerhatian dan maklumat daripada Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Selangor terdapat sebanyak enam buah sekolah menengah di Mukim Serendah iaitu masing-masing terdapat sebuah sekolah menengah di setiap kawasan kecuali kawasan Bukit Sentosa yang mempunyai dua buah sekolah menengah (Rajah 4.5). Berdasarkan piawaian semasa yang digariskan oleh JPBD berkaitan nisbah kemudahan sekolah menengah dengan jumlah penduduk adalah sebuah sekolah menengah untuk 15,000 orang penduduk (1: 15,000). Hasil analisis menunjukkan semua sekolah menengah di Mukim Serendah memenuhi piawaian kecuali kawasan Bukit Beruntung yang mencatatkan nisbah bilangan kemudahan dengan jumlah penduduk adalah 1: 42,700 penduduk (Jadual 4.7).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.5. Jumlah kemudahan sekolah menengah mengikut kawasan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis terhadap aspek bilangan sesi persekolahan seperti yang digariskan oleh JPBD iaitu sesi persekolahan hendaklah dijalankan dalam satu sesi sahaja menunjukkan kebanyakan sekolah menengah di Mukim Serendah tidak memenuhi piawaian yang digariskan. Hasi kajian mendapati sesi persekolahan sekolah menengah kawasan Bukit Beruntung, Bukit Sentosa dan Serendah dijalankan dalam dua sesi iaitu sesi pagi dan petang manakala sekolah menengah di Sungai Buaya dan Sungai Choh memenuhi piawaian seperti yang digariskan oleh pihak JPBD iaitu satu sesi persekolahan sahaja.

Jadual 4.7

Analisis kemudahan sekolah menengah di Mukim Serendah mengikut kawasan berdasarkan piawaian nisbah penduduk

Kawasan	Bil. Penduduk (orang)	Bil. Sekolah Menengah	Piawaian Nisbah Sekolah Menengah: Penduduk 1: 15,000	Tahap Piawaian
Bukit Beruntung	42,700	1	1: 42,700	X
Bukit Sentosa	8,013	2	1: 4,007	√
Sungai Buaya	11,652	1	1: 11,652	√
Sungai Choh	10,202	1	1: 10,202	√
Serendah	10,532	1	1: 10,532	√

x^2 =0.667, df=4, p>0.05

* √: Memenuhi piawai X: Tidak memenuhi piawai

Berdasarkan ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan, keputusan ujian ialah (x^2 =0.665, df=4, p>0.05) menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan bilangan kemudahan sekolah menengah bagi kelima-lima kawasan yang terdapat di Mukim

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Serendah. Keputusan ini disebabkan bilangan kemudahan sekolah menengah yang terdapat disetiap kawasan di Mukim Serendah adalah seimbang iaitu empat kawasan mempunyai sebuah sekolah menengah kecuali kawasan Bukit Sentosa yang mempunyai dua buah sekolah menengah.

Jadual 4.8

Analisis kemudahan sekolah menengah (SM) di Mukim Serendah mengikut kawasan berdasarkan piawaian sesi persekolahan dan nisbah sekolah menengah dengan bilangan murid

Kawasan	Nama Sekolah	Bilangan Sesi	Piawaian Nisbah SM : Murid 1: 800	Tahap Piawaian
Bukit Beruntung	SMK Taman Bunga Raya (1)	2	1: 1,783	X
Bukit Sentosa	SMK Bukit Sentosa	2	1: 2,185	X
	SMK Bukit Sentosa 2	2	1: 1,784	X
Sungai Buaya	SMK Bandar Sungai Buaya	1	1: 782	√
Sungai Choh	SMK Sungai Choh	1	1: 782	√
Serendah	SMK Serendah	2	1: 1,682	X

* √: Memenuhi piawai X: Tidak memenuhi piawai
* 1: Sesi pagi 2: Sesi pagi dan petang

Dari segi nisbah sekolah menengah dengan bilangan murid pula didapati kebanyakan sekolah menengah yang terdapat di Mukim Serendah tidak memenuhi piawaian yang ditetapkan iaitu 1: 800. Hasil analisis didapati sekolah menengah di tiga kawasan iaitu kawasan Bukit Beruntung, Bukit Sentosa dan Serendah tidak memenuhi piawaian seperti yang digariskan oleh pihak JPBD. Sekolah menengah yang terdapat di kawasan Sungai Buaya dan Sungai Choh sahaja yang memenuhi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

piawaian iaitu nisbah bilangan sekolah dan bilangan murid tidak melebihi 1: 800 (Jadual 4.8). Hasil analisis terhadap piawaian dari aspek bilangan sesi persekolahan dan nisbah bilangan sekolah menengah dengan bilangan murid menunjukkan aspek tersebut mempunyai perkaitan yang sama iaitu sekiranya sesi persekolahan tidak memenuhi piawaian maka nisbah sekolah dengan bilangan murid juga turut tidak memenuhi piawaian yang digariskan oleh pihak JPBD.

4.4.2 Analisis Daya Tampung Kemudahan Kesihatan


Menurut Malaysia (2013b), kemudahan kesihatan terbahagi kepada kemudahan bagi perkhidmatan kesihatan primer, sekunder dan tertier. Perkhidmatan kesihatan primer merupakan kontak pertama pesakit dengan perkhidmatan kesihatan bagi kes-kes selain kecemasan. Ia disediakan di Klinik Kesihatan, Klinik Desa, Klinik Ibu dan Anak, Klinik Bergerak, Klinik 1Malaysia dan Klinik Bergerak 1Malaysia. Sekiranya pesakit memerlukan rawatan sekunder, pesakit akan dirujuk kepada hospital yang berdekatan. Lokasi kemudahan kesihatan perlu bersesuaian dan mudah diakses oleh masyarakat setempat. Oleh itu, adalah lebih sesuai jika kemudahan kesihatan dibina berdekatan kawasan yang mempunyai kepadatan tinggi penduduk.

Kemudahan kesihatan yang terdapat di Mukim Serendah meliputi kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan dan swasta. Antara kemudahan kesihatan yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti klinik kesihatan komuniti, klinik desa, klinik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ibu dan anak dan klinik 1 Malaysia. Selain daripada klinik kerajaan, Mukim Serendah juga mempunyai kemudahan klinik swasta.



Rajah 4.6. Jumlah kemudahan kesihatan mengikut kawasan

Hasil pemerhatian mendapati Mukim Serendah mempunyai sebuah klinik kesihatan komuniti yang terletak di kawasan Serendah, sebuah klinik desa di Sungai Buaya dan sebuah klinik ibu dan anak di Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa masing-masing mempunyai sebuah klinik 1 Malaysia. Jumlah kemudahan klinik swasta pula didapati banyak terdapat di kawasan Bukit Sentosa iaitu sebanyak sembilan buah manakala Bukit Beruntung dan Serendah masing-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masing mempunyai tiga buah klinik swasta dan sebuah terdapat di Sungai Buaya. Kawasan Sungai Choh pula didapati tidak mempunyai langsung kemudahan kesihatan sama ada kemudahan kesihatan kerajaan atau swasta (Rajah 4.6).

Jadual 4.9

Bilangan kemudahan kesihatan mengikut kawasan di Mukim Serendah

Piawaian Kemudahan Kesihatan	Kawasan	Bilangan Kemudahan	Bilangan Penduduk	Nisbah Piawaian	Tahap Piawaian
Klinik Kesihatan Komuniti (15,000-20,000)	Serendah	1	10,532	1: 10,532	√
Klinik Desa (4,000-5000)	Sungai Buaya	1	11,652	1: 11,652	X
Klinik Ibu dan Anak (Dibina di kawasan tumpuan penduduk)	Bukit Sentosa	1	8,013	*	*
Klinik 1 Malaysia (Dibina di kawasan tumpuan penduduk)	Bukit Beruntung	1	42,700	*	*
	Bukit Sentosa	1	8,013	*	*
Klinik Swasta (Bergantung kepada pihak swasta)	BukitBeruntung	3	42,700	*	*
	Bukit Sentosa	9	8,013	*	*
	Sungai Buaya	1	11,652	*	*
	Serendah	3	10,532	*	*

x^2 =8.905, df=3, p<0.05

√: Memenuhi piawai X: Tidak memenuhi piawai
* : Tiada piawai khusus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam aspek penilaian tahap penyediaan kemudahan kesihatan berdasarkan piawaian semasa seperti yang digariskan oleh pihak JPBD didapati penyediaan kemudahan kilinik kesihatan komuniti di kawasan serendah memenuhi piawaian yang digariskan iaitu dengan nisbah sebuah klinik kesihatan komuniti untuk 10,532 orang penduduk dan nisbah tersebut jauh lebih rendah daripada nisbah yang digariskan iaitu 1: 20,000. Bagi kemudahan klinik desa pula didapati penyediaannya tidak memenuhi piawaian yang digariskan iaitu 1: 11,652 atau melebihi daripada nisbah yang ditetapkan iaitu sebuah klinik desa untuk 5,000 orang penduduk (Jadual 4.9). Kemudahan kesihatan seperti klinik ibu dan anak, klinik 1 Malaysia dan klinik swasta pula tidak mempunyai garis panduan khusus dan penyediaannya adalah untuk menampung keperluan penduduk di sesuatu kawasan. Kewujudan banyak klinik swasta di kawasan Bukit Sentosa menunjukkan permintaan yang tinggi terhadap kemudahan kesihatan di kawasan berkenaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan, keputusan ujian ialah (x^2 =8.905, df=3, $p<0.05$) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan bilangan kemudahan kesihatan bagi kelima-lima kawasan yang terdapat di Mukim Serendah. Perbezaan yang ketara dari segi bilangan kemudahan yang terdapat di setiap kawasan di Mukim Serendah mempengaruhi keputusan ujian tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.3 Analisis Daya Tampung Kemudahan Keselamatan


Keselamatan adalah aset utama bagi menentukan kestabilan dan kemakmuran sesebuah negara (Malaysia, 2010b). Keadaan yang aman di mana rakyat dan pelabur bebas bergerak tanpa sebarang perasaan curiga akan menjamin kemakmuran ekonomi negara. Kerajaan telah mengambil langkah awal mengurangkan kadar jenayah negara dengan memperkenalkan salah satu NKRA iaitu mengurangkan kadar jenayah negara. Rakyat memerlukan keadaan yang selamat dan bebas untuk menikmati kehidupan di samping meneruskan aktiviti ekonomi. Bidang Keberhasilan Negara berkaitan dengan jenayah yang menjadi keutamaan kerajaan ialah mengurangkan sehingga ke paras sifar menjelang 2015 (Malaysia, 2010b). Polis diberi tanggungjawab yang besar untuk menangani masalah jenayah bagi memberi keyakinan kepada rakyat tentang keselamatan negara dan mereka adalah terjamin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemudahan keselamatan polis di Mukim Serendah terbahagi kepada dua jenis iaitu balai polis dan pondok polis. Secara keseluruhannya, Mukim Serendah mempunyai lima buah kemudahan keselamatan polis iaitu tiga buah balai polis dan dua buah pondok polis. Kemudahan balai polis terdapat di Bukit Beruntung, Bukit Sentosa dan Serendah manakala pondok polis pula terdapat di Bukit Sentosa dan Sungai Buaya. Hasil kajian mendapati hanya kawasan Sungai Choh tidak mempunyai sebarang kemudahan keselamatan polis (Rajah 4.7).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.7. Jumlah kemudahan keselamatan polis mengikut kawasan

Piawaian semasa berdasarkan nisbah bilangan kemudahan polis dengan bilangan penduduk yang digariskan oleh pihak JPBD dalam penyediaan kemudahan keselamatan polis seperti balai polis dan pondok polis ialah dengan nisbah 1: 10,000. Berdasarkan kepada piawaian tersebut didapati kebanyakan kemudahan polis di Mukim Serendah tidak memenuhi piawaian yang ditetapkan. Kawasan Bukit beruntung merupakan kawasan yang paling tidak memenuhi piawaian yang digariskan iaitu nisbah sebuah balai polis untuk 42,700 orang penduduk (Jadual 4.10). Nisbah tersebut amat jauh melebihi daripada nisbah semasa seperti yang digariskan oleh JBPD iaitu 1: 10,000.

Berdasarkan ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan, keputusan ujian ialah (x^2 = 0.600, df=3, p>0.05) menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan bilangan kemudahan keselamatan bagi kelima-lima kawasan yang terdapat di Mukim

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Serendah. Perbezaan yang kecil dari segi bilangan kemudahan yang terdapat di setiap kawasan di Mukim Serendah mempengaruhi keputusan ujian tersebut.

Jadual 4.10

Kemudahan keselamatan mengikut kawasan di Mukim Serendah

Kawasan	Bil. Penduduk (orang)	Bil. Balai Polis Komuniti	Bil. Pondok Polis	Piawaian Balai Polis Komuniti/ Pondok Polis: Penduduk 1: 10,000	Tahap Piawaian
Bukit Beruntung	42,700	1	-	1: 42,700	X
Bukit Sentosa	8,013	1	1	1: 4,007	√
Sungai Buaya	11,652	-	1	1: 11,652	X
Sungai Choh	10,202	-	-	-	-
Serendah	10,532	1	-	1: 10,532	X

x^2 =0.600, df=3, p>0.05

* √: Memenuhi piawai X: Tidak memenuhi piawai

Secara keseluruhannya, hasil kajian terhadap kemudahan keselamatan berdasarkan piawaian yang digariskan oleh pihak JPBD menunjukkan kemudahan tersebut berada pada tahap tidak mencukupi di semua kawasan kecuali di kawasan Bukit Sentosa yang mempunyai dua buah kemudahan keselamatan (Foto 4.1). Berdasarkan kepada temu bual yang dijalankan di kawasan Bukit Sentosa, responden menyatakan tahap keselamatan penduduk di kawasan tersebut tidak terjamin kerana kes jenayah dan pecah rumah sering berlaku di kawasan tersebut menyebabkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kebanyakan kawasan perumahan terpaksa menubuhkan unit Skim Rondaan Sukarela (SRS) di setiap kawasan perumahan mereka.



Foto 4.1. Kemudahan keselamatan di Bukit Sentosa

4.4.4 Analisis Daya Tampung Kemudahan Pusat Komuniti

Nor Eeda (2006) menyatakan pusat komuniti dilihat mempunyai peranan kepada komuniti iaitu untuk mewujudkan interaksi antara ahli-ahli komuniti dan menerapkan rasa tanggungjawab kepada ahli-ahli lain. Ia juga berfungsi untuk membentuk ahli-ahli komuniti supaya aktif tanpa mengira bangsa dan agama. Sebuah pusat komuniti yang mempunyai kemudahan yang pelbagai dan dapat digunakan secara meluas oleh komuniti setempat. Antaranya melalui penyediaan 35 ruang rekreasi awam seperti *courtyard*, surau, dewan serbaguna dan sebagainya. Rogers (1981), mentafsirkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebuah pusat komuniti adalah pusat yang menyediakan perkhidmatan untuk kawasan kejiranan tersebut seperti dewan serbaguna, gelanggang permainan, bilik-bilik untuk mesyuarat dan aktiviti dalam bangunan dan mini perpustakaan. Menurut De Chiara (1984), pusat komuniti adalah sebuah bangunan yang menyediakan ruang aktiviti bagi semua golongan sama ada kanak-kanak, muda dan tua. Ia merupakan sebuah tempat yang membolehkan ahli komuniti mengadakan mesyuarat, beriadah dan sebagainya.

Kemudahan pusat komuniti yang sedia ada di Mukim Serendah merangkumi kemudahan dewan orang ramai dan balai raya. Dalam kajian ini, aspek daya tampung hanya difokuskan kepada kemudahan dewan orang ramai. Hasil daripada pemerhatian, jumlah keseluruhan kemudahan dewan komuniti yang terdapat di Mukim Serendah adalah sebanyak lima buah iaitu salah satunya terdapat di Bukit Sentosa, Sungai Buaya, Sungai Choh dan dua buah terdapat di Serendah (Jadual 4.11). Kawasan Bukit Beruntung merupakan satu-satunya kawasan yang tidak mempunyai langsung kemudahan dewan komuniti.

Piawaian semasa yang digariskan oleh JPBD ialah sebuah dewan komuniti untuk 10,000 orang penduduk. Berdasarkan piawaian tersebut didapati tahap penyediaan dewan komuniti di kawasan Sungai Buaya dan Sungai Choh tidak memenuhi piawaian seperti yang digariskan iaitu Sungai Buaya dengan nisbah 1: 11,652 dan Sungai Choh pula 1: 10,202. Bagi dewan komuniti yang terdapat di Bukit Sentosa dan Serendah pula iaitu mendapati nisbah kemudahan tersebut dengan bilangan penduduk memenuhi piawaian semasa yang digariskan oleh JPBD, 2013. Hasil pemerhatian, taburan penyediaan kemudahan dewan komuniti di Mukim Serendah didapati tidak seimbang dengan jumlah penduduk kerana terdapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesetengah kawasan tidak terdapat langsung kemudahan tersebut walaupun mempunyai jumlah penduduk yang tinggi seperti kawasan Bukit Beruntung.

Jadual 4.11

Analisis kemudahan pusat komuniti sedia ada mengikut piawaian di Mukim Serendah

Kawasan	Bilangan Penduduk (orang)	Bilangan Dewan Komuniti	Piawaian Nisbah Dewan Komuniti: Penduduk 1: 10,000	Tahap Piawaian
Bukit Beruntung	42,700	-	-	-
Bukit Sentosa	8,013	1	1: 8,013	√
Sungai Buaya	11,652	1	1: 11,652	X
Sungai Choh	10,202	1	1: 10,202	X
Serendah	10,532	2	1: 5,266	√

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

x^2 =0.600, df=3, p>0.05

* √: Memenuhi piawai X: Tidak memenuhi piawai

Berdasarkan ujian Khi Kuasa Dua, keputusan ujian ialah (x^2 =0.600, df=3, p>0.05) menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan bilangan kemudahan keselamatan bagi kelima-lima kawasan yang terdapat di Mukim Serendah. Perbezaan yang kecil dari segi bilangan kemudahan yang terdapat di setiap kawasan di Mukim Serendah mempengaruhi keputusan ujian tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5 Analisis Keseluruhan Daya Tampung Kemudahan Sosial Terpilih Sedia Ada di Mukim Serendah Mengikut Kawasan Berdasarkan Piawaian

Berdasarkan piawaian semasa yang digariskan oleh pihak JPBD mendapati bahawa secara keseluruhannya terdapat ketidakseimbangan dalam penyediaan kemudahan sosial mengikut jumlah penduduk. Kawasan Bukit Beruntung merupakan kawasan yang paling tidak memenuhi piawai seperti digariskan kerana hasil kajian mendapati hampir kesemua kemudahan yang terdapat di Bukit Beruntung tidak memenuhi piawaian kecuali kemudahan tadika. Manakala bagi kawasan Bukit Sentosa pula didapati tahap penyedian semua kemudahan sosial yang sedia di kawasan tersebut adalah seimbang antara jumlah kemudahan dengan jumlah penduduk seperti yang digariskan oleh pihak JPBD (Jadual 4.12).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.12

Analisis keseluruhan daya tampung kemudahan sosial sedia ada terpilih di Mukim Serendah mengikut kawasan

Kemudahan	Kawasan				
	Bukit Beruntung	Bukit Sentosa	Sungai Buaya	Sungai Choh	Serendah
Sekolah Rendah	X	√	√	√	√
Sekolah Menengah	X	√	√	√	√
Tadika	√	√	√	X	√
Klinik Kesihatan Komuniti	-	-	-	-	√
Klinik Desa	-	-	X	-	-
Balai Polis	X	√	X	-	X
Pondok Polis	-	√	-	-	-
Dewan Komuniti	-	√	X	X	√

(bersambung)


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jumlah	1/4	6/6	3/6	2/4	5/6

* √: Memenuhi piawai X: Tidak memenuhi piawai -: Tiada kemudahan

Rajah 4.8 menunjukkan perbandingan jumlah peratusan kemudahan sosial terpilih yang sedia yang memenuhi piawai dan tidak memenuhi piawai mengikut kawasan di Mukim Serendah. Kawasan Bukit Beruntung menunjukkan peratusan tertinggi kemudahan sosial yang sedia ada tidak memenuhi piawai iaitu sebanyak 80 peratus.



Rajah 4.8. Perbandingan jumlah peratus antara jenis kemudahan sosial terpilih sedia ada yang memenuhi piawai dengan kemudahan tidak memenuhi piawai mengikut kawasan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6 Analisis Jarak Kemudahan Sosial Berdasarkan Piawai

Bagi menganalisis kemudahan sosial terpilih dari segi elemen jarak, garis panduan yang disediakan oleh pihak JPBD digunakan untuk menentukan sama ada jarak kemudahan memenuhi piawai ataupun tidak. Bagi kemudahan pendidikan, jarak kemudahan dari tempat kediaman yang perlu dipatuhi berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak JPBD ialah tidak melebihi 0.4 kilometer bagi kemudahan tadika, kemudahan sekolah rendah tidak melebihi 0.8 kilometer dan sekolah menengah tidak melebihi daripada 1.8 kilometer.

Jadual 4.13

Jarak kemudahan tadika dari tempat tinggal responden

05-450683 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

Kawasan	Jarak Tadika		Jumlah
	<0.4 KM	>0.4 KM	
Bukit Beruntung	71 34%	137 66%	208 100%
Bukit Sentosa	9 32%	19 68%	28 100%
Sungai Buaya	25 42%	35 58%	60 100%
Sungai Choh	22 42%	30 58%	52 100%
Serendah	18 35%	34 65%	52 100%

<0.4 KM= Memenuhi Piawai >0.4 KM= Tidak Memenuhi Piawai

Hasil kajian terhadap jarak kemudahan tadika dari tempat tinggal responden menunjukkan terdapat perbezaan dengan analisis jarak bagi kemudahan sekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rendah. Hasil kajian menunjukkan bahawa kemudahan tadika di semua kawasan dalam Mukim Serendah tidak memenuhi piawai yang digariskan oleh pihak JPBD iaitu jarak kemudahan yang dilalui oleh responden melebihi 0.4 kilometer (jadual 4.13). Keputusan kajian ini dipengaruhi oleh faktor pemilihan responden terhadap kualiti kemudahan sesebuah tadika. Berdasarkan temu bual yang dijalankan di kawasan kajian, responden menyatakan faktor pemilihan sesebuah tadika untuk menghantar anak mereka bergantung kepada kualiti dan pandangan masyarakat terhadap perkhidmatan yang diberikan.

Jadual 4.14

Jarak kemudahan sekolah rendah dari tempat tinggal responden

Kawasan	Jarak Sekolah Rendah		Jumlah
	<0.8 KM	>0.8 KM	
Bukit Beruntung	154 74%	54 26%	208 100%
Bukit Sentosa	21 75%	7 25%	28 100%
Sungai Buaya	48 80%	12 20%	60 100%
Sungai Choh	43 83%	9 17%	52 100%
Serendah	40 77%	12 23%	52 100%

<0.8 KM= Memenuhi Piawai >0.8 KM= Tidak Memenuhi Piawai

Berdasarkan jadual 4.14, hasil kajian menunjukkan kesemua kemudahan yang terdapat di lima kawasan di dalam Mukim Serendah memenuhi piawaian yang digariskan oleh pihak JPBD iaitu jarak kemudahan sekolah rendah tidak melebihi 0.8

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kilometer dari tempat tinggal responden. Hasil kajian berdasarkan jarak ini menunjukkan terdapat perbezaan dengan keputusan kajian berdasarkan piawaian nisbah penduduk dengan bilangan kemudahan. Keputusan ini menggambarkan bahawa majoriti penduduk atau responden memilih kemudahan sekolah rendah yang terdekat untuk belajar.

Jadual 4.15

Jarak kemudahan menengah dari tempat tinggal responden

Kawasan	Jarak Sekolah Menengah		Jumlah
	<1.6 KM	>1.6 KM	
Bukit Beruntung	85 34%	123 66%	208 100%
Bukit Sentosa	11 39%	17 61%	28 100%
Sungai Buaya	48 80%	12 20%	60 100%
Sungai Choh	35 67%	17 33%	52 100%
Serendah	41 79%	11 21%	52 100%

05-450683 ptbupsi

<1.6 KM= Memenuhi Piawai >1.6 KM= Tidak Memenuhi Piawai

Hasil kajian terhadap jarak kemudahan sekolah menengah dari tempat tinggal responden pula menunjukkan terdapat perbezaan bagi lima kawasan di Mukim Serendah. Hasil kajian menunjukkan bahawa kemudahan sekolah menengah di kawasan Sungai Buaya, Sungai Choh dan Serendah memenuhi piawai yang digariskan oleh pihak JPBD iaitu jarak kemudahan yang dilalui oleh responden tidak melebihi 1.6 kilometer manakala kawasan Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa pula

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tidak memenuhi piawai yang digariskan iaitu melebihi daripada 1.6 kilometer (Jadual 4.15).

4.7 Daya Tampung Kemudahan Sosial Berdasarkan Pandangan Responden

Selain daripada analisis berdasarkan piawaian yang digariskan oleh pihak JPBD, daya tampung kemudahan sosial juga ditentukan berdasarkan pandangan responden yang terlibat secara langsung dengan penggunaan kemudahan tersebut. Aspek pandangan responden dapat mengukuhkan lagi hasil kajian yang diperolehi daripada analisis daya tampung berdasarkan piawaian semasa yang digariskan oleh pihak JPBD.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7.1 Pandangan Responden Terhadap Daya Tampung Kemudahan Pendidikan

Selain daripada analisis berdasarkan piawaian yang digariskan oleh pihak JPBD, daya tampung kemudahan sosial juga ditentukan berdasarkan pandangan responden yang terlibat secara langsung dengan penggunaan kemudahan tersebut. Hasil kajian berkaitan pandangan responden terhadap aspek daya tampung kemudahan pendidikan yang sedia ada mengikut kawasan mendapati responden di kawasan Bukit Beruntung paling ramai menyatakan bahawa kemudahan sekolah menengah di kawasan mereka tidak mencukupi iaitu seramai 133 orang responden (63.9 peratus) dan seramai 75 orang responden (36.1 peratus) pula menyatakan kemudahan tidak mencukupi. Hasil kajian juga mendapati responden di kawasan Bukit Sentosa lebih ramai menyatakan bahawa kemudahan sekolah menengah di kawasan mereka tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mencukupi iaitu seramai 18 orang (64.3 peratus) berbanding 10 orang (35.7 peratus) yang menyatakan bahawa kemudahan tersebut mencukupi.

Pandangan ini selari dengan hasil temu bual yang dijalankan bersama Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Selangor menyatakan bahawa kemudahan pendidikan di kawasan Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa tidak mencukupi kerana bilangan pelajar semakin bertambah setiap tahun. Bilangan pelajar yang terlalu ramai di kawasan Bukit Beruntung menyebabkan sekolah yang sedia ada di kawasan tersebut tidak dapat menampung jumlah pelajar dan menyebabkan ibu bapa terpaksa menghantar anak-anak mereka bersekolah di sekolah berhampiran termasuklah sekolah di Bukit Sentosa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi kemudahan sekolah rendah pula, hasil kajian berkaitan pandangan responden dalam aspek penyediaan kemudahan tersebut mendapati kedua-dua kawasan di Mukim Serendah iaitu kawasan Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa menunjukkan bahawa lebih ramai responden menyatakan kemudahan yang sedia ada tidak mencukupi iaitu kawasan Bukit Beruntung seramai 112 orang responden (53.8 peratus) dan kawasan Bukit Sentosa seramai 20 orang (71.4 peratus). Manakala bagi kawasan-kawasan lain di Mukim Serendah seperti kawasan Sungai Buaya, Sungai Choh dan Serendah menunjukkan lebih ramai responden menyatakan bahawa kemudahan sekolah rendah yang terdapat di kawasan mereka adalah mencukupi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.16

Pandangan responden terhadap daya tampung kemudahan pendidikan sedia ada mengikut kawasan di Mukim Serendah

Jenis Kemudahan pendidikan	Kawasan	Pandangan responden		Jumlah
		Cukup	Tidak cukup	
Sekolah menengah	Bukit Beruntung	75 36.1%	133 63.9%	208 100.0%
	Bukit Sentosa	10 35.7%	18 64.3%	28 100.0%
	Sungai Buaya	51 85.0%	9 15.0%	60 100.0%
	Sungai Choh	45 86.5%	7 13.5%	52 100.0%
	Serendah	44 84.6%	8 15.4%	52 100.0%
Sekolah rendah	Bukit Beruntung	96 46.2%	112 53.8%	208 100.0%
	Bukit Sentosa	8 28.6%	20 71.4%	28 100.0%
	Sungai Buaya	40 66.7%	20 33.3%	60 100.0%
	Sungai Choh	41 78.8%	11 21.2%	52 100.0%
	Serendah	41 78.8%	11 21.2%	52 100.0%
Tadika	Bukit Beruntung	180 86.5%	28 13.5%	208 100.0%
	Bukit Sentosa	25 89.3%	3 10.7%	28 100.0%
	Sungai Buaya	49 81.7%	11 18.3%	60 100.0%
	Sungai Choh	42 80.8%	10 19.2%	52 100.0%
	Serendah	41 78.8%	11 21.2%	52 100.0%

Sumber: Kajian lapangan, 2015.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil kajian dari sudut pandangan responden terhadap kemudahan tadika pula menunjukkan bahawa majoriti penduduk menyatakan bahawa kemudahan tadika yang sedia ada di kawasan mereka adalah mencukupi iaitu kawasan Bukit Beruntung seramai 180 orang responden (86.5 peratus), Bukit Sentosa seramai 25 orang (89.3 peratus), Sungai Buaya seramai 49 orang (81.7 peratus), Sungai Choh seramai 41 orang (80.8 peratus) dan Serendah seramai 41 orang (78.8 peratus). Hasil kajian terhadap tahap penyediaan kemudahan pendidikan di Mukim Serendah menunjukkan terdapat perbezaan pandangan responden terhadap ketiga-tiga kemudahan yang terdapat di setiap kawasan. Hasil temu bual berkaitan dengan penyediaan kemudahan tadika di Mukim Serendah mendapati kemudahan tersebut mencukupi kerana banyak kemudahan disediakan oleh pihak swasta berdasarkan kepada permintaan daripada penduduk (Jasni, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7.2 Pandangan Responden Terhadap Daya Tampung Kemudahan Kesihatan

Hasil kajian terhadap pandangan responden berkaitan dengan daya tampung kemudahan kesihatan yang sedia ada di kawasan mereka mendapati responden di kawasan Serendah lebih ramai menyatakan kemudahan klinik kesihatan komuniti di kawasannya adalah mencukupi iaitu seramai 40 orang responden (76.9 peratus) berbanding 12 orang (23.1 peratus) menyatakan bahawa kemudahan tidak mencukupi. Bagi kemudahan Klinik Desa Sungai Buaya pula didapati bahawa kebanyakan responden di kawasan berkenaan menyatakan ‘tidak cukup’ iaitu seramai 31 orang responden (51.7 peratus) berbanding 29 orang responden (48.3 peratus) menyatakan ‘cukup’. Manakala bagi kemudahan klinik ibu dan anak yang satu-satunya terdapat di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bukit Sentosa menunjukkan bahawa bilangan responden yang menyatakan daya tampung ‘cukup’ dan ‘tidak cukup adalah sama ramai iaitu masing-masing 14 orang responden atau 50 peratus.




Foto 4.2. Kemudahan kesihatan di Bukit Sentosa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil kajian ke atas pandangan responden terhadap kemudahan klinik 1 Malaysia yang terdapat di tiga kawasan iaitu di Bukit Beruntung, Bukit Sentosa dan Sungai Buaya menunjukkan terdapat perbezaan pandangan responden terhadap daya tampung kemudahan tersebut mengikut kawasan. Hasil kajian mendapati majoriti responden di Bukit Beruntung menyatakan bahawa kemudahan klinik 1 Malaysia di kawasan mereka tidak mencukupi iaitu seramai 181 orang responden (87 peratus) berbanding responden yang menyatakan bahawa kemudahan tidak mencukupi iaitu seramai 27 orang responden (13 peratus). Manakala bagi kawasan Bukit Sentosa dan Sungai Buaya pula menunjukkan bahawa lebih ramai responden menyatakan kemudahan di kawasan mereka mencukupi iaitu Bukit Sentosa seramai 16 orang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

responden (57 peratus) dan Sungai Buaya pula seramai 49 orang responden (81.7 peratus) (Jadual 4.17).

Jadual 4.17

Pandangan responden terhadap daya tampung kemudahan kesihatan sedia ada mengikut kawasan di Mukim Serendah

Jenis Kemudahan Kesihatan	Kawasan	Pandangan responden		Jumlah
		Cukup	Tidak cukup	
Klinik Kesihatan Komuniti	Serendah	40 76.9%	12 23.1%	52 100.0%
Klinik Desa	Sungai Buaya	29 48.3%	31 51.7%	60 100.0%
Klinik Ibu dan Anak	Bukit Sentosa	14 50.0%	14 50.0%	28 100.0%
Klinik 1 Malaysia	Bukit Beruntung	27 13.0%	181 87.0%	208 100.0%
	Bukit Sentosa	16 57.0%	12 43.0%	28 100.0%
	Sungai Buaya	49 81.7%	11 18.3%	60 100.0%
Klinik Swasta	Bukit Beruntung	86 41.3%	122 58.7%	208 100.0%
	Bukit Sentosa	26 92.9%	2 7.1%	28 100.0%
	Sungai Buaya	44 73.3%	16 26.7%	60 100.0%
	Sungai Choh	16 30.8%	36 69.2%	52 100.0%
	Serendah	40 76.9%	12 23.1%	52 100.0%

Sumber: Kajian Lapangan, 2015.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi kemudahan klinik swasta pula, hasil analisis menunjukkan bahawa responden di Bukit Beruntung dan Sungai Choh lebih ramai menyatakan kemudahan klinik swasta yang terdapat di kawasan mereka tidak mencukupi manakala responden bagi kawasan-kawasan lain seperti Bukit Sentosa, Sungai Buaya dan Serendah lebih ramai menyatakan kemudahan di kawasan mereka adalah mencukupi. Hasil kajian menunjukkan responden di Bukit Sentosa yang menyatakan bahawa kemudahan di kawasan mereka mencukupi iaitu seramai 26 orang responden atau 92.9 peratus daripada jumlah responden yang menjawab soalan soal selidik yang dijalankan.



Foto 4.3. Kesesakan pengguna di pusat kemudahan kesihatan di Bukit Sentosa

Hasil temu bual yang dijalankan bersama Pengerusi Persatuan Penduduk Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung menyatakan bahawa banyak klinik swasta yang terdapat di Bukit Sentosa kerana kemudahan kesihatan tersebut mendapat permintaan yang tinggi daripada penduduk kawasan Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa. Menurut beliau lagi faktor ketiadaan kemudahan kesihatan kerajaan di kawasan berkenaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyebabkan penduduk terpaksa memilih kemudahan untuk mendapatkan rawatan kesihatan.

4.7.3 Pandangan Responden Terhadap Daya Tampung Kemudahan Keselamatan

Hasil kajian dalam aspek pandangan responden terhadap penyediaan kemudahan keselamatan yang sedia ada mengikut kawasan pula mendapati lebih ramai responden di kawasan Bukit Beruntung berpandangan bahawa kemudahan balai polis di kawasan di kawasan mereka adalah tidak mencukupi iaitu seramai 135 orang responden (64.9 peratus) berbanding hanya seramai 73 orang (35.1 peratus) yang menyatakan bahawa kemudahan mencukupi di kawasan tersebut. Bagi kawasan-kawasan lain seperti Bukit Sentosa dan Serendah, hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan responden lebih ramai menyatakan bahawa kemudahan balai polis yang terdapat di kawasan mereka adalah mencukupi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Hasil kajian terhadap pandangan responden bagi kemudahan pondok polis yang terdapat di kawasan Bukit Sentosa dan Sungai Buaya pula mendapati responden di Bukit Sentosa lebih ramai menyatakan bahawa kemudahan tersebut mencukupi iaitu seramai 16 orang (57.1 peratus) berbanding hanya seramai 12 orang (42.9 peratus) yang menyatakan kemudahan tersebut tidak mencukupi. Manakala bagi kawasan Sungai Buaya didapati lebih ramai responden berpandangan bahawa kemudahan di kawasan tersebut tidak mencukupi iaitu seramai 38 orang responden (63.3 peratus) berbanding seramai 22 orang (36.7 peratus) menyatakan bahawa kemudahan mencukupi di kawasan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.18

Pandangan responden terhadap daya tampung kemudahan keselamatan sedia ada mengikut kawasan di Mukim Serendah

Jenis Kemudahan Keselamatan	Kawasan	Pandangan responden		Jumlah
		Cukup	Tidak cukup	
Balai Polis	Bukit Beruntung	73	135	208
		35.1%	64.9%	100.0%
	Bukit Sentosa	22	6	28
		78.6%	21.4%	100.0%
	Serendah	37	15	52
		71.2%	28.8%	100.0%
Pondok Polis	Bukit Sentosa	16	12	28
		57.1%	42.9%	100.0%
	Sungai Buaya	22	38	60
		36.7%	63.3%	100.0%

Sumber: Kajian Lapangan, 2015.

Majoriti responden di Bukit Beruntung berpandangan bahawa kemudahan keselamatan di kawasan mereka tidak mencukupi disebabkan kuantiti kemudahan tersebut hanya terdapat sebuah sahaja (Foto 4.4). Kuantiti kemudahan tersebut ditambah dengan kekuatan anggota yang sedikit dikatakan tidak berupaya menjamin keselamatan penduduk di kawasan tersebut yang semakin meningkat setiap tahun. Selain itu, hasil pemerhatian mendapati bahawa kebanyakan kawasan perumahan yang terdapat di Mukim Serendah mewujudkan pos kawalan keselamatan di setiap kawasan perumahan mereka. Kawalan keselamatan ini adalah bagi menjamin tahap keselamatan harta benda di kawasan mereka dalam keadaan lebih terjamin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Foto 4.4. Kemudahan balai polis di Bukit Beruntung.



Foto 4.5. Kawalan keselamatan di kawasan perumahan di Bukit Sentosa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7.4 Pandangan Responden Terhadap Daya Tampung Kemudahan Pusat Komuniti

Hasil kajian terhadap pandangan responden berkaitan daya tampung kemudahan pusat komuniti yang sedia ada di kawasan responden mendapati kebanyakan responden di Bukit Sentosa, Sungai Buaya, Sungai Choh dan Serendah menyatakan bahawa kemudahan yang terdapat di kawasan mereka adalah mencukupi iaitu kawasan Bukit Sentosa seramai 19 orang responden (67.9 peratus), Sungai Buaya seramai 48 orang (80 peratus), Sungai Choh seramai 41 orang (78.8 peratus) dan Serendah seramai 47 orang (90.4 peratus) manakala responden yang menyatakan bahawa kemudahan tidak mencukupi pula iaitu Bukit Sentosa seramai 9 orang responden (32.1 peratus), Sungai Buaya seramai 12 orang (20 peratus), Sungai Choh seramai 11 orang (21.2 peratus) dan Serendah seramai 5 orang (9.6 peratus).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.19

Pandangan responden terhadap daya tampung kemudahan pusat komunti sedia ada mengikut kawasan di Mukim Serendah

Jenis Kemudahan	Kawasan	Pandangan responden		Jumlah
		Cukup	Tidak cukup	
Dewan Komuniti	Bukit Sentosa	19 67.9%	9 32.1%	9 100.0%
	Sungai Buaya	48 80.0%	12 20.0%	60 100.0%
	Sungai Choh	41 78.8%	11 21.2%	52 100.0%
	Serendah	47 90.4%	5 9.6%	52 100.0%

Sumber: Kajian Lapangan, 2015.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil pemerhatian yang dijalankan di setiap kawasan yang terdapat kemudahan pusat komuniti mendapati kemudahan tersebut jarang digunakan oleh penduduk setempat dan penggunaan kemudahan tersebut digunakan pada hujung minggu atau waktu cuti sahaja untuk majlis kenduri perkahwinan. Hasil temu bual yang dijalankan di kawasan Bukit Sentosa mendapati responden yang ditemu bual menyatakan bahawa kadar sewa yang dikenakan kepada pengguna menyebabkan kemudahan tersebut kurang mendapat sambutan daripada masyarakat.

Hasil temu bual bersama Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Daerah Hulu Selangor, beliau mengesahkan bahawa kemudahan pusat komuniti di Mukim Serendah ditadbir oleh Majlis Daerah Hulu Selangor dan bayaran sewa dikenakan kepada pengguna mengikut aktiviti yang dijalankan. Bayaran bagi sewaan gelanggang untuk aktiviti sukan adalah sebanyak RM10.00 untuk setiap jam dan bagi majlis perkahwinan pula sebanyak RM200 hingga RM350 dari jam 8.00 pagi hingga 12 tengahari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

4.7.5 Analisis Keseluruhan Daya Tampung Kemudahan Sosial Terpilih Yang Sedia Ada Mengikut Kawasan Berdasarkan Pandangan Responden

Secara keseluruhannya, hasil analisis daya tampung kemudahan sosial terpilih yang sedia ada mengikut kawasan berdasarkan pandangan responden mendapati terdapat perbezaan pandangan responden di setiap kawasan. Daya tampung kemudahan-kemudahan sosial yang terdapat di kawasan Bukit Beruntung kebanyakannya tidak mencukupi mengikut pandangan pengguna kecuali kemudahan tadika. Manakala bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kawasan Serendah pula, hasil kajian mendapati kesemua kemudahan yang terdapat di kawasan tersebut adalah mencukupi.

Jadual 4.20

Analisis keseluruhan daya tampung kemudahan sosial terpilih yang sedia ada mengikut kawasan berdasarkan pandangan responden

Kemudahan	Pandangan Responden				
	Bukit Beruntung	Bukit Sentosa	Sungai Buaya	Sungai Choh	Serendah
Sekolah Rendah	X	X	√	√	√
Sekolah Menengah	X	X	√	√	√
Tadika	√	√	√	√	√
Klinik Kesihatan Komuniti	-	-	-	-	√
Klinik Desa	-	-	X	-	-
Klinik Ibu dan Anak	-	√	-	-	-
Klinik 1 Malaysia	X	√	√	-	-
Klinik Swasta	X	√	√	X	√
Balai Polis	X	√	-	-	√
Pondok Polis	-	√	X	-	-
Masjid	X	X	√	√	√
Dewan Komuniti	-	√	√	√	√
Jumlah	6/7	2/10	2/9	1/6	0/8

√: Cukup X: Tidak Cukup -: Tiada Kemudahan

Dari aspek jenis kemudahan sosial pula, hasil kajian mendapati kemudahan tadika dan dewan komuniti merupakan kemudahan yang mencukupi berdasarkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pandangan pengguna di setiap kawasan di Mukim Serendah. Hasil daripada temu bual yang dijalankan bersama Pegawai Pelajaran Daerah Hulu Selangor, kemudahan tadika disediakan oleh pihak kerajaan di setiap sekolah-sekolah rendah kebangsaan dan tabika yang disediakan oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Menurut beliau lagi, selain pihak kerajaan, kemudahan tadika juga disediakan oleh pihak swasta berdasarkan kepada permintaan daripada penduduk. Peranan yang dimainkan oleh pihak swasta tersebut dapat menampung murid-murid untuk mendapat pendidikan awal.

4.8 Tahap Kepuasan Pengguna Terhadap Kemudahan Sosial Terpilih yang Sedia Ada di Mukim Serendah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tahap kepuasan pengguna merupakan elemen penting dalam menilai sejauh mana pandangan pengguna terhadap kemudahan sosial yang sedia ada di kawasan mereka. Hasil kajian ini juga dapat mengukuhkan lagi hasil kajian yang diperoleh melalui analisis daya tampung berdasarkan piawaian yang digariskan oleh pihak JPBD. Elemen yang dikaji berdasarkan pandangan responden terhadap tahap kepuasan pengguna adalah seperti aspek kualiti kemudahan, kemudahan meletak kenderaan, kuantiti kemudahan, kemudahsampaian, lokasi kemudahan dan jarak kemudahan dari tempat tinggal responden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.8.1 Tahap Kepuasan Pengguna Terhadap Kemudahan Pendidikan

Hasil kajian terhadap tahap kepuasan pengguna dari aspek kualiti kemudahan pendidikan yang sedia ada mengikut kawasan di Mukim Serendah mendapati nilai min tertinggi adalah di kawasan Serendah iaitu dengan nilai min purata sebanyak 3.52 dengan sisihan piawai 0.83 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna berada pada tahap sederhana. Nilai min yang terendah bagi elemen tahap kepuasan pengguna terhadap kualiti kemudahan pendidikan adalah di kawasan Bukit Sentosa iaitu dengan nilai min purata 2.75 dengan sisihan piawai 0.59 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna berada pada tahap kurang memuaskan.

Hasil kajian daripada aspek tahap kepuasan pengguna bagi elemen kemudahan meletak kenderaan di pusat pendidikan juga menunjukkan nilai min paling tinggi dicatatkan di kawasan Serendah iaitu dengan nilai min purata 3.64 dan sisihan piawai 0.83 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna pada tahap sederhana. Manakala nilai min paling rendah adalah di kawasan Bukit Sentosa iaitu dengan nilai min purata 2.75 dan sisihan piawai 0.59 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan meletak kenderaan di pusat pendidikan berada pada tahap tidak memuaskan.

Dari aspek kuantiti kemudahan pendidikan pula, hasil kajian mendapati nilai min tertinggi adalah di kawasan Serendah iaitu dengan nilai min purata 3.89 dan sisihan piawai 0.83 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna terhadap aspek tersebut berada pada tahap sederhana. Manakala nilai min purata terendah pula dicatatkan di kawasan Bukit Beruntung iaitu dengan nilai min purata 2.78 dan sisihan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

piawai 0.88 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna terhadap kuantiti kemudahan pendidikan di tahap tidak memuaskan.

Jadual 4.21

Tahap kepuasan responden terhadap kemudahan pendidikan mengikut kawasan di Mukim Serendah

Kemudahan pendidikan	Kawasan									
	Bukit Beruntung		Bukit Sentosa		Sungai Buaya		Sungai Choh		Serendah	
	Min	SP	Min	SP	Min	SP	Min	SP	Min	SP
Kualiti kemudahan	2.80	0.88	2.75	0.59	2.92	0.93	2.94	1.07	3.52	0.83
Kemudahan meletak kenderaan	2.89	0.84	2.75	0.59	2.95	0.75	3.06	1.19	3.64	0.97
Kuantiti kemudahan	2.78	0.88	3.21	0.83	3.40	0.77	3.33	1.23	3.89	0.83
Kemudah sampaian	2.87	0.85	3.18	0.72	3.10	0.84	2.92	1.06	3.52	0.83
Lokasi kemudahan	2.84	0.85	3.57	0.92	3.45	0.79	3.48	0.73	3.46	0.70
Jarak kemudahan	2.81	0.88	3.57	0.92	3.02	0.87	2.96	0.82	3.00	0.91

Sumber: Kajian Lapangan, 2015

* 1: Sangat Tidak Memuaskan 2: Kurang Memuaskan 3: Sederhana 4: Memuaskan 5: Sangat Memuaskan
SP: Sisihan Piawai

Hasil kajian tahap kepuasan pengguna dari aspek kemudahsampaian kepada kemudahan pendidikan yang sedia ada mengikut kawasan di Mukim Serendah mendapati nilai min tertinggi adalah di kawasan Serendah iaitu dengan nilai min

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

purata sebanyak 3.52 dengan sisihan piawai 0.83 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna berada pada tahap sederhana. Nilai min yang terendah bagi elemen tahap kepuasan pengguna kepada kemudahsampaian kemudahan pendidikan adalah di kawasan Bukit Beruntung iaitu dengan nilai min purata 2.87 dengan sisihan piawai 0.85 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna berada pada tahap kurang memuaskan.

Bagi elemen perletakan lokasi kemudahan pendidikan pula, nilai min paling tinggi dicatatkan di kawasan Bukit Sentosa iaitu dengan nilai min purata 3.57 dan sisihan piawai 0.92 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna pada tahap sederhana. Manakala nilai min paling rendah adalah di kawasan Bukit Beruntung iaitu dengan nilai min purata 2.84 dan sisihan piawai 0.85 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan meletak kenderaan di pusat pendidikan berada pada tahap tidak memuaskan.

Dari aspek jarak kemudahan pendidikan dengan tempat tinggal responden pula, hasil kajian juga mendapati nilai min tertinggi adalah di kawasan Bukit Sentosa iaitu dengan nilai min purata 3.57 dan sisihan piawai 0.92 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna terhadap aspek tersebut berada pada tahap sederhana. Manakala nilai min purata terendah pula dicatatkan di kawasan Bukit Beruntung iaitu dengan nilai min purata 2.81 dan sisihan piawai 0.88 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna terhadap jarak kemudahan pendidikan dengan tempat tinggal responden di tahap tidak memuaskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.8.2 Tahap Kepuasan Pengguna Terhadap Kemudahan Kesihatan

Hasil kajian terhadap tahap kepuasan pengguna dari aspek kualiti kemudahan kesihatan yang sedia ada mengikut kawasan di Mukim Serendah mendapati nilai min tertinggi adalah di kawasan Serendah iaitu dengan nilai min purata sebanyak 3.64 dengan sisihan piawai 1.12 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna berada pada tahap sederhana. Nilai min yang terendah bagi elemen tahap kepuasan pengguna terhadap kualiti kemudahan kesihatan adalah di kawasan Sungai Choh iaitu dengan nilai min purata 1.69 dengan sisihan piawai 0.83 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna berada pada tahap amat tidak memuaskan.

Hasil kajian terhadap tahap kepuasan pengguna bagi elemen kemudahan meletak kenderaan di pusat kesihatan menunjukkan nilai min paling tinggi dicatatkan di kawasan Bukit Beruntung iaitu dengan nilai min purata 2.90 dan sisihan piawai 0.42 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna pada tahap kurang memuaskan. Manakala nilai min paling rendah adalah di kawasan Sungai Choh iaitu dengan nilai min purata 1.77 dan sisihan piawai 0.94 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan meletak kenderaan di pusat kesihatan berada pada tahap amat tidak memuaskan.

Dari aspek kuantiti kemudahan kesihatan pula, hasil kajian mendapati nilai min tertinggi adalah di kawasan Serendah iaitu dengan nilai min purata 3.27 dan sisihan piawai 0.95 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna terhadap aspek tersebut berada pada tahap sederhana. Manakala nilai min purata terendah pula juga dicatatkan di kawasan Sungai Choh iaitu dengan nilai min purata 1.75 dan sisihan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

piawai 0.86 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna terhadap kuantiti kemudahan kesihatan di kawasan tersebut di tahap amat tidak memuaskan.

Jadual 4.22

Tahap kepuasan responden terhadap kemudahan kesihatan mengikut kawasan di Mukim Serendah

Kemudahan kesihatan	Kawasan									
	Bukit Beruntung		Bukit Sentosa		Sungai Buaya		Sungai Choh		Serendah	
	Min	SP	Min	SP	Min	SP	Min	SP	Min	SP
Kualiti kemudahan	2.11	0.40	2.46	0.74	2.55	0.83	1.69	0.83	3.64	1.12
Kemudahan meletak kenderaan	2.90	0.42	2.82	0.48	2.55	0.83	1.77	0.94	2.71	1.18
Kuantiti kemudahan	2.00	0.30	2.82	0.48	2.55	0.83	1.75	0.86	3.27	0.95
Kemudah -sampaian	2.80	0.53	2.79	0.57	2.53	0.83	1.92	0.88	3.06	1.00
Lokasi kemudahan	2.22	0.61	2.79	0.57	2.53	0.83	1.89	0.96	3.60	1.09
Jarak kemudahan	2.27	0.70	2.79	0.57	2.53	0.83	1.89	0.86	3.00	1.00

Sumber: Kajian Lapangan, 2015

* 1: Sangat Tidak Memuaskan 2: Kurang Memuaskan 3: Sederhana 4: Memuaskan 5: Sangat Memuaskan
SP: Sisihan Piawai

Hasil kajian terhadap tahap kepuasan pengguna dari aspek kemudahsampaian terhadap kemudahan kesihatan yang sedia ada mengikut kawasan di Mukim Serendah mendapati nilai min tertinggi adalah di kawasan Serendah iaitu dengan nilai min

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

purata sebanyak 3.06 dengan sisihan piawai 1.00 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna berada pada tahap sederhana. Nilai min yang terendah bagi elemen tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahsampaian terhadap kemudahan kesihatan adalah di kawasan Sungai Choh iaitu dengan nilai min purata 1.89 dengan sisihan piawai 0.96 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna berada pada tahap amat tidak memuaskan.

Bagi elemen perletakan lokasi kemudahan kesihatan pula, nilai min paling tinggi dicatatkan di kawasan Serendah iaitu dengan nilai min purata 3.60 dan sisihan piawai 1.00 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna pada tahap sederhana. Manakala nilai min paling rendah adalah di kawasan Sungai Choh iaitu dengan nilai min purata 1.89 dan sisihan piawai 0.96 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan meletak kenderaan di pusat kesihatan berada pada tahap amat tidak memuaskan.

Dari aspek jarak kemudahan kesihatan dengan tempat tinggal responden pula, hasil kajian juga mendapati nilai min tertinggi adalah di kawasan Serendah iaitu dengan nilai min purata 3.00 dan sisihan piawai 1.00 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna terhadap aspek tersebut berada pada tahap sederhana. Manakala nilai min purata terendah pula dicatatkan di kawasan Sungai Choh iaitu dengan nilai min purata 1.89 dan sisihan piawai 0.86 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna terhadap jarak kemudahan kesihatan dengan tempat tinggal mereka pada tahap amat tidak memuaskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.8.3 Tahap Kepuasan Pengguna Terhadap Kemudahan Keselamatan

Hasil kajian terhadap tahap kepuasan pengguna dari aspek kawalan keselamatan yang di Mukim Serendah mendapati nilai min tertinggi adalah di kawasan Serendah iaitu dengan nilai min purata sebanyak 3.71 dengan sisihan piawai 0.89 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna berada pada tahap sederhana. Nilai min yang terendah bagi elemen tahap kepuasan pengguna terhadap kawalan keselamatan adalah di kawasan Sungai Choh iaitu dengan nilai min purata 1.54 dengan sisihan piawai 0.75 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna berada pada tahap amat tidak memuaskan.

Hasil kajian terhadap tahap kepuasan pengguna bagi elemen kualiti kemudahan juga menunjukkan nilai min paling tinggi dicatatkan di kawasan Serendah iaitu dengan nilai min purata 3.58 dan sisihan piawai 0.75 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna pada tahap sederhana. Manakala nilai min paling rendah adalah juga dicatatkan di kawasan Sungai Choh iaitu dengan nilai min purata 1.58 dan sisihan piawai 0.85 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna terhadap kualiti kemudahan keselamatan berada pada tahap amat tidak memuaskan.

Dari aspek kuantiti kemudahan keselamatan pula, hasil kajian mendapati nilai min tertinggi juga dicatatkan di kawasan Serendah iaitu dengan nilai min purata 3.39 dan sisihan piawai 0.87 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna terhadap aspek tersebut berada pada tahap sederhana. Manakala nilai min purata terendah pula dicatatkan di kawasan Sungai Choh iaitu dengan nilai min purata 1.37 dan sisihan piawai 0.53 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna terhadap kuantiti kemudahan keselamatan di tahap amat tidak memuaskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.23

Tahap kepuasan responden terhadap kemudahan keselamatan mengikut kawasan di Mukim Serendah

Kemudahan keselamatan	Kawasan									
	Bukit Beruntung		Bukit Sentosa		Sungai Buaya		Sungai Choh		Serendah	
	Min	SP	Min	SP	Min	SP	Min	SP	Min	SP
Jaminan keselamatan	2.60	0.95	3.18	0.72	2.78	0.92	3.46	0.70	3.71	0.89
Kualiti kemudahan	2.04	0.83	3.00	0.86	3.20	0.71	3.48	0.75	3.58	0.75
Kuantiti kemudahan	2.18	0.87	3.21	0.83	3.08	0.67	3.48	0.70	3.39	0.87
Kemudah -sampaian	2.04	0.84	3.04	0.84	3.23	0.70	3.42	0.78	3.56	0.96
Lokasi kemudahan	2.03	0.83	3.04	0.84	3.23	0.70	2.37	1.07	3.62	0.80
Jarak kemudahan	2.03	0.84	3.25	0.80	3.23	0.70	2.37	1.05	3.46	0.58

Sumber: Kajian Lapangan, 2015

* 1: Sangat Tidak Memuaskan 2: Kurang Memuaskan 3: Sederhana 4: Memuaskan 5: Sangat Memuaskan
SP: Sisihan Piawai

Hasil kajian tahap kepuasan pengguna dari aspek kemudahsampaian kepada kemudahan keselamatan yang sedia ada mengikut kawasan di Mukim Serendah mendapati nilai min tertinggi adalah di kawasan Serendah iaitu dengan nilai min purata sebanyak 3.56 dengan sisihan piawai 0.96 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna berada pada tahap sederhana. Manakala nilai min yang terendah bagi elemen tahap kepuasan pengguna dari segi kemudahsampaian kemudahan keselamatan adalah di kawasan Sungai Choh iaitu dengan nilai min purata 1.39

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan sisihan piawai 0.53 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna berada pada amat tidak memuaskan.

Bagi elemen perletakan lokasi kemudahan keselamatan pula, nilai min paling tinggi dicatatkan di kawasan Serendah iaitu dengan nilai min purata 3.62 dan sisihan piawai 0.80 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna pada tahap sederhana. Manakala nilai min paling rendah adalah di kawasan Sungai Choh iaitu dengan nilai min purata 1.60 dan sisihan piawai 0.80 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna terhadap lokasi kemudahan keselamatan dengan tempat tinggal responden berada pada tahap amat tidak memuaskan.

Dari aspek jarak kemudahan keselamatan dengan tempat tinggal responden pula, hasil kajian juga mendapati nilai min tertinggi adalah di kawasan Serendah iaitu dengan nilai min purata 3.46 dan sisihan piawai 0.58 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna terhadap aspek tersebut berada pada tahap sederhana. Manakala nilai min purata terendah turut dicatatkan di kawasan Sungai Choh iaitu dengan nilai min purata 1.40 dan sisihan piawai 0.63 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna dari segi kuantiti kemudahan pendidikan di tahap amat tidak memuaskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.8.4 Tahap Kepuasan Pengguna Terhadap Kemudahan Pusat Komuniti

Hasil kajian terhadap tahap kepuasan pengguna dari aspek kualiti kemudahan pusat komuniti yang sedia ada mengikut kawasan di Mukim Serendah mendapati nilai min tertinggi adalah di Sungai Choh iaitu dengan nilai min purata sebanyak 3.23 dengan sisihan piawai 0.90 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna berada pada tahap sederhana. Nilai min yang terendah bagi elemen tahap kepuasan pengguna terhadap kualiti kemudahan pusat komuniti adalah di kawasan Bukit Beruntung iaitu dengan nilai min purata 1.88 dengan sisihan piawai 0.75 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna berada pada tahap amat tidak memuaskan.

Seterusnya, hasil kajian terhadap tahap kepuasan pengguna bagi elemen kemudahan meletak kenderaan di pusat komuniti menunjukkan nilai min paling tinggi dicatatkan di kawasan Bukit Sentosa iaitu dengan nilai min purata 3.64 dan sisihan piawai 1.06 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna pada tahap sederhana. Manakala nilai min paling rendah adalah di kawasan Bukit Beruntung iaitu dengan nilai min purata 1.84 dan sisihan piawai 0.74 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan meletak kenderaan di pusat pendidikan berada pada tahap amat tidak memuaskan.

Dari aspek kuantiti kemudahan pusat komuniti pula, hasil kajian mendapati nilai min tertinggi adalah di kawasan Sungai Buaya iaitu dengan nilai min purata 3.00 dan sisihan piawai 0.86 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna terhadap aspek tersebut berada pada tahap sederhana. Manakala nilai min purata terendah pula dicatatkan di kawasan Bukit Beruntung iaitu dengan nilai min purata 1.80 dan sisihan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

piawai 0.72 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna terhadap kuantiti kemudahan pusat komuniti pada tahap amat tidak memuaskan.

Selain itu, hasil kajian dari aspek tahap kepuasan pengguna kepada kemudahsampaian terhadap kemudahan pusat komuniti yang sedia ada mengikut kawasan di Mukim Serendah mendapati nilai min tertinggi adalah di kawasan Serendah iaitu dengan nilai min purata sebanyak 3.52 dengan sisihan piawai 0.78 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna berada pada tahap sederhana. Nilai min yang terendah bagi elemen tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahsampaian terhadap kemudahan pusat komuniti adalah di kawasan Bukit Beruntung iaitu dengan nilai min purata 1.78 dengan sisihan piawai 0.72 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna berada pada tahap amat tidak memuaskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi elemen perletakan lokasi kemudahan pusat komuniti pula, nilai min paling tinggi dicatatkan di kawasan Serendah iaitu dengan nilai min purata 3.52 dan sisihan piawai 0.78 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna pada tahap sederhana. Manakala nilai min paling rendah adalah di kawasan Bukit Beruntung iaitu dengan nilai min purata 1.85 dan sisihan piawai 0.74 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan meletak kenderaan di pusat komuniti berada pada tahap amat tidak memuaskan.

Seterusnya, dari aspek jarak kemudahan pusat komuniti dengan tempat tinggal responden pula, hasil kajian juga mendapati nilai min tertinggi adalah di kawasan Sungai Buaya iaitu dengan nilai min purata 3.33 dan sisihan piawai 1.00 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna terhadap aspek tersebut berada pada tahap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sederhana. Manakala nilai min purata terendah pula dicatatkan di kawasan Bukit Beruntung iaitu dengan nilai min purata 1.83 dan sisihan piawai 0.72 yang menunjukkan tahap kepuasan pengguna terhadap jarak kemudahan pusat komuniti pada tahap tidak memuaskan.

Jadual 4.24

Tahap kepuasan responden terhadap kemudahan pusat komuniti mengikut kawasan di Mukim Serendah

Kemudahan pusat komuniti	Kawasan									
	Bukit Beruntung		Bukit Sentosa		Sungai Buaya		Sungai Choh		Serendah	
	Min	SP	Min	SP	Min	SP	Min	SP	Min	SP
Keselesaan	1.88	0.75	2.96	1.29	3.18	0.77	3.23	0.90	2.65	1.08
Kemudahan meletak kenderaan	1.84	0.74	3.64	1.06	3.27	0.86	2.94	1.02	2.79	1.00
Kuantiti	1.80	0.72	1.89	0.74	3.00	0.86	2.10	0.87	2.73	1.07
Kemudah-sampaian	1.78	0.72	2.18	0.82	3.25	0.75	2.35	1.06	3.52	0.78
Lokasi kemudahan	1.85	0.74	1.89	0.74	3.17	1.09	2.21	0.89	3.62	0.66
Jarak kemudahan	1.83	0.72	1.96	0.74	3.33	1.00	2.02	0.78	2.65	1.05

Sumber: Kajian Lapangan, 2015

* 1: Sangat Tidak Memuaskan 2: Kurang Memuaskan 3: Sederhana 4: Memuaskan 5: Sangat Memuaskan
SP: Sisihan Piawai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.9 Analisis Cadangan Penambahbaikan Kemudahan Sosial Terpilih


Terdapat beberapa cadangan yang telah dikemukakan melalui soal selidik terhadap penambahbahbaikan kemudahan berdasarkan elemen-elemen penyediaan kemudahan sosial. Cadangan yang dikemukakan melalui soalan tertutup tersebut untuk menilai sama ada responden bersetuju atau tidak bersetuju dengan cadangan penambahbaikan kemudahan sosial yang terdapat di kawasan responden. Di samping itu, terdapat juga soalan terbuka yang dijawab oleh responden berdasarkan keperluan dan kefahaman mereka tentang aspek penambahbaikan kemudahan sosial di kawasan responden.

Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati seramai 362 responden atau 90.5 peratus adalah bersetuju dengan cadangan kualiti kemudahan sosial terpilih yang terdapat di kawasan mereka perlu ditambahbaik dan hanya 38 responden atau 9.5 peratus sahaja yang tidak bersetuju. Berdasarkan analisis mengikut kawasan juga mendapati responden lebih ramai bersetuju daripada tidak bersetuju (Rajah 4.9).

Hasil keputusan ujian khi kuasa dua kebagusan ialah $x^2 = 1.889$, df=4, $p>0.05$ yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap cadangan kualiti kemudahan ditambahbaik mengikut kawasan di Mukim Serendah (Rajah 4.9). Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti pengguna di setiap kawasan dalam Mukim Serendah tidak berpuas hati dengan kualiti kemudahan sosial yang terdapat di kawasan mereka dan penambahbaikan terhadap aspek tersebut perlu dipertingkatkan oleh pihak yang bertanggungjawab dalam perancangan penyediaan kemudahan sosial.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



x^2 =1.889, df=4, p>0.05


Rajah 4.9. Cadangan supaya kualiti kemudahan sosial perlu ditambahbaik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari segi pandangan responden terhadap cadangan kemudahan sosial diletakkan berhampiran tempat tinggal pengguna pula mendapati seramai 379 orang responden atau 94.8 peratus adalah bersetuju berbanding hanya 21 responden atau 5.2 peratus sahaja yang tidak bersetuju dengan cadangan tersebut. Berdasarkan analisis mengikut kawasan juga mendapati responden lebih ramai bersetuju daripada tidak bersetuju. Hasil keputusan ujian khi kuasa dua kebagusan ialah x^2 =1.630, df=4, p>0.05 yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pandangan responden mengikut kawasan di Mukim Serendah terhadap cadangan perletakan kemudahan sosial berhampiran dengan tempat tinggal responden (Rajah 4.10).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



x^2 =1.630, df=4, p>0.05


Rajah 4.10. Cadangan supaya kemudahan sosial perlu disediakan berhampiran dengan tempat tinggal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.11 pula menunjukkan hasil kajian ke atas pandangan responden terhadap cadangan supaya lokasi kemudahan sosial perlu diletakkan di kawasan yang mempunyai ketersampaian terhadap kemudahan pengangkutan awam mendapati seramai 376 orang responden atau 94 peratus adalah bersetuju berbanding hanya 24 orang responden atau 6 peratus sahaja yang tidak bersetuju dengan cadangan tersebut. Hasil keputusan ujian khi kuasa dua kebagusan ialah x^2 =4.308, df=4, p>0.05 yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pandangan responden mengikut kawasan di Mukim Serendah terhadap cadangan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




x^2 =4.308, df=4, p>0.05

Rajah 4.11. Cadangan supaya lokasi kemudahan sosial perlu diletakkan di kawasan yang mempunyai ketersampaian kemudahan pengangkutan awam

Seterusnya, dari segi pandangan responden terhadap cadangan supaya taburan kemudahan perlu diseimbangkan dengan jumlah penduduk pula mendapati majoriti responden bersetuju dengan pandangan tersebut iaitu seramai 386 orang responden atau 96.5 peratus berbanding hanya 14 responden atau 3.5 peratus sahaja yang tidak bersetuju. Berdasarkan analisis mengikut kawasan juga mendapati responden lebih ramai bersetuju daripada tidak bersetuju. Hasil keputusan ujian khi kuasa dua kebagusan ialah x^2 =1.951, df=4, p>0.05 yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pandangan responden mengikut kawasan di Mukim Serendah terhadap cadangan tersebut (Rajah 4.12).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.12. Cadangan supaya taburan kemudahan perlu diseimbangkan dengan jumlah penduduk

Hasil kajian dari segi pandangan keseluruhan responden di Mukim Serendah terhadap cadangan supaya jumlah kemudahan sosial perlu ditambah mengikut jumlah penduduk pula mendapati seramai 385 orang responden atau 96.3 peratus adalah bersetuju berbanding hanya 15 responden atau 3.7 peratus sahaja yang tidak bersetuju dengan cadangan tersebut. Berdasarkan analisis mengikut kawasan juga mendapati majoriti responden lebih ramai bersetuju daripada tidak bersetuju dengan cadangan tersebut. Hasil keputusan ujian khi kuasa dua kebagusan ialah x^2 =5.580, df=4, p>0.05 yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pandangan responden mengikut kawasan di Mukim Serendah terhadap cadangan tersebut (Rajah 4.13).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



x^2 =5.580, df=4, p>0.05

Rajah 4.13. Cadangan supaya jumlah kemudahan sosial perlu ditambah mengikut jumlah penduduk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, beberapa cadangan telah dikemukakan oleh wakil penduduk di setiap kawasan yang telah ditemu bual. Antara cadangan yang dikemukakan adalah supaya kemudahan ditambah terutama kemudahan kesihatan dan kemudahan pendidikan. Wakil penduduk Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung berpendapat sebuah kemudahan hospital kerajaan perlu dibina di kawasan tersebut memandangkan hospital kerajaan yang terdekat iaitu klinik komuniti yang terdapat di Serendah agak jauh dan bilangan wad amat terhad. Selain itu, kemudahan pendidikan juga amat diperlukan di kawasan tersebut memandangkan sekolah yang sedia ada tidak dapat menampung jumlah murid yang terlalu ramai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.10 Kesimpulan

Secara umumya, hasil kajian yang diperoleh melalui analisis daya tampung berdasarkan garis panduan menunjukkan kebanyakan kemudahan yang terdapat di Mukim Serendah tidak memenuhi piawaian yang digariskan oleh pihak JPBD. Kawasan yang paling kritikal dari segi daya tampung ialah kawasan Bukit Beruntung kerana faktor jumlah penduduk yang ramai di kawasan tersebut dan tidak seimbang dengan kuantiti kemudahan yang sedia ada. Daya tampung kemudahan sosial di Bukit Sentosa juga berada pada tahap tidak memenuhi piawaian kerana kesan daripada kunjungan pengguna daripada Bukit Beruntung yang menggunakan kemudahan di kawasan tersebut disebabkan lokasinya yang berdekatan dengan Bukit Beruntung.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari segi jenis kemudahan pula didapati daya tampung kemudahan sosial yang disediakan oleh pihak kerajaan menunjukkan bahawa kemudahan tersebut tidak memenuhi piawai yang digariskan oleh pihak JPBD kerana penduduk amat bergantung kepada perkhidmatan awam kerana disebabkan faktor latar belakang ekonomi yang majoriti berpendapatan sederhana atau rendah. Sebaliknya, bagi kemudahan yang disediakan oleh pihak swasta seperti klinik swasta dan tadika swasta mencukupi dan memenuhi piawaian yang digariskan.

Dari segi pandangan pengguna pula terdapat terdapat perbezaan dengan hasil kajian melalui analisis daya tampung berdasarkan garis panduan. Kemudahan pusat komuniti misalnya, walaupun kemudahan tersebut di kebanyakan kawasan memenuhi piawaian yang digariskan namun dari segi pandangan responden menunjukkan kemudahan tersebut mencukupi. Faktor majoriti responden berpandangan seperti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berikut adalah disebabkan faktor bayaran yang dikenakan untuk menggunakan kemudahan tersebut dan ia tidak menjadi sesuatu keperluan kepada pengguna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Pendahuluan

Dalam bab lima ini, aspek yang diperincikan adalah berkaitan dengan perbincangan penemuan kajian yang terdapat dalam bab empat. Seterusnya, kesimpulan dibuat bagi merumuskan secara keseluruhan hasil kajian yang diperoleh. Aspek yang berikutnya adalah cadangan penambahbaikan kemudahan-kemudahan sosial terpilih yang sedia ada berdasarkan kepada jawapan daripada soal selidik dan temu bual yang telah dijalankan. Hasil daripada jawapan soalan tertutup yang dikemukakan melaui soalan soal selidik dapat menentukan sama ada responden bersetuju atau tidak terhadap aspek-aspek penambahbaikan terhadap kemudahan sosial terpilih yang sedia ada di kawasan mereka. Selain itu terdapat juga soalan terbuka berkaitan dengan cadangan penambahbaikan kemudahan-kemudahan sosial terpilih di kawasan responden sebagai tambahan kepada cadangan yang telah dikemukakan melalui soalan tertutup. Temu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bual yang dijalankan ke atas responden melalui pemilihan responden bertujuan dapat memberikan cadangan-cadangan yang releven ke arah meningkatkan lagi aspek penyediaan kemudahan-kemudahan sosial terpilih yang sedia ada atau dalam perancangan.

5.2 Perbincangan dan Rumusan Kajian

Secara keseluruhannya, daripada aspek kuantiti kemudahan sosial terpilih mengikut kawasan didapati tidak seimbang mengikut kawasan-kawasan yang terdapat di dalam Mukim Serendah. Penyediaan kemudahan sosial disetiap kawasan didapati tidak seimbang dengan jumlah penduduk menyebabkan daya tampung kemudahan yang sedia ada tidak dapat menampung jumlah pengguna. Kawasan yang paling tidak memenuhi piawaian penyediaan kemudahan sosial berdasarkan nisbah kuantiti kemudahan dengan jumlah penduduk adalah kawasan Bukit Beruntung yang mana hampir kesemua jenis kemudahan sosial terpilih yang sedia ada di kawasan tersebut tidak memenuhi garis panduan penyediaan kemudahan sosial.

Jenis kemudahan sosial yang paling kritikal dan tidak memenuhi piawaian dari segi kuantitinya adalah kemudahan pendidikan. Bagi kemudahan sekolah rendah, kawasan Bukit Beruntung memerlukan sebuah sekolah tambahan kerana kemudahan tersebut tidak memenuhi nisbah yang digariskan oleh pihak JPBD (2013). Selain itu, kemudahan sekolah menengah juga perlu ditambah sebanyak dua buah lagi kerana sekolah menengah yang sedia ada tidak dapat menampung jumlah pelajar yang ramai di kawasan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari segi taburan kemudahan sosial mengikut kawasan-kawasan yang terdapat dalam Mukim Serendah menunjukkan taburan kemudahan adalah tidak seimbang mengikut kawasan. Taburan kemudahan disetiap kawasan juga berbeza mengikut jenis kemudahan sosial. Terdapat sesetengah kawasan yang mempunyai taburan kemudahan melebihi kawasan yang mempunyai penduduk yang lebih tinggi. Sebagai contoh, kemudahan kesihatan yang terdapat di Bukit Sentosa yang mempunyai taburan sebanyak 52 peratus berbanding dengan kawasan Bukit Beruntung yang mempunyai jumlah penduduk yang lebih tinggi adalah sebanyak 19 peratus.

Perbezaan taburan dari segi bilangan kemudahan berbanding jumlah penduduk ini menunjukkan bahawa taburannya adalah tidak seimbang. Kesan daripada taburan kemudahan yang tidak seimbang ini menyebabkan pengguna dari kawasan berhampiran akan mendapatkan kemudahan tersebut di kawasan yang berhampiran. Hal ini akan menyebabkan kawasan yang asalnya mempunyai kemudahan yang memenuhi piawaian dari segi nisbah jumlah kemudahan dengan bilangan kemudahan turut mengalami masalah daya tampung pengguna yang berlebihan atau tidak mencukupi.

Berdasarkan kepada hasil kajian terhadap pandangan responden di lima kawasan yang terdapat di Mukim Serendah mendapati bahawa kebanyakan pandangan adalah selari dengan hasil kajian terhadap piawaian berdasarkan nisbah kuantiti kemudahan berbanding jumlah kemudahan. Responden di Bukit Beruntung majoriti menyatakan bahawa kemudahan-kemudahan sosial yang terdapat di kawasan mereka tidak mencukupi kecuali kemudahan tadika. Manakala bagi kawasan Serendah pula majoriti responden menyatakan bahawa kesemua kemudahan sosial

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terpilih yang terdapat di kawasan mereka adalah mencukupi. Bagi kawasan-kawasan lain pula seperti Bukit Sentosa, Sungai Buaya, dan Sungai Choh menunjukkan bahawa hampir kesemua kemudahan-kemudahan sosial terpilih di kawasan mereka berada pada tahap mencukupi.

Walaupun hampir kesemua hasil kajian terhadap pandangan responden menunjukkan persamaan dengan hasil kajian melalui analisis kemudahan berdasarkan piawaian garis panduan kemudahan sosial namun terdapat perbezaan hasil kajian bagi kemudahan pusat komuniti. Berdasarkan pandangan responden terhadap kemudahan ini didapati kesemua kemudahan pusat komuniti yang terdapat di kawasan responden berada pada tahap mencukupi. Pandangan yang tidak selari dengan kemudahan-kemudahan sosial lain adalah disebabkan oleh faktor sewa yang dikenakan untuk mendapatkan kemudahan tersebut menyebabkan penggunaannya terbatas oleh golongan-golongan yang tidak berkemampuan. Hasil temu bual yang dijalankan di kawasan tersebut mendapati responden yang ditemu bual menyatakan bahawa kadar sewa yang dikenakan kepada pengguna menyebabkan kemudahan tersebut kurang mendapat sambutan daripada masyarakat. Faktor ini juga memainkan peranan dalam mempengaruhi daya tampung pengguna terhadap kemudahan-kemudahan sosial di kawasan mereka.

Hasil kajian berkaitan dengan tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan-kemudahan sosial terpilih yang sedia ada di kawasan-kawasan di Mukim Serendah menunjukkan tahap kepuasan pengguna berada pada tahap sederhana sehingga tahap amat tidak memuaskan. Kawasan yang mempunyai kemudahan pendidikan yang paling baik di Mukim Serendah adalah di kawasan Serendah yang mana kesemua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

elemen seperti kualiti kemudahan, kemudahan meletak kenderaan, kuantiti kemudahan, kemudahsampaian terhadap kemudahan, perletakan lokasi kemudahan dan aspek jarak kemudahan pendidikan dengan tempat tinggal responden berada pada tahap sederhana iaitu tahap yang tertinggi berbanding dengan kawasan lain di Mukim Serendah.

Daripada aspek tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan sosial yang sedia ada mengikut kawasan di Mukim Serendah mendapati bahawa tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan pendidikan, kemudahan kesihatan, dan kemudahan keselamatan di kawasan Bukit Beruntung berada pada tahap kurang memuaskan manakala kemudahan pusat komuniti pula berada pada tahap tidak memuaskan. Dapatan kajian menunjukkan tahap kepuasan dipengaruhi oleh jumlah penduduk yang ramai dan tidak seimbang dengan kemudahan yang sedia ada.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Sumbangan Kajian

Menerusi kajian, pihak yang bertanggunjawab dalam penyediaan kemudahan sosial boleh membuat keputusan yang tepat dalam menyediakan kemudahan sosial di sesuatu kawasan. Bagi pihak JPBD, perancangan kemudahan di sesuatu kawasan berdasarkan garis panduan bukan sekadar berdasarkan garis panduan semata-mata namun perlu melihat keperluan masyarakat setempat. Hal ini kerana walaupun sesebuah kawasan mempunyai kemudahan yang memenuhi piawai tetapi kemudahan tersebut tidak diperlukan oleh masyarakat menyebabkan berlakunya pembaziran. Dalam hal ini, kajian soal selidik atau tinjauan tentang keperluan penduduk di sesuatu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kawasan perlu diberi keutamaan oleh pihak perancang penyediaan kemudahan sosial sebelum merangka sesuatu projek penyediaan kemudahan sosial.

Selain itu, kajian ini juga penting kepada pihak Kementerian Pendididikan Malaysia untuk meningkatkan infrastruktur kemudahan pendidikan agar selaras dengan usaha kerajaan untuk menjadikan pendidikan negara setaraf dengan negara maju. Kelemahan dan kekurangan dalam aspek penyediaan kemudahan pendidikan memberikan implikasi kepada murid-murid dan guru-guru yang seterusnya boleh menjejaskan mutu pendidikan negara. Dalam hal ini, pihak kementerian perlu membuat pemantauan dan perlu mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh pihak JPBD.

